

Jilid II
Bil. 3



Hari Khamis
10hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 389]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih Kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 446]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DAIO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAHAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DAIO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DAIO' DR LIM KENG YATK. D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RTHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK. P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DAIIN PADUKA RAHDAH Aziz. D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO" DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD. s.i.M.p., p.N.B.s., j.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNTU, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DAIUK AMAK STEPHEN YONG KUEI TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR. D.P.M.S., s.M.r., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh. TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., p.i.s., B.s.i. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO" K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DA'U BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, D A T O GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., j,p. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negen, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam. TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut),
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO" ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Beia dan Sukan. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DAIO' DR Siu ZAHARAH BINII HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEK CHIN, A.M.N., p.i.s. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNIOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya. TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menten Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIHNG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DAIIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M/I., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DAIO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD, KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa),
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kcbajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI(Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD. D.G.S.M... D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., PJ.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P.. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S.. A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 .. TUAN CHEW KAM HOY A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
 .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 .. DR V. DAVID (Puchung).
 .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 .. TUAN FUNG KEI WING (Sandakan).
 .. TUAN GERARD MAIH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 ; TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 .. TUAN HASHIM BIN SAFIN alias SHAFAIN, A.M.N. (Tañah Merah),
 .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam)
 .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
 .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nems).
 .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.I., A.M.N. (Kemuman).
 .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
 .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNCGA, P.B.S. (Kaplt).
 .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. fPadas).
 .. DAIO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD. D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji)
 .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HÈNG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
 .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajarig).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHNG SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

.. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

.. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.I., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

.. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid. A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd, Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 10hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**GURU-GURU DI SELURUH
MALAYSIA**

1. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pendidikan menyatakan pada tahun ini 1988, berapa ramai guru-guru baru yang diambil untuk bertugas di seluruh Malaysia, berapa di sekolah rendah dan berapa di sekolah menengah dan berapa ramai lagi yang tidak dipenuhi.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru baru yang diambil bertugas di seluruh Malaysia pada tahun 1988 adalah seramai 8,231 orang. Bilangan guru yang diambil bertugas di Sekolah Rendah adalah seramai 5,635 orang dan di Sekolah Menengah seramai 2,596 orang.

Bilangan guru terlatih yang masih diperlukan adalah seramai 547 orang guru siswazah dalam bidang sastera.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya ingin mendapat maklumat kekurangan

guru-guru dalam mata-mata pelajaran yang tertentu. Oleh kerana saya berpendapat dalam zaman orang ghairah mencari pekerjaan perkara ini tidak patut berlaku. Itu soal pertama.

Yang kedua, saya mendapat maklumat bahawa terdapat satu program khas di Kementerian Yang Berhormat untuk pengambilan guru-guru, terutamanya daripada siswazah yang menganggur sekarang. Dapatkan Yang Berhormat maklumat hubung-kait perkara ini dengan soalan saya yang pertama tadi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi bahawa kekurangan guru yang saya ada di sini adalah guru-guru siswazah aliran Sastera yang saya telah sebutkan tadi mengikut mata pelajaran seperti mata pelajaran Bahasa Malaysia kita kekurangan 120 orang, bahasa Inggeris 194 orang, mata pelajaran Sejarah 84 orang, mata pelajaran Geography 68 orang, bahasa Cina 46 orang dan Bimbingan dan Kaunseling 4 orang yang dalam aliran Sastera mengikut guru-guru siswazah.

Kementerian memang ada mengadakan program untuk siswazah-siswazah yang mencari kerja tetapi ini tergantung juga kepada siswazah-siswazah yang ingin melabati diri dalam bidang pendidikan dan mengikut mata-mata pelajaran yang mereka ambil di peringkat universiti.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari kenyataan yang diberi

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan bahawa seramai 8,237 orang guru baru telah diambil. Dengan yang demikian tentulah guru-guru yang lama dinaikkan pangkat dan ditukarkan ke tempat-tempat yang lain. Soalan saya, apakah kaedah penukaran guru-guru dari satu tempat ke satu tempat kerana didapati ramai guru-guru bersungut mereka ditukarkan ke tempat yang jauh dengan kenaikan gaji yang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa, soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

KAWASAN PERINDUSTRIAN DISABAH

2. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan;

- (i) di manakah sebelas kawasan perindustrian di Sabah yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan peluang istimewa kepada pelabur tempatan dan luar negeri;
- (ii) berapakah kali telah Kerajaan Sabah dipelawa/dijemput mengambil bahagian di dalam rombongan Kerajaan Persekutuan menarik pelabur-pelabur asing; dan
- (iii) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh rombongan tersebut dan apakah tindakan selanjutnya yang telah diambil.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan perindustrian di Sabah yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan sebagai "Promoted industrial areas" atau kawasan perindustrian yang

digalakkan untuk 5 tahun mulai 1hb Januari, 1986 adalah seperti berikut:

Sandakan II
Lok Kawi II
Meruntum
Lahad Datu
Sepangar Bay
Kimanis
Woodfort Beaufort
Semporna
Keningau
Papar; dan
Ranau

Di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986, Syarikat Perkilangan yang terletak di kawasan-kawasan tersebut boleh diluluskan untuk mendapat "abatement" 5% dari "adjusted income" untuk selama 5 tahun di samping galakan-galakan atau "incentives" biasa diberi kepada sektor perkilangan.

Kerajaan Sabah sentiasa dijemput untuk mengambil bahagian dalam Rombongan Galakan Pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA. MIDA menganjurkan lebih kurang 5 Rombongan Galakan Pelaburan ke luar negeri setahun. Pada tahun 1987 Kerajaan Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) telah mengambil bahagian dalam satu rombongan iaitu Rombongan Galakan Pelaburan ke Finland, Belgium, Perancis dan Sweden yang diketuai oleh bekas Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Satu daripada tujuan-tujuan rombongan-rombongan galakan pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA adalah untuk memberi peluang kepada Kerajaan Negeri dan syarikat swasta untuk bertemu terus dengan bakal pelabur asing untuk meninjau kemungkinan pelaburan dalam projek-projek perkilangan yang tertentu. Semasa rombongan pelaburan ke

Peranchis, Finland, Sweden dan Belgium. wakil-wakil dari Kerajaan Sabah dan SEDCO telah berbincang kemungkinan pelaburan di Sabah dengan 15 buah syarikat asing. Antara projek-projek yang dibincangkan adalah seperti pengeluaran baja, "medium density fibre board", potential switch gears, "moulded rubber wood products" dan industri hotel. Tindakan susulan sedang diambil oleh Kerajaan Sabah dan SEDCO untuk memastikan pelaksanaan projek ini.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam kawasan perindustrian di Sabah yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Persekutuan apakah rancangan jangka panjangnya serta analisa dan kajian dari segi viabilitinya sudah dibual.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua. sebelum Kerajaan mengenalpastikan kawasan-kawasan yang sesuai untuk dapat promoted industrial area status, dengan izin, Kerajaan kita adalah mengkaji dengan teliti.

PETRONAS SEBAGAI AGENSI PENGGERAK

3. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menjadikan PETRONAS sebagai sebuah Agensi Penggerak kepada pertumbuhan beberapa bidang industri sampingan dalam negara memandangkan PETRONAS telah menjadi sebuah perusahaan gergasi dalam negara. Kiranya benar bagaimanakah rancangan ini dapat dilaksanakan dan apakah bidang-bidang industri yang telah dikenalpasti.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan PETRONAS

sebagai Agensi Penggerak kepada pertumbuhan berbagai industri sampingan petroleum. Seajar dengan dasar pembangunan negara, sektor swasta juga diharap dapat bekerjasama dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan industri sampingan tersebut. Namun demikian, PETRONAS telah melabur di dalam berbagai projek petroleum di peringkat hulu dan juga hiliran seperti projek mencarigali minyak mentah dan menapis minyak mentah dan akan juga melabur di dalam beberapa projek petrokimia. Secara tidak langsung projek-projek di peringkat hulu dan hiliran ini telah mewujudkan berbagai industri sampingan seperti khidmat kejuruteraan dan fabrikasi lapangan minyak di peringkat hulu dan pengedar-pengedar barang-barang petroleum di peringkat hiliran.

KEMPEN CINTAI BAHASA MALAYSIA

4. Tuan Zubir bin Embong minta Menten Pendidikan menyatakan kesan daripada Kempen Cintai Bahasa Malaysia. Sejauh mana berjayanya penggunaan Bahasa Malaysia baku di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak dilancarkan pada 11hb Disember, 1987 gerakan ini nampaknya telah mendapat liputan, sambutan dan penyertaan yang sangat baik dan menggalakkan. Pihak media elektronik, RTM dan TV3 telah mengadakan program forum khas, selain daripada liputan berita semasa dan hebahan promosi. Pihak akhbar dan penerbitan berkala yang lain juga telah memberikan liputan yang luas tentang gerakan ini untuk menyedarkan seluruh masyarakat di semua sektor pengguna tentang kekuatan bahasa kita dan pentingnya Bahasa

Kebangsaan digunakan dengan betul dan meluas dalam semua urusan dan kehidupan sehari-hari.

Di sektor Kerajaan, Gerakan Cintailah Bahasa Kita sedang giat dilaksanakan dengan penyertaan Jabatan Kerajaan pada peringkat Pusat dan Negeri-negeri. Ada Jabatan Kerajaan yang sudah membetulkan kesalahan bahasa di tempat mereka. Pihak yang berkenaan seperti pihak Kerajaan Tempatan sedang mengambil langkah untuk memperbaiki dan meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di tempat-tempat awam. Beberapa pihak di sektor swasta pun turut menyertai gerakan ini dengan mengatur acara-acara yang melibatkan pelbagai kaum, kalangan perniagaan, parti politik dan golongan masyarakat. Penyertaan semua kaum, khasnya kaum-kaum bukan Melayu dalam gerakan ini adalah membanggakan.

Dalam bidang pembinaan dan pengembangan aspek-aspek bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan edisi kedua Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Daftar Ejaan Rumi-Jawi dan pengayaan perbendaharaan kata umum dengan kata-kata daripada bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak.

Kesemua perkembangan yang berlaku kini jelas menunjukkan bahawa usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan melalui program Gerakan Cintailah Bahasa Kita mendapat perhatian dan diterima oleh Kerajaan dan masyarakat. Inilah kesan atau kesimpulan awal yang dapat kita rumuskan.

Bahasa baku atau bahasa standard telah digunakan dengan meluas dan dengan jayanya di sekolah dan pusat pengajian tinggi semenjak sistem pendidikan kebangsaan diperkenalkan tiga puluh tahun yang lalu. Semenjak itu, proses pemantapan bahasa baku terus berlaku hingga mencapai

tahapnya yang begitu maju pada masa ini. Tetapi, sekiranya istilah "bahasa baku" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah "sebutan baku" yang sedang diperkenalkan dan dilaksanakan di sektor persekolahan sejak awal tahun 1988 ini, maka belumlah lagi dapat kita mengukur kejayaannya.

Pedoman umum sebutan baku baru sahaja dirumuskan dan penerbitan buku pedoman ini sedang diselenggarakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan telah merancang strategi pelaksanaannya untuk sektor pendidikan yang akan berlaku sepanjang tahun ini. Maklumat umum sudah disebarkan ke semua sekolah semenjak tahun 1987 lagi, tetapi tenaga pengajar penting kumpulan pertama hanya baru akan menerima kursus intensif tentang sebutan baku yang terperinci pada cuti penggal persekolahan April, 1988 ini. Kita menjangka akan dapat melihat hasilnya yang konkrit selepas setahun pelaksanaan rancangan ini.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam gerak langkah untuk Cintai Bahasa Malaysia ini adakah rancangan Kementerian tersebut mengadakan gerak langkah seperti ini tiap-tiap 26 tahun sekali kerana kalau tak silap saya, kita adakan gerak langkah Gunakanlah Bahasa Malaysia pada tahun 1962. Adakah rancangan Kementerian Cintai Bahasa Malaysia ini untuk berterusan atau adakah ianya bermusim-musim.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dari nama gerakan ini, Gerakan Cintailah Bahasa Kita adalah menggambarkan bahawa gerakan ini atau program-program yang diadakan tidaklah bermusim, tetapi tidak terhad dari segi masa.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Kempen Cintai Bahasa Malaysia ini termasuk juga untuk menerapkan bahasa baku dari segi sebutan dan ejaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa garispanduan ejaan dan sebutan sedang disediakan. Soalnya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan kursus kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, Wakil-wakil Rakyat Pariimen dan Negeri untuk memastikan supaya mereka juga menggunakan bahasa baku kerana di Malaysia ini biasanya kalau dibuat oleh Menteri mendapat liputan yang berkesan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan dan masanya mengizinkan, kita akan jalankan.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bercakap mengenai kempen Bahasa Malaysia, saya ingin mengetahui daripada Timbalan Menteri berkenaan bahawa terdapat satu perkataan dalam bahasa keagamaan, iaitu perkataan "Allah" yang mana bagi kebanyakan rakyat Sabah menganggapnya sebagai salah satu perkataan Bahasa Malaysia. Apa yang saya ingin tahu ialah pada baru-baru ini saya telah dihubungi oleh beberapa orang tertentu yang menyatakan bahawa risalah-risalah atau buku-buku yang berunsur Kristian yang dipesan daripada Singapura ataupun Indonesia telah ditahan oleh pihak berkuasa Pejabat Pos atas alasan buku-buku atau risalah-risalah itu mengandungi perkataan "Allah" di dalamnya. Jadi, di sini saya ingin mengetahui kenapa buku-buku dan risalah itu ditahan atas sebab seperti yang disebutkan padahal tujuan kita menggunakan 'bahasa perkataan "Allah" itu adalah satu-satunya untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia, bukan sahaja mendaulatkan tetapi kita menunjukkan rasa cinta kita kepada bahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

KESIHATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keadaan kesihatan Timbalan Perdana Menteri yang menjalani rawatan di London selepas 27hb Oktober, 1987 yang lalu dan apakah penyakitnya yang sebenar;
- (b) berapakah perbelanjaan yang Kerajaan tanggung atas urusan perubatan itu; dan
- (c) adakah rombakan Kabinet akan dibuat bagi melepaskan tanggungjawab dan beban berat yang dipikul oleh Timbalan Perdana Menteri sekarang dan dengan tanggungjawab tersebut membebankan lagi kesihatan beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam); Tuan Yang di-Pertua;

- (a) kesihatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang teiah pulih setelah menjalani pembedahan di London baru-baru ini. Beliau telah menjalani pembedahan pengalihan laluan jantung (coronary by-pass).
- (b) Perbelanjaan perubatan yang terlibat ialah sebanyak \$40,842.88;

Pertanyaan (c) dalam soalan ini tidak berbangkit.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kabinetnya

dapat mengkaji laporan rawatan ataupun perubatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas kesihatannya, sama ada behau adalah sihat mental atau fizika! untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri memandangkan tanggungjawab jawatannya adalah sangat berat dan penting.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan (a) tadi saya telah katakan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bekarang telah pulih setelah menjalani pembedahan di London baru-baru ini. Kesihatan beliau adalah baik dan juga keadaan fizikalnya adalah baik. Namun kesihatannya sekarang lebih baik daripada yang dahulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah pihak Menteri berkenaan bersetuju kalau saya katakan jawatan Timbalan Perdana Menteri ini tidak akan kekal mengikut penggal pilihanraya, pertamanya kerana keadaan kesihatan tidak menjaminkan, keduanya, perlantikan itu bukanlah dari hasrat yang sebenar tetapi kerana suasana politik masa itu.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju.

TABUNG PEMBANGUNAN ASEAN-JEPUN

6. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan;

(a) bagaimana tindak-balas sektor swasta Malaysia setakat ini kepada package bantuan Jepun sebanyak US\$2 bilion untuk membangunkan sektor swasta ASEAN dengan memberikan butir-butir bilangan projek sektor swasta yang telah

dikenalpasti setakat ini, bentuk projek tersebut dan bilangan yang terlibat; dan

(b) bagaimana package bantuan dibahagikan antara negara-negara ASEAN; apakah syarat-syarat yang ditentukan dalam package bantuan itu; bagaimana wang itu dibahagi-bahagikan dan kadar faedah yang dikenakan dan sama ada package bantuan akan merupakan pelaburan terbesar Jepun di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak sektor swasta telah diberi taklimat terhadap Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun sebanyak US\$2 bilion. Setakat ini projek-projek bernilai lebih dari M\$2 bilion telah dikemukakan oleh pihak swasta termasuk syarikat-syarikat Kerajaan yang difikirkan boleh dibiayai melalui tabung berkenaan.

Pada peringkat permulaan, tabung ini akan dibahagikan atas prinsip ASEAN iaitu enam negara ASEAN akan mendapat pembahagian sama rata. Di antara ciri-ciri utama tabung ini adalah seperti berikut:

(i) Tabung ini dibiayai oleh OCEF (Overseas Economic Cooperation Fund), EXIM Bank dan syarikat-syarikat swasta Jepun. Wang dari tabung ini akan digunakan untuk pinjaman dan pelaburan ekuiti.

(ii) Syarat-syarat pinjaman adalah menarik, bukan sahaja dari segi kadar faedah tetapi juga tempoh bayaran balik yang panjang. Di samping itu syarat perolehan adalah tidak terikat kepada negara-negara sumber.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan tabung ini adalah merupakan satu skim kerjasama kewangan yang khas, Punca pinjaman yang sedia akan terus wujud.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari negara ASEAN dan Jepun telah bermesyuarat untuk menentukan prosedur penggunaan tabung ini. Pada umumnya tabung ini akan disalurkan menerusi empat institusi kewangan Kerajaan, iaitu Bank Pertanian, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia dan Malaysia Industrial Development Fund (MIDF).

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah faedah yang dikenakan oleh pihak Jepun terhadap pinjaman yang akan diberikan kepada kita dan jangkamasa bayaran balik terhadap hutang ini. dan sama ada Kerajaan telah mengkaji secara terperinci walaupun kemungkinan besar iriterest ataupun faedahnya rendah dan pembayarannya lama. Tetapi apa yang kita alami sekarang ini iaitu nilai matawang Yen'telah meningkat begitu tinggi sekali yang akan menyusahkan pembayaran balik hutang negara kita kepada Jepun. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan secara terperinci dalam perkara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh sumber pinjaman dari Jepun itu, Kerajaan hanya dapat memberi jawapan berkenaan dengan soalan ini bergantung kepada sumber pinjaman dari negara Jepun. Kalau pinjaman itu adalah daripada OSEF (Overseas Economic Co-operation Fund), kadar faedahnya ialah 3% per annum dan jikalau sumber pinjaman itu adalah daripada EXIM Bank jangka kadar

faedah ialah 3.5% per annum dan jangkamasa untuk pinjaman itu dikembalikan ialah 25 tahun bagi OEFC dan 20 tahun bagi EXIM Bank. Berkenaan dengan soalan bahawa mungkin nilai Yen Jepun itu adalah tinggi dan ini akan menjejaskan peminjam-peminjam dari negara kita ini. pihak Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam dan ini tidak akan menjadi kebimbangan kepada negara kita ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua. saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kepada jawapan yang telah diberikan tadi, bahawa jumlah yang terlibat ialah lebih kurang M\$2 bilion, akan tetapi, Yang Berhormat tadi tidak memberikan butir-butir tentang bilangan projek sektor swasta yang telah dikenalpasti, sungguhpun ini adalah dalam soalan asal saya. Maka suka saya bertanya sama ada Kementerian berkenaan mempunyai apa-apa angka mengenai bilangan projek yang telah dikenalpasti mengenai pelancaran projek itu.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kewangan atau pihak Kerajaan mempunyai semua permintaan berkenaan dengan pinjaman daripada tabung pembangunan ASEAN ini dan butir-butir berkenaan dengan permintaan ini adalah di dalam tangan saya, tetapi memandangkan bahawa butir-butir ini adalah panjang, jadi, saya tidak dapat memberi penjelasan yang terperinci. Jikalau Yang Berhormat berkenaan berminat untuk mendapatkan maklumat ini pada masa yang sesuai, pihak Kerajaan boleh memberitahu butir-butir pinjaman yang telah dipanjangkan kepada Kerajaan.

INDUSTRI KAMPUNG

7. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh

manakah sambutan pasaran luar negeri terhadap hasil keluaran industri kampung yang dipelopori oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Berapakah jumlah hasil dagangan setakat ini, dan apakah halangan dan cabaran menembusi pasaran luar negeri terutama di Amerika, Eropah, Jepun dan Asia Pasifik.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai 4 buah agensi yang terlibat dengan pemasaran hasil-hasil industri kampung.

(1) *Batek Malaysia Berhad*—

Daripada tahun 1984 hingga 1987 Batek Malaysia Berhad telah mengeksport batek berjumlah \$1.876 juta terutama ke Jepun, Amerika Syarikat dan Itali.

(2) *Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia*—

Jumlah hasil dagangan barangan kraf oleh PKKM bagi tahun 1988 kini berjumlah \$258,052. Banyak negara di Eropah, Kanada, Itali dan Amerika Syarikat menunjukkan minat untuk berurus-niaga dengan PKKM.

(3) *Syarikat Pemasaran KARYA-NEKA Sdn Berhad*—

KARYANEKA juga melibatkan diri dalam pemasaran barangan kraf. Jumlah eksport bagi tahun 1987 bernilai \$58,458. Banyak pertanyaan telah diterima tiap-tiap bulan dari syarikat-syarikat luar negeri.

(4) *Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri-Industri Kampung (SPPIK)*—

SPPIK telah memulakan beberapa kilang berasaskan bahan-bahan utama seperti buluh, rotan dan kayu dengan matlamat akhirnya untuk pasaran eksport. Apabila masalah-masalah awalan dapat diselesaikan, SPPIK dijangka mengeksport barangan kayu dan rotan ke luar negeri.

Di antara masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi tersebut ialah dari segi kualiti dan kuantiti yang tidak menentu disebabkan oleh teknologi yang masih rendah kerana pengeluar masih mengamalkan cara tradisi. Kos pengeluaran pula adalah tinggi berbanding dengan negara-negara lain. Di samping itu barangan kraf Malaysia terpaksa menghadapi cukai import dan dasar perlindungan negara-negara luar. Bagaimanapun, segala masalah ini senantiasanya diambil perhatian agar mutu dan kuantiti pengeluaran industri kampung akan meningkat melalui teknologi yang lebih tinggi. Unit-unit pengeluaran industri tersebut juga akan disusun dengan lebih rapi untuk menjamin bekalan yang berterusan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dimaklumkan bahawa kos pengurusan agensi-agensi yang bertanggungjawab bagi memasarkan hasil-hasil industri kampung seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah menanggung kos yang tinggi. Apakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menyusun kembali pengurusan agensi-agensi ini bagi tujuan yang utamanya untuk mengurangkan kos yang ditanggung oleh agensi-agensi ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian senantiasa memerhatikan supaya kos-kos pentadbiran agensi-agensi di bawah Kementerian berada di tahap yang rendah. Bagaimanapun, beberapa buah syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam industri kampung dan juga kraftangan yang berada di bawah Kementerian setakat ini mendapat keuntungan yang baik daripada urusan mereka daripada tahun ke tahun. Bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat mendapat tahu ada masalah-masalah yang boleh mengurangkan kos pentadbiran agensi-agensi di bawah Kementerian, saya berharap supaya Yang Berhormat dapat melaporkan terus kepada Kementerian supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

GURU PELATIH—PENGAMBILAN

8. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan misalnya dari segi program latihan, isi kandungan kuliah, gerko, latihan amali dan sebagainya bagi menjamin mutu guru-guru terlatih oleh Maktab-maktab Perguruan sekarang, memandangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan guru-guru pelatih yang diterima masuk ke Maktab Perguruan bertambah secara besar-besaran.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan lebih ramai guru-guru pelatih kebelakangan ini tidak akan menjejaskan mutu guru-guru terlatih kerana pengambilan adalah mengikut kemudahan yang sedia ada di maktab-maktab kita. Ini adalah kerana Kementerian Pendidikan juga senantiasa mengambil langkah untuk mempertingkatkan lagi mutu guru pelatih.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menjamin mutu guru-guru terlatih oleh Maktab-maktab Perguruan adalah seperti berikut:

- (1) Kurikulum dan Ko-Kurikulum Maktab telah disemak dan dikemaskinikan. Kedua-dua sukatan yang baru ini telah mengambil kira Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan kemasukan guru pelatih yang kian bertambah dari tahun ke tahun.

Dalam Kurikulum Maktab yang baru ini telah dimasukkan unsur-unsur menyeluruh dan bersepadu serta kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam Ko-Kurikulum pula, penekanan diberi kepada konsep 4K. Melalui konsep ini, guru-guru lepasan Maktab dijangka akan mempunyai kemahiran, kebolehan mengurus, keupayaan menjadi pegawai, atau dengan singkatnya "kepegawaian", dan keupayaan menjadi jurulatih, atau dengan singkatnya "kejurulatihan".

Peruntukan masa untuk latihan mengajar juga telah dilanjutkan dari 12 minggu ke satu semester, iaitu lima bulan, supaya guru pelatih betul-betul dapat memahami dan menghayati keadaan sekolah dan semua aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

- (2) Pengambilan pensyarah-pensyarah baru dibuat pada tiap-tiap tahun selaras dengan kemasukan guru pelatih yang kian bertambah.

- (3) Mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan untuk pensyarah-pensyarah seperti:
- (i) Program Orientasi Pensyarah yang diadakan supaya pensyarah-pensyarah yang baru masuk ke Maktab mengetahui dan memahami akan keperluan program latihan perguruan dan dapat menjalankan peranan sebagai pensyarah yang bertanggungjawab; dan
 - (ii) Program-program latihan dalaman (in-house training) yang diadakan dari masa ke masa tentang aspek-aspek dalam usaha meningkatkan taraf profesionalisme perguruan.

TEKSI MEMBAWA PENUMPANG KE LAPANGAN TERBANG SUBANG/BAYAN LEPAS

9. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab apakah Lapangan Terbang di Subang dan Pulau Pinang membenarkan teksi-teksi daripada satu kumpulan sahaja untuk mengangkut penumpang daripada lapangan terbang di bandar. Apakah sebabnya teksi-teksi lain dari bandar tidak boleh diberi peluang untuk mengangkut penumpang (passenger) daripada lapangan terbang.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi Lapangan Terbang Subang dan Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah meluluskan beberapa buah teksi dan teksi mewah yang mensyaratkan tempat-tempat tersebut sebagai pengkalan untuk teksi dan teksi mewah tersebut menjalankan operasinya. Dengan syarat tersebut

mereka boleh mengambil dan membawa penumpang-penumpang dari lapangan-lapangan terbang tersebut ke destinasi-destinasi lain yang diperlukan oleh pengguna-pengguna kenderaan awam tersebut. Ini diperlukan kerana jenis perkhidmatan seperti ini akan memberikan kemudahan kepada penumpang-penumpang yang menggunakan lapangan terbang utamanya pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri. Perkhidmatan ini adalah khusus dan tambang yang dikenakan adalah dengan menggunakan Sistem Kupon yang diluluskan oleh pihak Lembaga.

Teksi-teksi bandar sememangnya tidak dibenarkan beroperasi di lapangan-lapangan terbang iaitu tidak dibenarkan mengambil dan membawa penumpang-penumpang dari lapangan-lapangan terbang ke destinasi-destinasi lain. Ini disebabkan teksi-teksi berkenaan mempunyai pengkalan yang telah disyaratkan, khusus untuk mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di sekitar pengkalan yang telah disyaratkan. Umpamanya, teksi-teksi Bandaraya Kuala Lumpur boleh berlegar di sekitar Bandaraya mengambil dan menurunkan penumpang di kawasan tersebut dan mempunyai peluang yang lebih untuk mendapatkan penumpang-penumpang. Namun demikian, teksi-teksi yang berpangkalan di Bandaraya Kuala Lumpur boleh membawa penumpang-penumpang dari Bandaraya Kuala Lumpur ke Lapangan terbang Subang akan tetapi tidak sebaliknya.

Jumlah teksi di satu-satu pengkalan ditetapkan mengikut keperluan. Jika teksi-teksi di pengkalan lain dibenarkan kebebasan beroperasi di kawasan-kawasan lain, bukan sahaja ianya akan melebihi keperluan untuk pengkalan berkenaan di samping mengurangkan bilangan teksi di pengkalan asalnya. Keadaan begini

akan menyusahkan pengguna-pengguna dan pengusaha-pengusaha teksi sendiri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya teksi-teksi yang dihaskan untuk mengambil penumpang-penumpang di lapangan terbang adalah teksi yang khas. adakah tindakan tertentu diambil terhadap teksi-teksi yang tidak dihaskan tetapi dengan secara curi-curi ambil penumpang dari Airport pergi ke bandar dan sebagainya? Apakah tindakan yang diambil dan apakah cara berkesan yang dibuat ke atas perlakuan teksi-teksi tersebut?

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau barang yang dicuri itu memanglah salah, memang ada penaltinya dan seperti mana saya katakan tadi teksi-teksi yang beroperasi di lapangan terbang-lapangan terbang ini perlu mengambil hanya penumpang-penumpang yang mempunyai kupon. Jadi dengan senang dan mudah kita akan dapat mengesan teksi-teksi yang bukan pengkalannya di lapangan terbang, dan teksi-teksi ini juga semuanya bertanda, dan penumpang-penumpang tentu tahu yang mereka ini bukan menaiki teksi yang khas untuk mengambil penumpang dari lapangan terbang-lapangan terbang.

**LEBUHRAYA UTARA-SELATAN—
SYARAT-SYARAT KONTRAK**

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kerajaan ingin menandatangani kontrak bagi pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, dan adakah mana-mana syarat dan terma dahulu dengan UEM diubah. Bolehkah Menteri berkenaan memberi butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma baru kontrak tersebut. Apakah benar Kerajaan sedang menimbang untuk memberi kontrak tersebut kepada Daya Api dan bukan kepada UEM; jika ya, mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja kontrak Lebuhraya Utara-Selatan adalah sebuah projek raksaksa yang memerlukan banyak perbincangan dan keputusan kajian terperinci dari berbagai aspek mestilah dibuat terlebih dahulu sebelum projek tersebut boleh dilaksanakan. Oleh itu sebuah Jawatankuasa di peringkat Kementerian telah ditubuhkan bagi mengadakan perbincangan dan kajian. Jawatankuasa itu juga telah mengadakan perbincangan dengan "concessionier" iaitu Syarikat United Engineers. Sebelum Jawatankuasa itu memberi laporan akhir kepada saya, saya tidak dapat menentukan tarikh untuk menandatangani kontrak perjanjian itu.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang-Berhormat mengenai pembenan kontrak Lebuhraya Utara-Selatan kepada Syarikat Daya Api atau kepada mana-mana syarikat adalah di luar pengetahuan saya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memandangkan kepada banyak kontroversi yang telah timbul mengenai pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, dan cadangan Kerajaan untuk menawarkan projek ini kepada United Engineers Malaysia Berhad, sama ada Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada pihak beliau bercadang untuk memanggil tender baru untuk projek itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil keputusan terakhir atas projek ini ialah terletak di dalam tangan Menteri Kerjaraya.

Saya sudah menjalankan beberapa siasatan atas tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan ini juga, selepas itu sudah sampailah satu peringkat yang mana projek int sudah masuk di Mahkamah Tinggi, selepas itu sudah ada keputusan, jadi dengan keputusan itu sekarang saya jalan terus dengan kerja saya, saya tidak ada apa-apa halangan untuk menukar kontraktor atau untuk memanggil satu tender baru. Saya percaya tidak sampailah masanya atau tidak ada apa-apa kandungan untuk memanggil balik tender baru seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Gooi Hock Seng: Pada bulan Julai tahun lepas Menteri yang berkenaan ada membuat satu perjanjian dengan Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, bahawa Kerajaan akan mengumumkan syarat-syarat perjanjian.

Saya' ingin minta Menteri memberitahu adakah Kerajaan khususnya Menteri yang berkenaan menghormati perjanjian itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut, dengan izin, gentleman agreement di antara saya dengan Ketua Pembangkang, walaupun beliau tidak ada di sini. Saya masih lagi ikut iaitu dalam perbincangan di antara kami berdua, beliau telah membangkitkan beberapa isu.

Sebagai Menteri Kerjaraya saya telah menimbang beberapa isu, dan saya boleh mengumumkan apabila sampai masanya, apakah dalam perjanjian itu berapakah kandungan atau in-put daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu Ketua Pembangkang. Saya menghormati beliau dan pada hari inipun saya menghormatinya walaupun beliau tidak ada di sini, tetapi saya mesti ikutlah.

CUKAI JALAN/LESEN MEMANDU—BAYARAN

11. Tuan Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kutipan wang yang telah diperolehi dalam tahun 1987 dari:

- (a) Bayaran Cukai Jalan; dan
- (b) Bayaran Lesen Memandu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$641,544,431.89 dari bayaran cukai jalan (lesen kenderaan motor) dan \$73,887,230.60 dari bayaran lesen memandu telah diperolehi dalam tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan cukup tepat.

UNIT RUKUN TETANGGA

12. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah unit Rukun Tetangga yang benar-benar bergerak dan berfungsi kini;
- (b) sebab-sebab sambutan dingin orang ramai terhadap Skim Rukun Tetangga; dan
- (c) sebab-sebab kelas Perpaduan Rakyat diberhentikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kini terdapat sejumlah 982 unit Rukun Tetangga di seluruh negara dan kesemuanya adalah benar-benar bergerak dan berfungsi.
- (b) Adalah tidak benar mengatakan skim Rukun Tetangga hanya mendapat sambutan yang dingin daripada orang ramai. Seperti yang Ahli Yang Berhormat

sedia maklum, bahawa skim Rukun Tetangga tidak semestinya meliputi di seluruh negara. Namun sambutan dan respon serta kerjasama dari orang ramai di kawasan-kawasan di mana Rukun Tetangga ini wujud, adalah baik dan menggalakkan.

- (c) Kelas Perpaduan Rakyat sebenarnya tidak diberhentikan, Tetapi ianya berfungsi di dalam format baru yang dinamakan Pusat Pendidikan Tidak Formal. Kelas Perpaduan Rakyat telah diperkenalkan pada tahun 1970 dan dari masa ke semasa kajian telah dibuat untuk mempertingkatkan prestasi dan keberkesanannya sebagai satu daripada kegiatan penggalakan Jabatan Perpaduan Negara dalam usaha memupuk perpaduan negara. Pada tahun 1987, berikutan dari perakuan yang telah dibuat dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Tidak Formal di Malaysia yang diadakan di Ipoh dalam tahun 1986, Kelas Perpaduan Rakyat telah dikaji dan disusun semula untuk menjadikannya satu kegiatan bersepadu ke arah melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu.

Kelas Perpaduan Rakyat, yang kini telah diubah namanya kepada Pusat Pendidikan Tidak Formal, tidak lagi menumpukan perhatian semata-mata kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia sahaja. Kurikulum Pusat Pendidikan Tidak Formal kini berusaha menerapkan pengetahuan mengenai adat resam dan lain-lain unsur perpaduan, penerangan dasar-dasar negara serta mendedahkan peserta kepada nilai-nilai bersama atau sejagat untuk dihayati oleh

mereka melalui kegiatan-kegiatan pendidikan tidak formal ini. Bagi menarik minat orang ramai ke arah penerimaan pengetahuan dan nilai-nilai yang baik itu, kegiatan sampingan seperti jahitan, masakan, motor mekanik, gubahan bunga dan lain-lain lagi juga diadakan untuk menarik perhatian dan penyertaan penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Uli: Tuan Yang di-Pertua, dalam pemerhatian saya, pihak Kementerian seolah-olah menitikberatkan Rukun Tetangga ini di kawasan-kawasan yang memang sudah wujud perpaduan, kerjasama di kampung-kampung Melayu misal kata. Tetapi di kawasan-kawasan perumahan moden, macam di Bukit Damansara dan Kenny Hill tidak terdapat perkara ini secara meluas. Jadi, adakah pihak Kerajaan mengkaji semula akan objektif Rukun Tetangga dan apakah langkah untuk menyelaraskan perkara ini supaya kawasan yang orangnya kadang-kadang sebelah-menyebelah pun tidak kenal antara satu dengan yang lain, akan kita titikberatkan? Yang kedua, mengenai Kelas Perpaduan Rakyat. Adakah duplikasi tugas wujud di antara Kelas Perpaduan Rakyat dengan KEMAS yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar? Jikalau ada, apakah langkah-langkah diambil menentukan supaya penyelarasan berlaku dan ianya disatukan dan dapat jatuhkan di bawah satu bumbung kuasa iaitu sebuah Kementerian sahaja?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada saudara Yang Berhormat yang telah membangkitkan dua perkara. Pertama tentang Rukun Tetangga, adakah ianya dibuat di kampung-kampung Melayu sahaja dan tidak di tempat-tempat yang sebenarnya memerlukan.

Saya rasa mungkin Yang Berhormat terkeliru dengan usaha-usaha yang dibuat oleh KEMAS ataupun oleh program JKK. Sebenarnya, Rukun Tetangga ditubuhkan di kawasan-kawasan dan kediaman terutamanya digalakkan penubuhan Rukun Tetangga ini di sektor-sektor di mana ada penduduk yang berbilang kaum dan program-program yang dijalankan di bawah sektor Rukun Tetangga adalah program-program yang menggalakkan kepada penghayatan perpaduan dan inilah yang dijalankan. Kalau di tempat-tempat seperti di Kenny Hill itu, kalau perlu diadakan dan kalau ada permohonan daripada masyarakat di situ dan perkara ini dimajukan kepada pihak Jabatan Perpaduan Negara, insya Allah kita akan pertimbangkan. Saya harap di tempat yang lain pun akan dibuat demikian. Sebenarnya kita memang menggalakkan penubuhan sektor Rukun Tetangga ini, tetapi ianya perlulah dianjurkan oleh penduduk-penduduk di tempat yang berkenaan.

Keduanya, berkenaan dengan Kelas Perpaduan Rakyat. Saya ingin menegaskan di sini bahawa tidak ada duplikasi dengan KEMAS kerana Kelas Perpaduan Rakyat sekali lagi sebagaimana saya katakan tadi beroperasi dalam kawasan-kawasan Rukun Tetangga dan umumnya kawasan-kawasan Rukun Tetangga tidak wujud di kawasan-kawasan di mana KEMAS bergerak, khususnya kawasan-kawasan luar bandar.

SYARIKAT KERJASAMA USNIA— SIASATAN BANK NEGARA

13. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesudahan penyiasatan yang dijalankan oleh Bank Negara dan Polis ke atas Syarikat Kerjasama USNIA di Sabah iaitu sebuah syarikat yang menawarkan kadar faedah yang amat tinggi kepada pelabur-pelabur tempatan yang ditutup oleh Bank Negara pada bulan Oktober, 1986.

Adakah pihak Bank Negara akan memulangkan wang pelabur-pelabur yang ditahan dan apakah pula tindakan yang diambil terhadap beberapa orang Pengarah syarikat berkenaan atas operasi mereka yang dianggap satu penipuan itu.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Kerjasama USNIA itu adalah merupakan sebuah firma milik perseorangan (sole-proprietorship), dengan izin, dan bukan sebuah koperasi. Bank Negara Malaysia mula menjalankan penyiasatan ke atas firma itu pada 20hb Oktober, 1986 ekoran daripada laporan Pesuruhjaya Polis Sabah pada 30hb Ogos, 1986 yang mendedahkan bahawa firma tersebut disyaki menjalankan aktiviti pengambilan deposit secara haram dan ada di kalangan orang ramai yang merasa ragu bahawa firma itu mungkin akan memberhentikan perniagaannya sebaik sahaja memungut wang yang banyak daripada pendeposit-pendeposit tanpa membayar balik deposit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada penyiasatan itu, Bank Negara Malaysia telah merampas wang sejumlah \$253,717 dan wang tersebut masih dalam simpanan Bank Negara Malaysia untuk kegunaan sebagai bukti dalam perbicaraan di Mahkamah. Keputusan untuk memulangkan wang rampasan itu hanya boleh ditentukan setelah kes berkenaan selesai dan tidak lagi dikehendaki untuk kegunaan sebagai bukti dalam perbicaraan ini.

Seramai 6 orang pegawai yang terlibat dalam pengurusan Firma itu juga telah dihadapkan ke mahkamah oleh Polis atas tuduhan cuba membuat penipuan, mengikut Seksyen 420 dan 511, Kanun Keseksan Jenayah. Walau bagaimanapun, kes ini masih lagi di bawah kendalian Polis dan Peguam Kanan Persekutuan di Sabah.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pelabur-pelabur tempatan ini adalah terdiri daripada golongan orang yang berpendapatan rendah seperti Polis, petani dan sebagainya. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang positif yang telah diambil ataupun akan diambil oleh Kementerian berkenaan supaya perkara seperti ini akan tidak berlaku lagi? Kedua, saya ingin tahu, berapakah jumlah wang yang telah dikutip oleh Syarikat Kerjasama USNIA ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan pun bersimpati dengan pendeposit-pendeposit yang kebanyakannya adalah daripada golongan berpendapatan yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Berkenaan dengan apa tindakan yang positif akan diambil oleh pihak Kerajaan, saya bagi pihak Kerajaan ingin mengatakan bahawa pada masa ini adalah sedikit awal untuk memberi jawapan sehingga mahkamah telah membuat keputusan. Berkenaan dengan jumlah wang yang telah dikutip oleh syarikat yang berkenaan, pihak Kerajaan ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, angka yang berkenaan ialah \$4,602,950 dalam tempoh lima bulan sahaja iaitu daripada bulan Mei apabila syarikat ini diberikan lesen oleh Municipality Kota Kinabalu, sampai masa bulan Oktober, apabila pihak Polis membuat penyiasatan atas firma itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan dalam masa lima bulan Syarikat Kerjasama USNIA ini telah memungut lebih kurang \$4.2 juta tetapi dalam jawapan awal beliau mengatakan Bank Negara telah merampas lebih kurang \$200,000. Jadi apakah yang berlaku kepada \$4 juta

yang dipungut oleh syarikat tersebut. Adakah wang ini akan dipulangkan balik kepada pelabur-pelabur tersebut?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa saya katakan di dalam jawapan saya tadi bahawa pihak Kerajaan telah merampas sebanyak lebih kurang \$253,000 daripada pejabat syarikat yang berkenaan. Dan jumlah wang yang dipungut ialah \$4 juta daripada sebanyak 4,000 orang pendeposit. Sampai masa ini saya belum mendapat laporan berkenaan dengan baki wang yang telah dipungut oleh syarikat dalam mana wang itu telah disalurkan dan penyiasatan selanjutnya akan dibuat oleh pihak Polis dan semua ini akan dikemukakan di dalam mahkamah supaya ini akan diberitahu kepada public.

KAD PENGENALAN BARU

14. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersedia mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara di beberapa daerah di negeri Sabah untuk mengiklankan nama-nama pemohon yang berjaya mendapatkan kad pengenalan baharu tetapi masih belum dituntut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara dalam hal ini adalah mencukupi. Apabila kad-kad pengenalan telah siap, Jabatan Pendaftaran akan memberitahu pemohon dengan surat meminta datang mengambil kad dengan segera. Di samping itu senarai kad-kad yang telah siap dipamerkan di Pejabat-pejabat Pendaftaran untuk semakan orang ramai. Sehubungan dengan itu juga, Jabatan Pendaftaran meminta kerjasama Penghulu, Ketua Kaum, Ketua Kampung dan jabatan-jabatan

Kerajaan yang lain mengesan mereka yang tidak datang mengambil kad pengenalan. Untuk memudahkan urusan perhubungan surat menyurat, pemohon telah diberi peringatan supaya memberitahu Pejabat Pendaftaran sekiranya berlaku pertukaran alamat.

Oleh hal yang demikian, Jabatan Pendaftaran Negara tidak perlu mengiklankan nama-nama pemohon yang berjaya.

**UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA—TENAGA
PENGAJAR/PENUNTUT**

15. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapakah jumlah sumbangan yang diterima dari negara-negara Islam semenjak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) diwujudkan. Berapakah jumlah tenaga pengajar dan juga penuntut dari dalam dan luar negara Malaysia.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan pada tahun 1983, sumbangan yang diterima daripada negara-negara Islam adalah sebanyak \$6,271,105.15. Buat masa sekarang 76% daripada tenaga pengajar di UIA adalah tenaga pengajar tempatan dan selebihnya, iaitu 24% pula, terdiri daripada tenaga pengajar asing. Sementara 91% daripada pelajar Universiti Islam Antarabangsa ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar negara ini dan 9% pula pelajar-pelajar luar negara Malaysia.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya ada khabar yang menyatakan dahulunya perjanjian antara negara-negara Islam untuk memberikan bantuan kepada Universiti Islam ini tetapi ada yang didapati negara-negara Islam itu tidak

menjelaskan apa yang dijanjikan itu. Oleh itu saya ingin bertanya negara Islam manakah yang saya sebutkan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak dapat menjelaskan kerana tiada butir-butir mengenai negara yang mana yang telah menyumbangkan, tetapi masalah int kalau benar kita akan kemukakan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

(Soalan No. 16 Dr Eng Seng Chai tidak hadir).

**TELEFON—SISTEM BIL
TERPERINCI**

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah hasilnya sistem catatan pemakaian telefon yang berlaku di kawasan tengah, adakah ia berhasil mengurangi sungutan dan bantahan daripada pengguna-pengguna telefon mengenai jumlah bayaran yang dikenakan ke atas mereka. Kalau didapati percubaan itu dapat mengurangkan bantahan-bantahan maka bilakah rancangan seperti itu akan diperluaskan ke negeri-negeri lain terutama ke kawasan Timur Semenanjung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Syarikat Telekom Malaysia Berhad melancarkan sistem bil terperinci mulai bil bulan Julai 1987 bagi pelanggan di Kawasan Tengah iaitu Selangor dan Kuala Lumpur, adalah didapati ianya telah dapat mengurangkan sungutan dan pengaduan sebanyak 55.6% dalam tempoh enam bulan pertama iaitu dari 1,396 aduan pada bulan Julai 1987 menurun kepada 777 aduan sahaja pada bulan Disember 1987.

STM sedang membuat persiapan untuk meluaskan kemudahan sistem bil terperinci ini kepada pengguna di kawasan-kawasan Alor Setar, Pulau Pinang, Seberang Prai, Ipoh, Melaka, Muar dan Johor Bahru. Ini dijangka dibuat dalam bulan September tahun ini. Perlu juga diterangkan bahawa kemudahan bil terperinci ini adalah terhad kepada pelanggan yang telefon mereka disambung ke ibusawat berkomputer dan yang telah pun sedia dilengkapi dengan peralatan merakam panggilan-panggilan telefon.

STM juga akan menimbang untuk memperluaskan perkhidmatan sistem bil terperinci ini ke kawasan-kawasan lain termasuk kawasan Timur Semenanjung, mengikut kemampuan kewangan STM.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan-pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16, 18 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).

BANK PUSAT KERJASAMA— KAWALAN BANK NEGARA

16. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah langkah-langkah baru yang diambil oleh Kementeriannya dan Bank Negara membantu memulihkan kemerosotan keadaan kewangan di Bank Pusat Koperasi Bhd. (Cooperative Central Bank CCB) yang melaporkan kerugian sebanyak \$334 juta ringgit dalam operasinya pada tahun 1986. Sudahkah Bank Pusat Koperasi Bhd. (CCB) dan Bank Negara mengenalpastikan punca dan sebabnya kerugian besar ini. Sudahkah laporan penyiasatan berkenaan kegiatan, penyelewengan, pecah amanah dan rasuah dalam operasi Bank Pusat Koperasi Bhd. (CCB) disempurnakan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Dalam usaha memulihkan semula perjalanan Bank Pusat Kerjasama (BPK), Bank Negara telah menempatkan dua orang Pegawainya dan mengambilalih pengurusan BPK, di bawah kuatkuasa Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit 1986). Ini bermakna sungguhpun Lembaga Pengarah BPK masih berfungsi dan berkuasa mentadbirkan BPK, tetapi dari segi pengurusan ianya tertakluk kepada kawalan dan arahan Bank Negara.

Untuk menghadapi masalah kecairan, dengan izin, "liquidity problem", Bank Negara telah menyediakan wang sebanyak \$400 juta bagi kegunaan BPK bila dan apakala diperlukan. Setakat ini wang ini belum lagi digunakan.

Kerugian yang dianggarkan berjumlah sebanyak \$334 juta itu adalah jumlah pinjaman yang dijangkakan menjadi saham, dengan izin, "bad loans". Tetapi setakat ini sebanyak \$76.1 juta telah pun dibayar kembali. Oleh itu jumlah kerugian akan berkurangan.

Laporan Polis telah dibuat ke atas beberapa kegiatan yang disyaki sebagai penyelewengan atau pecah amanah dan pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan yang rapi.

SYARIKAT ANTAH BIWATER— BEKALAN AIR LUAR BANDAR

18. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah prestasi projek bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwatar setakat ini: adakah Kementerian bercadang menyekat syarikat ini daripada mengambil bahagian di dalam tender kecil yang mana merupakan tempat pergantungan pemborong-pemborong kecil tempatan.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dikendalikan oleh Antah Biwater sebanyak 139 skim telah dikenalpasti. Setakat ini 20 skim adalah di dalam peringkat pembinaan dan 51 skim lagi telah pun diberi arahan supaya memulakan kerja. Manakala lain-lain skim masih lagi di peringkat rekabentuk.

Mengenai tender-tender kecil, sukalah saya maklumkan bahawa Antah Biwater yang mendapat Projek Bekalan Air Luar Bandar tidak boleh mengambil bahagian di dalam tender-tender kecil yang lain di Malaysia kerana ia tidak berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor.

SURATKHABAR THE STAR, WATAN DAN SIN CHEW JIT POH

19. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan membenarkan terbitan semula suratkhobar The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh supaya hak penuh kebebasan persuratkhabaran dapat dipulih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri akan mempertimbangkan semua permohonan permit penerbitan dan sama ada atau bilakah sesuatu akhbar itu dibenar penerbitannya adalah bergantung kepada merit-merit permohonan masing-masing.

MENGKRITIK DASAR KERAJAAN

20. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah menjadi satu kesalahan untuk mengkritik penindasan, ketidakadilan, kesopanan dan polisi Kerajaan di mana menyebabkan polarisasi perkauman, rasuah dan "nepotism" dan seterusnya memusnahkan negara dan rakyat.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Soalan ini, pada pandangan saya, adalah melanggar peraturan, oleh kerana, menurut Peraturan Mesyuarat 21 (3), tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah untuk mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkarahakikat (atau, dengan izin, "to obtain information on a matter of fact") walhal soalan ini lebih bersitat sebagai bertujuan mendapat buah fikiran atau mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja (dengan izin, "hypothetical proposition"). Soalan seperti ini tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h) dan saya boleh enggan menjawabnya.

Bagaimanapun, saya rasa saya perlu menjelaskan juga pendirian Kerajaan dalam perkara ini, iaitu Kerajaan tidak menegah kritikan terhadapnya jika kritikan itu adalah berpatutan dan dibuat dengan niat baik. Tetapi bagi Kerajaan adalah tidak benar sama sekali bahawa dasar-dasarnya menindas atau tidak adil, sebagaimana dibayangkan dalam soalan ini.

Maka jika sesuatu kritikan itu dibuat atas anggapan bahawa dasar-dasar Kerajaan adalah menindas, tidak adil, atau sebagainya, hingga memusnahkan negara dan rakyat, kritikan itu jelas melampau, dan orang yang membuatnya--tentulah berniat jahat untuk menyeleweng pemikiran rakyat daripada apa yang sebenarnya. Kerajaan menganggap perbuatan seperti itu tergolong sebagai suatu perbuatan yang salah, tetapi jika Ahli Yang Berhormat itu hendak mengetahui apakah kesalahannya dari segi undang-undang ianya adalah bergantung kepada keadaan sebenarnya. Jawapan yang tepat tidak mungkin dapat diberi bagi perkara yang dimisal-misalkan sahaja atau, dengan izin, "hypothetical proposition".

TAYANGAN GAMBAR DI TV

21. Tuan Lainus anak Andrew Luwak minta Menteri Penerangan menyatakan Kementeriannya sedar bahawa program-program televisyen yang menarik seperti Tayangan Gambar Melayu/Indonesia dan Gusti telah ditayangkan terlalu lewat, oleh kerana janakuasa di kampung-kampung sudahpun dipadam semasa program yang menarik itu ditayangkan, dan lagi petani-petani kita tidak tidur dan tidak dapat membuat kerja mereka dengan sempurna jika menonton pada hingga lewat malam. Bilakah agaknya program TV3 boleh dan dapat ditonton di Sabah dan Sarawak.

Setiasaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Pusuki bin Haji Ahmad): Adalah tidak benar jika dikatakan kebanyakan program-program TV yang menarik ditayangkan pada lewat malam. Rancangan-rancangan Tayangan Gambar Melayu, Hiburan Minggu Im, Drama Minggu Ini dan rancangan-rancangan Tekaria dan hiburan yang lam adalah disiarkan agak awal iaitu pukul 8.30 hingga 10.00 malam. Rancangan Gusti memang ditayangkan agak lewat sedikit iaitu pukul 10.00 malam tiap-tiap hari Rabu memandangkan penonton sasarannya adalah orang-orang yang lebih dewasa., Kementenan Penerangan menyedari bahawa adalah tidak mudah untuk memenuhi selera kesemua penonton. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengambil kira penonton-penonton seperti mereka yang di luar bandar dan usaha sentiasa dibuat supaya penjadualan rancangan memberi kesempatan bukan sahaja kepada mereka di bandar tetapi juga di luar bandar untuk menikmati rancangan-rancangan itu.

Mengenai bilakah penonton-penonton di Sabah dan Sarawak dapat menonton TV3, Kementerian Penerangan

permohonan dari TV3 mengenainya. Timbangan akan dibuat apabila permohonan ini diterima kelak.

KUTIPAN TOL DI SARAWAK

22. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau mempunyai cadangan untuk mengadakan TOL ke Sarawak dan berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan dari kutipan TOL pada tahun 1987; dan berapa banyakkah jumlah yang telah digunakan untuk menguruskan kerja-kerja kutipan TOL.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengenakan TOL ke atas jalanraya-jalanraya di Negeri Sarawak.

Jumlah kutipan TOL dalam tahun 1987 di Semenanjung Malaysia yang di bawah tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah \$65.9 juta manakala kos pengurusan kerja-kerja pengutipan TOL ialah \$8.8 juta.

PUTERA NORODOM SIHANOUK—PERLETAKAN JAWATAN

23. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Kerajaan Malaysia mengenai dengan sokongan Kerajaan sementara Kampuchea berikutan dengan perletakan jawatan Ketuanya Putera Norodom Sihanouk.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Walaupun jawatannya pada 30hb Januari 1988 yang lalu ini tidak bermakna bahawa Malaysia akan mengubah pendinan dan sokongan Malaysia terhadap Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Saya ingin memaklumkan bahawa baru-baru ini Putera Sihanouk telah pun menyatakan kesediaannya untuk terus memegang jawatan sebagai Presiden- Demokratik Kampuchea,

Malaysia menyambut baik tentang perkembangan ini. Putera Sihanouk masih memainkan peranan yang penting untuk mendapatkan satu penyelasaan politik terhadap masalah Kampuchea dan meneruskan perjuangan rakyat Khmer untuk mencapai matlamatnya. Malaysia menaruh sepenuh kepercayaan dan menyokong penuh segala inisiatif yang dijalankan oleh Putera Sihanouk untuk mencari penyelesaian damai di Kampuchea. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain akan terus berusaha membantu Putera Sihanouk di dalam hal ini.

DIALOG AHLI PARLIMEN ASEAN-EROPAH

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan isi dialog beliau dengan rombongan Parlimen European dan sebutkan pandangan mereka (Rombongan Parlimen European) terhadap perkara tahanan yang berlaku akhir tahun lalu yang mana Ketua Pembangkang Parlimen kita dan lain-lain ditahan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Satu rombongan daripada Parlimen Eropah telah berada di Kuala Lumpur sempena sesi dialog di antara ahli-ahli Parlimen ASEAN, dan Parlimen Eropah pada 27 Januari 1988. Seramai lima ahli daripada Parlimen Eropah yang diketuai oleh Yang Berhormat Guenter Rinsche daripada Republik Persekutuan German, telah melakukan kunjungan Kehormat ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen pada 26 Januari 1988.

Sempena pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rombongan tersebut telah membangkitkan isu mengenai tahanan beberapa Ahli Parlimen Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta isu hak-hak asasi manusia di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil kesempatan untuk

menjelaskan bahawa Kerajaan telah menahan bukan sahaja beberapa Ahli Parlimen bahkan beberapa orang rakyat Malaysia yang telah membangkitkan isu-isu perkauman yang menyebabkan keadaan negara kurang stabil. Kesemua tahanan ini adalah bagi mengelakkan tercetusnya perselisihan perkauman yang mungkin boleh membawa kepada berlakunya keadaan yang tidak diinginkan di negara kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menjelaskan bahawa Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk menahan sesiapa pun, yang menggunakan isu-isu perkauman bagi kepentingan mereka sendiri di negara ini.

Dalam penjelasan kepada ahli-ahli Parlimen Eropah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan keadaan sebenar bagaimana negara ini yang berbilang kaum, dalam membangunkan negara menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi, serta adanya isu-isu yang mudah dijadikan isu-isu perkauman oleh orang-orang yang tidak senang hati melihat pembangunan di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu rombongan tersebut bahawa tahanan ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri hanya merupakan suatu "prevention order" bagi mengelakkan negara ini menghadapi masalah perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan, keharmonian dan pembangunan negara.

Pada pendapat saya ahli-ahli Parlimen Eropah ini telah mengetahui akan keadaan sebenar terhadap tahanan beberapa ahli Parlimen serta keadaan politik di negara ini.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PELANCONG

25. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan memberitahu setakat manakah

Kempen-kempen Malaysia sebagai negara Pelancong berkesan di luar negeri, kalau tidak, kenapa.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Ingin saya maklumkan bahawa kempen-kempen yang dijalankan oleh Kementerian adalah berkesan, berdasarkan kepada angka-angka ketibaan pelancong yang melawat negara ini. Umpamanya seramai 3,027,781 pelancong telah dianggarkan melawat Malaysia pada tahun 1986 iaitu pertambahan sebanyak 3.2 peratus jika dibandingkan dengan tahun 1985. Untuk tahun 1987, bilangan pelancong yang melawat negara ini belum lagi diperolehi dan dijangka akan diperolehi selewat-lewatnya pada bulan Mei, 1988.

Maklumbalas yang diterima dari pejabat-pejabat TDC di luar negeri pula adalah amat menggalakkan di mana didapati tahap kesedaran mengenai Malaysia sekarang semakin meningkat dan hasil dari ini lebih banyak pengusaha kendalian pelancongan di pasaran-pasaran utama telah menunjukkan minat untuk memasukkan dan menyenaraikan Malaysia di dalam program perjalanan (tour packages) mereka. Ada tanda-tanda juga bahawa beberapa pengusaha kendalian pelancongan dari pasaran yang tertentu akan mengaturkan operasi "charter" ke Malaysia. Mereka berkeyakinan bahawa program perjalanan ke Malaysia yang dipasarkan dan dianjurkan itu nanti akan mendapat sambutan yang baik. Untuk menjayakan usaha pengusaha-pengusaha pelancongan ini, Kementerian melalui TDC akan membantu dengan memberi sokongan yang sesuai kepada pengusaha-pengusaha ini.

Selain dari itu Kementerian juga akan bekerjasama dengan MAS untuk menjalankan kempen penggalakan

pemasaran dengan lebih giat lagi bagi meningkatkan kesedaran mengenai Malaysia sebagai sebuah destinasi peiancongan. Kementerian yakin bahawa kemasukan pelancong ke Malaysia akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang hasil dari kempen penggalakan yang sedang dijalankan.

MENANGKAP IKAN DI LAUT DALAM

26. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menjelaskan apakah sambutan nelayan-nelayan kita di atas rancangan menangkap ikan di laut dalam, setelah usaha yang gigih dilakukan oleh Kementerian untuk meninggikan taraf hidup dan pendapatan nelayan kita. Apakah masalah sebenarnya bagi mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sambutan nelayan-nelayan tempatan terhadap rancangan menangkap ikan di laut dalam adalah menggalakkan. Setakat ini Kerajaan telah meluluskan sejumlah 359 unit lesen untuk tujuan tersebut. Ketika ini sejumlah 402 unit permohonan yang melibatkan 811 unit lesen telah diterima dan sedang diproses.

Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada bank kerana sukarnya untuk mendapat penjamin yang layak.
- (b) Oleh sebab kos pembinaan bot adalah tinggi, maka ada di antara mereka telah merayu untuk membeli bot terpakai daripada luar negeri. Ini adalah bercanggah dengan

syarat-syarat asal kelulusan lesen yang diberi di mana bot dikehendaki dibina di dalam negen. Tambahan pula, kebanyakan rayuan-rayuan yang dibuat didapati tidak menepati syarat-syarat pembelian bot daripada luar negen.

KES RASUAH DI SABAH— SIASATAN

27. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah telah menyiapkan siasatannya ke atas berbagai laporan polis yang dibuat di Sabah dari Oktober-Disember 1987 berkaitan dengan amalan-amalan rasuah sama ada tindakan telah diambil untuk mendakwa ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai Kerajaan yang berasuah itu, dan sama ada tindakan akan juga diambil terhadap mereka yang membuat laporan-laporan palsu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Badan Pencegah Rasuah masih lagi menyiasat kes-kes rasuah yang dilaporkan sepanjang tempoh berkenaan. Tindakan susulan yang akan diambil adalah bergantung kepada keterangan-keterangan yang terlibat atau sebaliknya. Badan ini belum dapat menentukan lagi sama ada laporan-laporan yang dibuat itu palsu atau tidak sehinggalah siasatan yang menyeluruh selesai dijalankan. Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa kejayaan pihak BPR menyelesaikan kes-kes rasuah sebahagian besarnya bergantung kepada kerjasama saksi-saksi di dalam memberikan keterangan-keterangan yang dikehendaki.

REGIM TEL AVIV TERHADAP RAKYAT PALESTIN

28. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan

apakah langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang menganggotai OIC dan sebagai anggota ASEAN dalam menentang keganasan tentera regim Tel Aviv terhadap orang-orang Palestin di Tebing Barat dan Gaza sejak Disember 1987.

Toh Muda Dr Abuilah Fadzil bin Che Wan: Sebagai sebuah negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Malaysia memang sentiasa menyuarakan dengan tegas pendiriannya membantah sekeras-kerasnya dasar penindasan serta tindakan-tindakan di luar batas perikemanusiaan yang terus menerus diamalkan oleh rejim Tel Aviv terhadap rakyat awam Palestin di Kawasan-kawasan Arab yang didudukinya. Malaysia juga sentiasa menyokong semua ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan tersebut selama ini berhubung dengan soal Palestin.

Mengenai kebangkitan rakyat awam Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan di Semenanjung Gaza yang telah berlaku sejak bulan Disember 1987 sehingga kini, Malaysia juga sebagaimana kebanyakan negara-negara yang lain, turut mengeluarkan beberapa kenyataan mengutuk serangan ganas oleh tentera rejim Tel Aviv dalam mengawal rusuhan-rusuhan tersebut. Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Disember, 1987 telah pun mengeluarkan kenyataan mengutuk serangan ganas tentera rejim Tel Aviv ke atas rakyat awam Palestin tersebut. Kementerian Luar Negeri telah juga menyuarakan bantahan keras Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkara yang sama, iaitu pada 18hb Disember, 1987 dan pada 15hb Januari, 1988 yang lepas. Pendirian tegas Kerajaan Malaysia ini telah pun diisytiharkan di PBB oleh Perwakilan Tetap Malaysia. Dalam

hubungan ini, Kerajaan Malaysia akan terus menehti perkembangan-perkembangan lanjut di rantau tersebut dan akan terus menyuarakan pendiriannya dari masa ke semasa.

Malaysia, sebagai negara anggota OIC telah juga melaksanakan syor yang dibuat oleh mesyuarat Jawatankuasa Al-Quds OIC yang bersidang pada 4-5 Januari, 1988 di Rabat, Maghribi untuk mengisytiharkan Januari 15 setiap tahun mulai tahun ini, sebagai hari Perpaduan Islam dengan Rakyat Palestin. Kerajaan Malaysia pada tarikh yang sama tahun ini, telah melancarkan Tabung Rakyat Palestin bagi membolehkan rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat untuk memberikan sumbangan ikhlas mereka yang akan dikemukakan terus kepada PLO sebagai tanda sokongan padu dan simpati rakyat dan Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan mereka.

Isu Palestin telah juga dibincangkan dengan panjang lebar di dalam persidangan Pertubuhan Parlimen-Pariimen ASEAN (AIPO) ke 9 di Kuala Lumpur pada 24-30 Januari 1988 yang baru lalu. Malaysia dalam hal ini telah berusaha supaya isu Palestin ini turut dimasukkan dalam agenda perbincangan persidangan AIPO kali ini. Hasilnya satu ketetapan yang mengecam kekejaman oleh rejim Tel Aviv ke atas Rakyat Awam Palestin di Semenanjung Gaza dan di Tebing Barat Sungai Jordan telah diluluskan di akhir persidangan tersebut. Pada pandangan kita, reaksi positif dari semua perwakilan-perwakilan dari negara ASEAN itu bukan sahaja merupakan kejayaan besar bagi Kerajaan Malaysia selaku tuan rurnah tetapi yang lebih penting lagi, ianya menunjukkan bahawa negara-negara sahabat dalam ASEAN mempunyai pandangan yang sama dengan Malaysia tentang keadaan yang bergolak di Semenanjung Gaza dan di Tebing Barat Sungai Jordan sekarang.

PROTON SAGA—PENGGUNAAN KOMPONEN TEMPATAN

29, Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada kegunaan barang-barang tempatan dalam pengeluaran kereta Proton Saga ditingkatkan sejak dari permulaan dan sekiranya ianya telah ditingkatkan sila nyatakan berapakah kegunaannya; dan
- (b) juga nyatakan jumlah peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh syarikat kereta itu dan syarikat-syarikat bantunya.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Penggunaan barang-barang tempatan dalam kereta Proton Saga telah ditingkatkan dari 18% dalam tahun 1985 kepada 45% dalam tahun 1987. Pada akhir tahun 1987, jumlah komponen tempatan yang digunakan dalam Proton Saga ialah 302, termasuk 267 komponen badan kereta yang dikeluarkan oleh Proton dan 35 jenis komponen lagi dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan lain. Proton akan terus berusaha untuk memastikan penggunaan komponen tempatan dipertingkatkan lagi.
- (b) Sehingga kini sebanyak 1,340 peluang pekerjaan telah diwujudkan oleh Proton. Di samping itu peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran Proton Saga dan pengeluar komponennya dianggarkan 6,000.

FERI MALAYSIA—KEBAKARAN

30. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang menyebabkan kebakaran berlaku

ke atas Feri Malaysia (Cruise Muhibbah) pada 17-10-1987. Dan berapakah jumlah wang dibelanjakan untuk memperbaiki kerosakan Cruise Muhibbah. Bagi pendapat Kementerian beliau berapa lamakah kapal seperti ini dijangka boleh bertahan.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

Kebakaran yang telah berlaku ke atas Feri Malaysia pada 17-10-1987 adalah disebabkan oleh kebocoran kepada "fuel oil line" di enjin bahagian "port side".

Berhubung dengan soalan jumlah wang yang dibelanjakan untuk memperbaiki kerosakan kebakaran berkenaan, pihak PNSL masih lagi mengadakan rundingan dengan Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd dan pihak Insuran Surveyor untuk menentukan harga sebenar. Kos pembaikan ini setelah ditentukan boleh dituntut daripada Syarikat Hull and Machinery Insurance.

Pada amnya adalah dijangka kapal penumpang seperti ini mempunyai "lifespan" selama 30 tahun. Sekiranya dalam tempoh tersebut pengubahsuaian seringkali dibuat "lifespan" ini boleh dipanjangkan lagi.

PELANCONG KE MALAYSIA

31. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah kemasukan pelancong ke Malaysia berkaitan tahun-tahun 1986 dan 1987 dan dari mana kebanyakan pelancong ini datang;
- (b) jumlah hasil yang diterima berkaitan tahun-tahun tersebut di atas; dan
- (c) dengan perlantikan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang baru apakah tindakan lanjut yang telah diambil

dalam usaha menggalakkan pelancongan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membuka lebih banyak pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan di seberang laut di samping memperkuat pejabat-pejabat yang ada sekarang.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Seramai 3,027,781 pelancong asing telah dianggarkan mengunjungi Malaysia pada tahun 1986. Ini memperlihatkan pertambahan sebanyak 3.2% berbanding dengan tahun 1985 yang telah mencatatkan seramai 2,933,271 pelancong.

Negara ASEAN merupakan sumber utama ketibaan pelancong ke negara ini dan telah menyumbangkan seramai 2,389,580 pelancongan atau 78.9% dari jumlah ketibaan pelancong dalam tahun 1986.

Ketibaan dari negara ASEAN ini memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 2.5% berbanding dengan tahun 1985 yang telah menyumbangkan seramai 2,330,201.

Negara Jepun, iaitu negara kedua selepas ASEAN, menyumbangkan seramai 125,458 pelancong atau 4.1% dari jumlah ketibaan pelancong dalam tahun 1986, iaitu menunjukkan pertumbuhan sebanyak 7.0% berbanding dengan seramai 117,250 pelancong pada tahun 1985.

Selepas negara Jepun, jumlah ketibaan pelancong adalah dari Australia (80,987), United Kingdom (66,907) dan Amerika Syarikat (42,131). Jumlah ketibaan dari negara-negara tersebut telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun 1985 di mana negara-negara

berkenaan telah masing-masing menyumbangkan 78,628; 63,120 dan 40,317 pelancong ke Malaysia. Pasaran-pasaran utama yang lain adalah dari India, Hong Kong, West Germany dan Taiwan.

- (b) Dari segi pendapatan dari pelancongan pula, Malaysia menerima sebanyak \$1,529.3 juta hasil dari pelancong-pelancong asing pada tahun 1986. Jumlah ini memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 8.3% berbanding dengan tahun 1985.

Walau bagaimanapun, angka-angka mengenai jumlah pelancong ke Malaysia dan pendapatan dari pelancongan bagi tahun 1987 akan dapat diperolehi tidak berapa lama lagi.

- (c) Di dalam usaha untuk mempertingkatkan perkembangan industri pelancongan negara, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dan akan berterusan mengambil langkah-langkah perlu, di antaranya:

- (i) Mengaturkan satu program penggalakan Malaysia yang lebih meluas dan intensif di semua pasaran pelancongan yang terpilih selaras dan sejajar dengan objektif untuk meninggikan imej negara sebagai sebuah destinasi pelancongan dan dengan tujuan untuk melipatgandakan lagi kedatangan pelancong-pelancong asing ke negara ini. Aktiviti-aktiviti sedemikian akan dilaksanakan berasas

kepada satu pendekatan yang lebih inovatif khusus untuk menonjolkan aspek-aspek warisan yang menarik seperti kebudayaan, kesenian dan sukan/permainan tradisional;

- (ii) Mempergiatkan program usahasama dengan sektor swasta terutama syarikat-syarikat penerbangan termasuk MAS, pengusaha-pengusaha pelancongan, hotel-hotel, dll;
- (iii) Melipatgandakan aktiviti penggalakan pelancongan tempatan menerusi penganjuran program-program seperti "Malaysia Fest" untuk menambahkan minat mereka itu bagi melancong di dalam negara sendiri. Bagi menjamin agar semua aktiviti-aktiviti dan program penggalakan sedemikian dilaksanakan dengan cara lebih berkesan, Kementerian seterusnya adalah mempunyai rancangan untuk:
- (1) Menubuhkan beberapa pejabat baru di pasaran-pasaran tertentu di luar negeri,
 - (2) Melantik syarikat perunding pemasaran di mana perlu, dan
 - (3) Menempatkan semula beberapa pejabat luar negeri yang sedia ada di lokasi-lokasi yang lebih strategik dan mudah dikunjungi

oleh para pelancong. Langkah ini diharap akan membolehkan Kementerian memberi galakan dan bantuan yang lebih ketara dan berkesan di semua pasaran-pasaran pelancongan utama di luar negeri.

GURU-GURU SEKOLAH CINA—KENAIKAN PANGKAT

32. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada masalah-masalah kenaikan pangkat guru-guru di sekolah Cina di beberapa negeri pada tahun 1987 sudah selesai atau belum, jika belum sudahkah Yang Berhormat Timbalan Menterinya daripada MCA letak jawatannya sebagai pihak MCA telah berjanji melalui Timbalan Presiden MCA kepada masyarakat Cina pada tahun 1987. Apakah langkah-langkah Kementerianya akan mengambil bagi mengelakkan masalah pada masa akan datang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penempatan guru-guru Cina yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Mandarin ke jawatan kenaikan pangkat di SRJK (C) telah pun diselesaikan. Untuk masa akan datang, jawatan-jawatan naik pangkat di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina akan diisi oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang berkenaan.

PELAKSANAAN KBSM— MENINGKATKAN KESEDARAN PELAJAR-GURU

33. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah dari tindakan baru Kementerian bagi

meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab pelajar serta guru dari segi:

- (i) moral dan akhlak;
- (ii) ibadah;
- (iii) disiplin; dan
- (iv) kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah dan tindakan baru Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab pelajar serta guru dari segi moral dan akhlak, disiplin dan kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah:

1. Penggubalan dan pelaksanaan Kurikulum bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, setia kepada Raja dan Negara.
2. Menyesuaikan kandungan sukatan pelajaran dan buku teks supaya aspek-aspek dan unsur-unsur moral/akhlak serta kesetiaan kepada Raja dan Negara sentiasa ditekankan dalam kurikulum sekolah seperti ternyata dalam kandungan sukatan pelajaran dan buku teks sekolah.
3. Memberi penekanan yang lebih kepada pengajaran dan pembelajaran Sivik, Sejarah, Pendidikan Moral dan Pendidikan Kewarganegaraan supaya menjadi lebih berkesan.
4. Mengadakan beberapa program/projek dari masa ke semasa dengan menitikberatkan kepada nilai-nilai moral di kalangan murid-murid.

Antaranya:

- (i) Pelaksanaan gerakerja Ko-Kurikulum sekolah

- (ii) Ceramah dan bengkel
 - (iii) Kursus Tatanegara
 - (iv) Perkhemahan Cuti Sekolah
5. Mengadakan perhimpunan sekolah setiap minggu. Dalam perhimpunan itu ucapan-ucapan menyentuh soal-soal moral/akhlak, tanggungjawab murid dan sebagainya sentiasa diberikan. Perhimpunan ini juga diadakan secara menaikkan bendera dan menyanyi lagu kebangsaan, negeri dan patriotik untuk menandakan atau menambahkan kesetiaan kepada Raja dan Negara.
 6. Memberi khidmat kaunseling dan sentiasa mengambil berat atas peraturan-peraturan di sekolah supaya murid-murid mendapat asuhan dan bimbingan serta lebih berdisiplin.
 7. Mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam masa kakitangan penting dan guru-guru diberi kursus pelaksanaan kurikulum/pendedahan/orientasi mata pelajaran seperti sejarah. Pendidikan Moral dan lain-lain untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
 8. Mengadakan ceramah dan seminar dari masa ke semasa dengan lebih kerap untuk menambahkan kesedaran guru-guru terhadap tugas, peranan dan tanggungjawab mereka.

PETA BARU MALAYSIA

34. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang pembatasan sempadan negara di dalam Peta Baru Malaysia, serentak dengan pengisytiharan Peta Baru. Sejauh manakah hasil-hasil kemajuan yang telah dicapai dalam usaha

menyelesaikan tuntutan-tuntutan kawasan di laut dan di darat yang bertindih dengan negara-negara jiran dalam ASEAN. Apakah hasil serta kemajuan yang dicapai oleh Pasukan Petugas Ketua Kementerian Luar Negeri yang telah ditubuhkan pada Mac, 1984 dalam menentukan garis-garis dan titik-titik pangkal sempadan negara.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Malaysia telah mengisytiharkan Peta Nasionalnya pada 21hb Disember, 1979. Peta ini menunjukkan sempadan perairan dan pelantar benua Malaysia.

Pengisytiharan Peta Nasional 1979 tidak diterima oleh beberapa negara jiran. Satu jawatankuasa antara agensi telah ditubuhkan di Kementerian Luar Negeri bagi menyclaras dan mengkaji tuntutan-tuntutan bertindih hasil daripada pengisytiharan Peta Nasional 1979 itu ke arah mendapatkan penyelesaian. Walau bagaimanapun sebelum rundingan-rundingan diadakan, Malaysia haruslah menentukan titik-titik dan garis-garis pangkalnya terlebih dahulu. Maka satu pasukan petugas telah dibentuk untuk tujuan ini pada Mac, 1984.

Pasukan Petugas ini telah pun menyempurnakan tugasnya. Satu memorandum daripada Menteri Luar Negeri akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi.

Malaysia akan berusaha seterusnya untuk mendapatkan penyelesaian damai terhadap tuntutan-tuntutan bertindih dengan negara-negara jiran.

'Malaysia pada dasarnya tidak mempunyai tuntutan bertindih di darat.

KAJIAN INDUK PENSWASTAAN

35. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Unit Perancang Ekonomi

dalam menjalankan Kajian Induk Penswastaaan sejak pengumuman dalam Laporan Ekonomi pada tahun lalu. Adakah kelulusan sembilan buah lagi projek penswastaaan Kerajaan seperti yang diumumkan dalam suratkhbar tempatan pada 3 Februari 1988, diberi mengikut garis-garis panduan kasar Kajian Induk Penswastaaan yang sempat disediakan. Jika ya, apakah di antara garis-garis panduan kasar yang sudah pun disediakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi menjalankan kajian tersebut. Setakat ini, Kerajaan telah pun memilih juruperunding bagi menjalankannya dan perjanjian di antara Kerajaan dan pihak juruperunding untuk memulakan kajian ini akan ditandatangani tidak lama lagi. Proses perlantikan juruperunding telah mengambil masa oleh kerana peraturan tender perlu diikuti untuk memilih juruperunding. Memandangkan bahawa kajian tersebut belum lagi dijalankan bahagian kedua kepada soalan Yang Berhormat adalah tidak berkenaan.

IKLAN SALEM MENGENAI ROKOK

36. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri sebab apakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi kerjasama pada "Salem" untuk pengiklanan di seluruh Bandar Kuala Lumpur apabila Kerajaan Pusat sedang mengambil tindakan untuk menghalang penghisapan rokok dan lain-lain kelakuan sepertinya di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran DBKL ada membenarkan iklan "Salem"

dipamirkan pada papan iklan (billboards) di tiga (3) tapak sahaja dan bukannya di seluruh ibu kota Kuala Lumpur. Tapak-tapak tersebut ialah:

- (i) di persimpangan Jalan Ampang/Jalan Sultan Ismail (berhampiran Hotel Merlin);
- (ii) di bulatan Edinburgh, dan
- (iii) di tepi bulatan Jalan Pahang.

Iklan yang dibenarkan itu adalah sama seperti yang terdapat melalui televisyen atau media massa yang lain. Apa jua bentuk yang menggambarkan rokok atau kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya adalah tidak dibenarkan.

Sebenarnya kelulusan untuk iklan jenis ini adalah terhad dan terkawal. Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak bercadang untuk menggalakkannya.

WANG GANJARAN— MENGELUARKAN

37. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihaknya bercadang untuk membenarkan kakitangan Kerajaan yang berpencen apabila mencapai umur 50 tahun ke atas mengeluarkan 1/3 wang ganjaran (gratuity) mereka untuk membolehkan mereka menunaikan fardu haji semasa badan masih sihat, untuk membayar wang pendahuluan perumahan dan lain-lain keperluan yang mendesak.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan kakitangan Kerajaan yang berpencen mengeluarkan 1/3 atau apa-apa bahagian daripada wang ganjaran (gratuity) mereka sebelum mereka sebenarnya bersara untuk membolehkan mereka menunaikan fardu haji atau lain-lain keperluan kerana wang ganjaran ini adalah ganjaran atau balasan bagi kakitangan yang memberikan perkhidmatan yang baik

dan hanya boleh dikeluarkan apabila kakitangan Kerajaan itu bersara. Sekiranya kebenaran diberi bagi wang ganjaran itu dikeluarkan sebelum kakitangan itu bersara, maka adalah sukar bagi Kerajaan untuk mendapatkan wang itu kembali sekiranya kakitangan berkenaan didapati berkelakuan tidak baik dan diambil tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah sebelum ia bersara yang menyebabkan ganjaran itu tidak layak dibayar.

GURU-GURU SEKOLAH CINA—KENAIKAN PANGKAT

38. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Jawatankuasa 5 orang yang diketuai oleh Menteri Pendidikan yang ditubuhkan oleh Kabinet bagi menyelesaikan isu perlantikan Penolong-penolong Guru Besar dan Penolong Kanan yang tidak berkelulusan bahasa Mandarin ke Sekolah-sekolah Rendah Cina telah mengadakan mesyuarat, dan jika ia, beri tarikh mesyuarat tersebut diadakan dan keputusan-keputusan yang telah diambil sehingga ke hari ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa berkenaan telah mengadakan mesyuaratnya pada 9-11-1987, 5-1-1988 dan 12-1-1988. Jawatankuasa tersebut telah pun menyelesaikan isu tersebut.

KOMPLEKS HAJI DI BAYAN LEPAS—PEMBINAAN

39. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan apakah punca yang menyebabkan projek pembinaan Kompleks Tabung Haji di kawasan Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang tidak dilaksanakan hingga masa ini.

Tuan Othman bin jAbdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Kompleks Haji di Bayan Lepas, Pulau Pinang telah ditangguhkan oleh kerana keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh." (9hb Mac, 1988).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh. sila sambung.

3.38 *ptg.*

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung ucapan saya. Petang semalam saya pernah membangkitkan masalah-masalah mengenai perkhidmatan telefon di negeri Selangor

ke kawasan-kawasan setinggan itu telah pun diberhentikan. Ini tidak patut dilakukan oleh kerana setinggan-setinggan yang berkenaan setinggan yang telah lama menduduki atas tanah-tanah mahupun di tanah swasta ataupun di tanah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan tidak dapat melaksanakan rancangan rumah kos rendah dengan berkesan maka ini telah mengakibatkan ramai penghuni setinggan selama ini menghadapi alam sekitar yang kekurangan jalan-jalan yang baik dan parit yang memuaskan.

Jika para penghuni setinggan yang berkenaan mereka berkebolehan tidaklah akan tinggal di kawasan yang sama sekali tidak ada kemudahan moden dan sering dilanda banjir itu. Misalnya, kawasan saya terdapat banyak rumah-rumah setinggan tetapi di tepi Sungai Kerayong rumah-rumah setinggan yang berkenaan sering dilanda banjir. Oleh kerana pihak Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai peruntukan wang yang mencukupi maka projek mendalamkan dan memperluaskan Sungai Kerayong itu tidak dapat dilaksanakan. Maka masalah banjir di kawasan tersebut itu makin lama makin buruk. Penduduk-penduduk setinggan yang menghadapi kesulitan itu bukan tidak mahu meminta keluar dari kawasan yang selalu dilanda banjir itu. Yang sebenarnya, -mereka pernah memohon beberapa kali kepada pihak yang berkuasa supaya mendapatkan unit rumah kos rendah sejak awal 70an sehingga hari ini tetapi malangnya mereka masih dalam keadaan tunggu menunggu sahaja.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa masalah setinggan bukan hanya terdapat di kawasan saya sendiri ataupun di kawasan Petaling Jaya sahaja, tetapi juga masalah tersebut wujud di mana-mana tempat pun.

Kerajaan Barisan Nasional sendiri patut sedar salah satu faktor selain daripada faktor-faktor penahanan ISA, kes UEM dan krisis keyakinan yang mengakibatkan calon mereka yang bertanding di pilihanraya kecil Tanjong Puteri itu memenangi hanya dengan majoriti 31 undi itu

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Itu ada berkaitan dengan isu setinggan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh bagi jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Boleh, tetapi pendek sahaja, kalau panjang tak boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soal krisis keyakinan, isu UEM dan sebagainya menjadi modal lapuk kepada DAP tetapi tak apalah dan kalau DAP begitu yakin, kenapa DAP sendiri tidak masuk bertanding membuktikan pilihan rakyat di Tanjong Puteri itu? Sila jawab.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun, kalau tak salah ingatan saya, pada beberapa hari yang lepas pun ada memanggil rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk menjawab soalan seperti itu. Itu soalan tidak ada releyance dengan ucapan saya. Maka saya tak perlu memberi apa-apa penjelasan berkenaan soalan yang dibangkitkan itu. Sungguhpun Barisan Nasional menang kerusi

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Seputeh. dia bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Tak beri jalan, itu soalan keluar daripada tajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Hashim bin Safm: (*Bangun*) (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan sekarang.

Tuan Liew Ah Kim: Sungguhpun Barisan Nasional memenangi kerusi Tanjong Puteri tetapi mereka tidak boleh merasa bangga, sepatutnya merasa malu.

Yang sebenarnya kemenangan moral dipunyai oleh calon PSRM.

Tuan Yang di-Pertua, kami DAP tidak bersetuju bahawa tanggungjawab untuk mengatasi masalah setingan itu adalah tanggungjawab Negeri sahaja, Kerajaan Pusat pun tidak boleh melarikan diri daripada tanggungjawab untuk mengatasinya. Oleh yang demikian, saya mendesak Kerajaan menaruh perhatian kepada masalah-masalah penggundi setingan di negara ini dan bertindak untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perpaduan negara, Titah Ucapan Di-Raja telah pun membangkitkan perkara perpaduan negara sekali lagi di Dewan yang mulia ini. Kami semua sedar bahawa sekiranya negara kita ingin maju, rakyat mestilah bersatu padu tetapi perpaduan negara akan hancur jika ahli-ahli politik dan rakyat tidak menyedari realiti tanahair kita.

Pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu kerap kali membangkitkan tentang pribumi apabila beliau melafazkan ucapan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu bahawa jika beliau boleh mendakwa dirinya sebagai pribumi, maka saya-- yang dilahirkan di tanahair ini pun berhak mendakwa sebagai pribumi. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Tanah Merah bangun, hendak ben jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Baiklah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kalau kita selaku sama-sama wakil rakyat kita boleh berhujah secara baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah berhujah antara Ahli Yang Berhormat berdua.

Tuan Liew Ah Kim: Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Hashim bin Safin: Itu tuduhan yang tak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Tanah Merah, sebentar, saya hendak hertanya sama ada Ahli dari Seputeh beri jalan atau tidak.

Tuan Liew Ah Kim: Saya tak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan. sila duduk!

Tuan Liew Ah Kim: Tak ada masa. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah membangkitkan perkara Kebudayaan Kebangsaan. Inginlah saya menegaskan di sini bahawa pelbagai bahasa dan budaya tidak menjadi rintangan ataupun penghalang kepada perpaduan negara; sebaliknya dasar atau bahasa dan satu budaya itu akan menjejaskan usaha bersatupadu rakyat di tanahair kita.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Ya.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan sahaja. Saya kira Ahli Yang Berhormat dari

Seputeh itu tidak taham ucapan saya. Saya mengatakan bahawa kebudayaan yang dibawa oleh orang-orang Cina adalah merupakan dari segi sejarahnya adalah satu kebudayaan yang sudah terputus daripada kebudayaan induk, kerana kalau kita mengambil dari segi sejarah, kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu adalah berasaskan kepada kolonialisme yang wujud di Tanah Melayu dan mereka yang didatangkan itu terdiri daripada golongan yang rendah, yang miskin. Sebab itu mereka dapat dibawa ke mari. Maksud, tujuan dan matlamat kedatangan mereka ke sini bukanlah untuk membawa kebudayaan. Mereka datang bukan dengan satu misi kebudayaan tetapi semata-mata datang ialah untuk memperbaiki taraf kehidupan yang memang buruk dan menyedihkan di negara asal mereka. Kedatangan mereka di sini semata-mata untuk sementara waktu dan apabila mereka mempunyai kekayaan yang sudah cukup mereka akan pulang kembali ke tanahair mereka. Apakah dengan cara ini boleh mereka mahu memperjuangkan dalam bentuk budaya serpihan itu untuk dijadikan dan mengambil tempat dalam arus Kebudayaan Nasional? Itu persoalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk! Cukuplah penjelasan itu.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi, Ahli Yang Berhormat dan Seputeh itu tak faham ucapan saya.

Tuan Liew Ah Kim: Itu sudah cukup panjanglah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli dari Seputeh, sila teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Oleh kerana Ahli dari Kuala Terengganu itu sentiasa membangkitkan soal asimilasi itu, maka ini adalah bercanggah dengan realiti yang sebenar di tanahair

kita. Maka saya memberikan sedikit sebanyak kritik atas hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan,

Tuan Liew Ah Kim: Boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Seputeh sedar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu semalam telah menghina orang-orang yang bukan bumiputera kerana mendakwa bahawa kita semua lima juta orang di sini di Malaysia hanya mahu cari duit dan balik ke China sahaja. Ini satu dakwaan yang mempersoalkan ketaatsetiaan warganegara Malaysia. Itu sangkaan jahat. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Apa yang dikatakan oleh Wakil dari Kuala Terengganu ialah mengenai orang-orang yang dahulu datang. Itu yang dikatakannya tadi—yang dahulu datang. Sila Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Yang Berhormat dari Bandar Kuching memang betulah

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri tahu dia tak betul. Saya beri tahu kepada dia katakan itu silap. Jangan kata dia betul pula, Apabila saya tegur dia angguk-angguk. Jadi, saya betulkan. Sila teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Itu pandangan dia dan saya pun bersetujulah dengan pandangannya.

Petang semalam saya ada mendengar ucapan panjang lebar yang disampaikan oleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat sila teruskan dengan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, maka biarlah kita bersama-sama. Saya pun bersedia bekerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional sekiranya untuk kepentingan rakyat dan negara kita mengenai perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita pasti bersama-sama menyemai semangat bersatupadu dalam mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan melalui cara integrasi dan bukan asimilasi. Di sini saya ingin memberi satu dua contoh mengenai perkara yang berkenaan.

Misalnya di negara Filipina. Kita pun taham Filipina adalah sebuah negara hampir-hampir 90% rakyatnya adalah beragama Katholik mempraktikkan satu kebudayaan dan menggunakan satu bahasa tetapi apa kita dapat lihat sekarang adalah konflik. huru-hara dan peperangan.

Di sebaliknya negara Switzerland adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang bahasa ia tidak pernah mengalami peperangan, huru-hara dan konflik sejak 200 tahun lagi. Di negara itu bahasa Peranchis, bahasa Jertnan dan bahasa Itali dibcnar wujud sebebaskan-bebas, malahan pula ketiga-tiga bahasa itu juga diberi status rasmi yang sama dan rakyatnya tidak sekali pun menyoalkan hak-hak orang-orang lain untuk menggunakan bahasa masing-masing di mana-mana dalam negara itu. Ini menunjukkan bahawa bahasa, agama dan kebudayaan bukanlah asas-asas perpaduan.

Negara Filipina adalah satu contoh yang baik. Apa yang mengakibatkan huru-hara dan kacau-bilau di negara itu terutamanya semasa Marcos masih berkuasa ialah ketidakadilan politik dan ekonomi. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu

akan mengkaji kes Filipina dan Switzerland dengan jujurnya dan secara mendalam sebelum beliau beromong-omong kosong tentang konsep asimilasi, satu budaya, satu bangsa dan sebagainya.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berliormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Liew Ah Kim: Sudah habis. Sekian. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

3.54 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya cuba bangun untuk mengambil peluang mcmbahas Titah Di-Raja yang ada di hadapan kita pada petang ini dan saya tidak akan menyentuh banyak masalah dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbincangan atas Titah Di-Raja ini dengan menimbulkan penggunaan huruf besar bagi kalimat kita dalam setiap kali Seri Paduka Baginda membincangkan dirinya dalam Titah perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac lalu.

Teguran-teguran ini saya buat untuk memastikan penggunaan huruf besar itu tidak disalahguna kerana biasanya ejaan huruf besar itu digunakan dalam setiap ganti nama bagi Yang Maha Besar Allah taala.

Bagi memastikan masih tidak dilakukan kederhakaan kepada Allah maka saya anjurkan supaya Majlis Fatwa Alim-Ulama berbincang dengan pakar-pakar ejaan Bahasa Malaysia. Pandangan mereka sangat penting bagi

mempastikan penggunaan itu tepat atau sebaliknya, moga-moga kita akan mendapat petunjuk dari Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di-Raja ini.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah. Ya, sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Titah Di-Raja ini sepatutnya disampaikan di Tanjung Puteri sebelum 5hb Mac lalu kerana nadanya saya dapati macam ucapan ceramah kempen pilihanraya yang menyokong calon Barisan (*Tepuk*).

Saya katakan demikian kerana daiam muka surat 5, perenggan pertama Titah itu menyeru agar seluruh rakyat memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir. Kerajaan sepatutnya sedar bahawa dua hari sebelum Titah itu disampaikan di Dewan ini rakyat Tanjung Puteri, sebahagian dari bandar Johor Bahru terletak di Tanjung Puteri telah tidak memberikan sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan Perdana Menteri (*Tepuk*) melalui calon Barisan Nasional pimpinan Dr Mahathir hanya menang.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun. Dia tak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri. Tolong tadah telinga sudahlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Telinga pun boleh tadah ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Pimpinan Dr Mahathir hanya menang dengan 31 undi sewaktu kemenangan yang tidak menang. Samalah seperti kemenangan beliau sendiri dalam muktamar agung dahulu (*Tepuk*) dengan mendapat 43 undi yang dianggap berlaku dalam pasaran gelap sehingga terseret ke mahkamah. Ini dengan sendirinya saranan Di-Raja itu tidak selari dengan semangat rakyat Johor Bahru. Bukanlah sewaktu yang mustahil suara dari Johor Bahru itu mencerminkan pandangan umum masyarakat di negara ini. Saya sangat dukacita.

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun atas apa?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Sila duduk!

Tuan Hashim bin Safin: 36 (7). Tuan Yang di-Pertua, di mana nama-nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri tidak boleh diguna bagi mempengaruhi majlis mesyuarat. Maksudnya tidak boleh dikaitkan nama Agong untuk mempengaruhi perbincangan dalam keputusan Pilihanraya Tanjong Puteri atau sebagainya dan menghina Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah itu bukan semuanya betul tetapi sekerat betul. Dengan kerana nama

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jangan dikait-kaitkan, hanya kita boleh berkata terima kasih dan sebagainya dan jikalau sekiranya ada kesilapan apa-apa, maka kita boleh memberi fikiran kita bahawa ucapan yang telah dibuat itu di atas nasihat Kabinet tidak berapa betul dan sebagainya. Yang Berhormat tak boleh terus-menerus mengatakan dengan lantanganya perkataan-perkataan yang telah pun diperkatakan tadi. Jadi, saya mintalah supaya jaga sedikit perkataan itu supaya 'sesuai dengan keadaan. (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyentuh nama Yang di-Pertuan Agong, cuma saya bahas Titah Diraja sahaja.

Saya sangat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kerana Kerajaan menyediakan Ucapan Diraja demikian rupa hanya dua hari selepas sebahagian dari rakyat Johor menyuarakan pendirian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sebrang diri di Dewan ini tetapi saya mewakili parti yang sah, (*Tepuk*) tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana walaupun ramai adalah mewakili pertubuhan yang tidak sah. (*Tepuk*) Walaupun masing-masing mewakili sebuah parti baru, itupun belum tentu sah lagi. (*Tepuk*)

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengemsikan Mesyuarat*)

Oleh itu, saya mempunyai sebab yang kuat untuk mengatakan Perdana Menteri menggunakan Titah Diraja ini untuk menyuruh rakyat menyokong Dr Mahathir melalui seruan itu. Bagaimana seluruh rakyat hendak memberi sokongan yang tidak berbelahbagi kepada kepimpinan Dr Mahathir sedang beliau sendiri tidak mendapat sokongan yang padu dari partinya yang lama, iaitu UMNO.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: On a point of order 36 (6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sangkaan jahat. Teruskan Yang Berhormat apa sangkaan jahat itu?

Seorang Ahli: Mana ada?

Tuan Zubir bin Embong: Diamlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti. Teruskan Yang Berhormat, apa sangkaan jahat itu?

Tuan Zubir bin Embong: Dia menyatakan bahawa seolah-olah Perdana Menteri menggunakan Yang di-Pertuan Agong dengan melalui ucapan yang disediakan oleh Kabinet itu untuk mempengaruhi kerana Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyebut bahawa Perdana Menteri ini mewakili satu parti yang tidak sah, sebentar tadi, sebelum daripada Tuan Yang di-Pertua naik ke atas Kerusi itu. Jadi saya minta berdiri, dihentikan. kerana ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak apalah, kita tunggu sebentar.

Tuan Zubir bin Embong: Tunggu macam mana, benda itu sudah disebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sengaja dia hendak ganggu, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam pemilihan parti itu pada 24hb April, 1987 beliau hampir ditolak oleh partinya. Cumanya beliau menang

dengan 43 undi. Kalau perwakilan dari 30 cawangan yang tidak berdaftar tidak serta dalam perhimpunan itu, maka diyakini kepimpinan beliau sudah berkubur bersama partinya, yakni dihukum mati. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini....

Tuan Zubir bin Embong: On a point of order. Perkara ini,; Tuan Yang di-Pertua, sekarang sedang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Ya, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nombor berapa?

Tuan Zubir bin Embong: Ini *sub judice*, kerana ini dalam pertimbangan mahkamah pada masa sekarang', jadi tak boleh disebut-sebut dalam Dewan ini. Memang itu point of order, saya tak ingat berapa nombornya.

Seorang Ahli: Duduklah! (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan buat begitu.

Tuan Zubir bin Embong: Memang DAP ini kurang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Zubir bin Embong: Macam mana ruling Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkara ini bukan *subjudice*, tetapi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Zubir bin Embong: Ini appeal, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): jangan menyentuh perkara-perkara di dalam parti-parti, itu tidak relevant. Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. UMNO yang tidak sah tentu tahu apa bentuk pimpinan yang mereka mahu.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Saya tak pernah minta penjelasan. Penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti sekejap. Pihak Kerajaan tak mahu dengar.

UMNO yang tidak sah tentu tahu apa bentuk pimpinan yang mereka mahu. Perwakilan UMNO walau dianggap tidak sah tetapi merekalah yang lebih tahu siapa pemimpin mereka. Oleh itu bagaimana seorang pemimpin yang UMNO hampir tolak dan UMNO sendiri mempertikaikannya boleh disokong pula oleh rakyat dengan tidak berbelahbagi. Kemenangan Dato Seri Dr Mahathir dalam pemilihan UMNO itu bukanlah kerana perwakilan UMNO suka kepadanya tetapi nasib sahaja kerana beliau berkuasa. Kekuasaan yang ada itulah membantunya untuk mendapat undi lebih sebanyak 43 suara.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut Islam sokongan yang tidak berbelahbagi tidak boleh diberikan kepada sebarang orang. Allah hanya membenarkan seorang manusia menyokong seseorang selama orang itu adil dan patuh kepada segala perintah Allah. Orang yang adil itu ialah orang yang tidak menentang hukum Allah, orang yang mentaati perintah Allah,

meninggalkan larangan Allah, orang yang tidak menganiayai sesiapa dan orang yang menggunakan segala kuasa dan kebijaksanaan yang ada padanya untuk membela kebenaran dan menegakkan hak, bukan mengguna kuasa untuk menindas dan menundukkan lawan dan kawannya. Inilah garis panduan secara kasar mengikut Islam dan inipun bersyarat, apa lagi dengan tidak berbelahbagi.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini tidak ada sebab untuk memberikan sokongan yang tidak berbelahbagi kepada Dr Mahathir. Biarkan saya memberikan sebab-sebab sokongan itu tidak patut diberikan selain dari alasan yang saya terangkan tadi. Satu perkara yang dilafazkan oleh Baginda betapa besarnya keinginan Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan rakyat dan penyatuan kaum di kalangan masyarakat berbilang agama di Malaysia ini. Keinginan ini adalah mulia dan ia menjadi azam yang berterusan, ia sering dilafazkan di Dewan ini sejak sebelum merdeka dan sejak UMNO ditubuhkan 42 tahun lalu. Setiap Yang di-Pertuan Agong dan setiap Perdana Menteri silih berganti menyebutkan masalah perpaduan dan penyatuan kaum ini di Dewan ini tetapi mengapakah perpaduan tidak pernah wujud setiap kali seruan supaya ia diwujudkan. Kalaupun wujud perpaduan, saya pinjam apa yang disarankan oleh "The Malay Dilemma" yang pernah diharamkan satu masa dahulu ialah wujud sejurus sebelum merdeka dan berakhir sejurus selepas merdeka. Perpaduan sementara itu cuma berlaku semasa negara ini berada dalam tempoh berbulan madu menyambut kemerdekaan, selepas itu hinggalah hari ini perpaduan yang bererti tidak menjadi kenyataan.

Nada yang disebutkan dalam Titah Diraja itu mencerminkan satu kecemasan dan membayangkan adanya rasa putus asa. Ini dapat dilihat

dalam kalimah yang Baginda sebut, sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang kita bina selama ini akan musnah.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan sejati tidak akan tercapai selagi Kerajaan Barisan Nasional menolak hasrat supaya Al-Quran dan Al-Sunnah Rasul dijadikan panduan hidup rakyat. Islam mengajak umatnya supaya menjalin perpaduan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: tidak ada panduan lain.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan mengenai perpaduan daripada pemimpin parti Islam yang menggunakan Quran dan Sunnah, boleh tak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apakah tak jelas lagi ucapan saya?

Tuan Hashim bin Safin: Adakah PAS itu berjaya menyatupadukan parti Islam?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Takut!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Perpaduan sejati tidak akan tercapai selagi Kerajaan Barisan Nasional menolak hasrat supaya Al-Quran.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini boleh.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, cuma pendek sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan diharap beliau dapat memberi penjelasan dengan penuh ikhlas, iaitu sejauh mana PAS sendiri yang kesempatan ini diambilnya bagi tujuan untuk hendak menuduh UMNO sebagai sebuah parti yang tidak berpadu. Jadi saya ingin tahu sejauh mana PAS sendiri berpadu sesama mereka.

Yang kedua, sejauh mana pula PAS yang mendakwa dirinya sebagai parti Islam itu menurut Al-Quran dan Hadis. (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya rasa tak payah jawab, Tuan Yang di-Pertua, sebab benda ada di hadapan dan PAS belum memerintah. Beri peluang PAS memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, Islam mengajar umatnya supaya menjalin perpaduan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah. Tidak ada panduan-panduan lain yang dapat menjamin perpaduan UMNO dan Kerajaan telah mencuba berbagai teori untuk mewujudkan perpaduan. Ia menyuburkan toleransi melalui nasionalisme atau assabiah sebagai cara menyatukan rakyat. Ia juga pernah menyalurkan teori sosialisme

untuk penyatuan. Segala-segalanya telah terbukti gagal sekarang. Perpaduan melalui fikiran manusia bukan sahaja gagal menyatukan rakyat berbilang kaum dan agama malah ia gagal untuk menyatukan penyokong-penyokong UMNO sendiri. Natijah dari fahaman yang dikembangkan oleh UMNO itu, pemimpin-pemimpin UMNO lebih rela melihat UMNO diharamkan dari mewujudkan perpaduan. Kalau pemimpin-pemimpin UMNO tidak boleh bersatu sesama sendiri maka bagaimana pimpinan dan Kerajaan parti ini boleh mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat. Kita lihat sahaja contohnya sekarang, pemimpin-pemimpin UMNO masih berlawan antara satu sama lain. Mereka sudah melihat UMNO diharamkan di hadapan mata mereka akibat persengketaan mereka, mereka masih tidak mahu mengambil pengajaran, satu, berusaha untuk membentuk UMNO Baru dan satu lagi membentuk UMNO Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat, rakyat telah memberi gelaran Bapa Perpaduan kepada Tunku Abdul Rahman ketika beliau menjadi Perdana Menteri dahulu. Gelaran itu belum ditarik balik. Baru-baru ini beliau mempelawa Perdana Menteri untuk bersama-sama menaja UMNO Malaysia sebagai usaha bersatu dan memulihkan UMNO. Perdana Menteri pula menolak usaha Bapa Perpaduan untuk mewujudkan perpaduan. Kalau Perdana Menteri sendiri tidak boleh mewujudkan perpaduan sesama pemimpin-pemimpin UMNO maka janganlah dimimpi negara ini boleh mencapai perpaduan ibarat ketam mengajar anak supaya berjalan betul dan lurus, tetapi bapa dan ibunya masih bengkok kakinya.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perpaduan tadi tidak tercapai bukanlah disebabkan oleh badan tubuh dan peribadi tadi, tetapi oleh kerana sistem dan formula perpaduan yang mereka pegang, mereka enggan berpandu

kepada apa yang disarankan oleh Islam. Kita bersetuju bahawa perpaduan itu punca kekuatan dan kemenangan, tetapi mestilah perpaduan dianjurkan oleh Islam. Contohnya terbaik hendaklah dilihat dari perpaduan yang ditunjukkan oleh Mujahiddin Afghanistan. Mujahiddin berpandu kepada perpaduan Islam dan walaupun mereka terdiri dari sekurang-kurangnya 7 kumpulan parti yang berasingan, tetapi kerana setiap parti itu mengambil formula Islam, maka mereka sudahpun mengecewakan Soviet Union yang terkenal gagah perkasa sebagai sebuah kuasa besar. Mana ada kuasa dalam dunia yang boleh mengecewakan Soviet Union? Tetapi Soviet Union kecundang di bawah kaki Mujahiddin Afghanistan. Orang-orang Arab yang berbahasa Arab dan mengetahui erti Al-Quran, tetapi kerana mereka tidak berpegang kepada Al-Quran lalu kini mereka tidak mampu untuk menghadapi Israel. Sedangkan Israel.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Yang Berhormat dari Arau bangun. Hendak apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan. Sedangkan Israei tidaklah segagah Soviet Union. Bangsa Arab terdiri dari berpuluh-puluh Kerajaan, masing-masing tidak boleh menjentik bulu roma Israel, walaupun bilangan Israel jauh lebih kecil. Tetapi Mujahiddin Afghanistan tidak punya Kerajaan, mampu menewaskan Soviet Union yang gagah perkasa dan punyai rakyat dan negara yang jauh lebih besar dari Afghanistan. Begitu juga perpaduan kumpulan yang berbeza di Kamboja, walaupun kemajuan sebelum ini telah mengecewakan Amerika tetapi kini mereka dibantu

oleh semua pihak, mereka tidak mampu untuk mengusir Vietnam yang dibantu oleh Soviet Union, tetapi Mujahiddin boleh menewaskan Soviet Union. Inilah perhatian yang sepatutnya direnungkan oleh orang-orang Islam yang Allah beri peluang untuk membentuk Kerajaan hari ini.

Perpaduan mengikut Islam itulah yang sepatutnya disemaikan dan pemimpin-pemimpin UMNO sepatutnya apabila Allah mentakdirkan bahawa UMNO didapati tidak sah, maka seluruh bekas-bekas ahli UMNO mempelajari dari kelemahan perpaduan yang mereka anuti. Mereka gagal dan hancur melalui fahaman ciptaan manusia. Mereka sedar yang perpecahan wujud kerana menolak cara hidup Islam. Mereka sedar wujud perpecahan ummah, perpecahan yang berlaku kerana umat Islam terbahagi dalam kumpulan parti yang terbesar iaitu PAS dan UMNO.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa perpecahan yang berlaku di zaman sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w., di mana di antara 4 orang sahabat Khulafa' Ar-rashiddin, 3 mati syahid dibunuh, hanya seorang sahaja yang mati dalam keadaan biasa. Apakah kerana sahabat-sahabat ini tidak ada perpaduan di kalangan mereka, adakah kerana sahabat-sahabat ini tidak menurut lunas perpaduan Islam menyebabkan 3 orang sahabatnya dibunuh?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat itu keliru, sebab saya hujjah dari dasar, dari tapak

pegangan, bukan hujjah dari perbuatan manusia. Kalau Yang Berhormat hendak menyentuh manusia, memanglah manusia kalau jahat itu jahat, kalau buruk itu, buruk. Tetapi kita lihat.

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, fahamkah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa apa yang dia baca itu?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, itu main-main sahaja. (*Ketawa*) Itulah sangkaan jahat. Apa maksudnya, saya mahu tanya. Apa maksud Yang Berhormat tanya saya faham atau tidak faham. Minta penjelasan. (*Ketawa*)

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Sebabnya begini. Saya menganggap apa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa baca itu bukanlah lahir dari isi hati Yang Berhormat sendiri, tetapi itu adalah ditulis oleh orang lain. Sebabnya begini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak payah.

Tuan Sim Kwang Yang: Saiah, salah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu niat jahat, sangkaan jahat, tolong tarik balik.

Tuan Sim Kwang Yang: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai saranan dibuat untuk mendekatkan kedua kumpulan itu bagi tujuan perpaduan, tetapi, tidak ada kejayaan, dalam suasana itulah UMNO dengan kehendak Allah dibatalkan. Sepatutnya ketika itulah umat Islam mengambil kesempatan untuk mewujudkan perpaduan melalui

pertubuhan yang satu lagi yang masih ada iaitu PAS yang perjuangan mereka mengikut garis Islam.

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta penjelasan tentang mengambil kesempatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Masa tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak beri masa panjang, bolehlah.

Tuan Hashim bin Safin: Kita setuju beri masa panjang, Tuan Yang di-Pertua, kita sepakat. Kita tidak berucap pun tidak apa, kita hendak dengar ucapan dari tok guru ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia tidak ada hak. Tuan Yang di-Pertua yang tetapkan.

Tuan Hashim bin Safin: Kita sepakat, kita tidak bangkitkan, bagi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa lebih masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tambah 2 minitlah.

Tuan Hashim bin Safin: Tambah 10 minit pun boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak hendak 10 minit, saya mahu setakat habis ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa beri atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Beri. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kesempatan diambil dalam suasana pada hari ini, apakah PAS lebih tidak ikhlas dalam soal perpaduan Melayu dari segi

keselamatan sehingga PAS menghasut dan sanggup menumbangkan untuk mengundi tidak percaya kepada sebuah Kerajaan yang telah berjaya melepaskan malapetaka pemerintahan PAS 18 tahun. Cuba jawab secara ikhlas.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak timbul soal jujur, tidak jujur, Tuan Yang di-Pertua. Bidang politik yang mempunyai matlamat dan tujuan, maka apa sahaja yang dapat kita lakukan untuk membuktikan sesuatu penyelewengan berlaku, kita terpaksa lakukan.

Tuan Hashim bin Safin: Walaupun niat itu jahat seperti yang dibuat oleh PAS, itu dilakukan kerana politik, nawaitu politik, betul?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu tuduhan dia, sangkaan buruk dia.

Tuan Hashim bin Safin: Menghalalkan yang haram, mengharamkan yang halal-

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan demikian bekas-bekas ahli UMNO tidak terfikir untuk merebut peluang itu lalu ia mengasaskan UMNO ganti dan UMNO ganti itu pun belum tentu sah lagi dan belum terlewat untuk umat Islam itu untuk memikirkan bersatu di bawah panji-panji Islam melalui parti PAS.

Tuan Hashim bin Safin: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa duduk sekejap—point of order. Nombor berapa?

Tuan Hashim bin Safin: 36(2) tentang UMNO gantikah, UMNO barukah. Perkara itu masih di peringkat pertimbangan mahkamah dan tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, perkara UMNO Baru tidak dalam perhatian mahkamah.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak, masih peringkat rayuan, kenapa dia masih soal rayuan dan sebagainya, peringkat appeal, peringkat Mahkamah Agung. Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan perkara ini masih dalam peringkat mahkamah dan tidak perlu disentuh lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkara Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyentuh, tidak dalam perhatian mahkamah.

Tuan Hashim bin Safin: Ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berkaitan jauh.

Tuan Hashim bin Safin: Dekat. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Tetapi sama sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bila sebut UMNO Baru, sebut UMNO lama memang ada kaitan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau ini tidak dapat difikirkan oleh pimpinan Dr Mahathir, maka bagaimana rakyat seluruhnya boleh memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Oleh kerana perpaduan tidak wujud maka hujung

tahun lepas negara ini benar-benar diancam oleh ketegangan kaum. Segala-galanya berpunca dari angkara pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong parti perkauman yang ada dalam Barisan Nasional yang terdiri dari berbagai-bagai ethnic dan perbuatan yang bukan PAS. Angkara itu disarankan oleh Perdana Menteri dalam Dewan ini ketika menjelaskan mengapa 106 orang ditangkap di bawah ISA.

Untuk mengatasi ancaman itu, Kerajaan menggunakan ISA untuk menangkap orang-orang yang mereka pilih untuk menjadikan. maka termasuk Ahli dari Pasir Mas yang malang itu. Beberapa tindakan lagi seperti mengharamkan beberapa buah akhbar, menyekat majlis undangan parti-parti politik dan sebarang perhimpunan politik bagi dapat menghindarkan kemungkinan yang buruk tadi. Tetapi kalau perkauman tadi tidak di atasi segera, perkelahian kaum tetap tidak akan terhindar terus dan demikian juga lain-lain kekacauan. Kerajaan boleh menghindarkan beberapa kejadian 13 Mei yang lebih besar untuk 20 kali ataupun mungkin juga 30 kali, tetapi Kerajaan tentu tidak berupaya untuk mencegahnya terus, lambat-laun akan ada juga yang Kerajaan tidak dapat kawal.

Saranan saya untuk mengelakkan kecelakaan itu ialah dengan mengatasi terus masalah perkauman. Caranya ialah melalui yang disarankan oleh Islam. Dalam ketegangan hujung tahun lalu, cuma PAS sahaja yang menyeru orang ramai jangan menyertai Perhimpunan tajaan UMNO pada 1 November dan PASlah yang mencela langkah Pemuda UMNO mengadakan perhimpunan di Stadium TPCA. PAS juga mengutuk lain-lain perjumpaan perkauman pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya Kerajaan Dr Mahathir ini telah menyapu sama seramai 15 orang PAS

dalam gerakan tangkap borong walaupun PAS tidak ada kena-mengena dengan kekacauan yang berlaku ketika itu. Perdana Menteri dalam keterangan khasnya di Dewan ini berhubung dengan tangkapan itu telah tidak membabitkan PAS atas masalah perkauman. Sebaliknya pemimpin-pemimpin PAS yang ditahan itu kononnya menggunakan isu agama yang boleh menjejaskan hubungan antara penganut berbagai agama di negara ini. Tetapi dalam kertas tuduhannya yang dibentangkan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada kebanyakan tahanan PAS itu tidak menyebutkan tentang mereka terlibat dalam tuduhan yang disebutkan oleh Perdana Menteri itu. Seolah-olah keterangan Perdana Menteri di Dewan ini hujung Oktober lalu tidak tepat. Sepatutnya Dewan ini memberi perhatian kepada kenyataan yang tidak tepat yang dibuat di dalam Dewan ini.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan juga menggunakan label kepada PAS sebagai pelampau agama. Ia juga antara yang menyebabkan orang-orang PAS tadi ditahan tetapi dalam pertemuan antara pemimpin-pemimpin PAS dengan pemimpin-pemimpin Polis untuk membebaskan tahanan itu, pemimpin-pemimpin PAS telah diberitahu oleh pemimpin-pemimpin Polis bahawa PAS bukanlah sebuah parti yang pelampau, cumanya pemimpin Polis tidak berani untuk membuat pengumuman sahaja.

Saya sangat sukacita sekiranya Kerajaan dapat membenarkan pemimpin Polis mengeluarkan kenyataan itu. Apa yang pemimpin Polis beritahu kepada PAS ialah PAS sebuah parti yang sederhana. Saya berterima kasih atas pendapat Polis itu. Ini boleh menyedarkan pemimpin-pemimpin Kerajaan bahawa mereka telah menyebarkan fitnah dan kenyataan palsu mengatakan PAS parti pelampau agama. Oleh kerana PAS bukan parti pelampau, maka

sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, PAS tidak menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Oleh itu, wajarlah Kerajaan membebaskan ahli-ahli PAS yang ditangkap dan ditahan itu tanpa syarat. Tidaklah wajar lagi bagi Kerajaan terus menahan mereka.

Golongan yang melabelkan gerakan Islam di seluruh dunia sebagai pelampau mengikut apa yang saya tahu ialah Yahudi dan agen-agennya. Saya dukacita dalam perkara ini Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Bahagian Hal Ehwal Agama Islam telah masuk ke dalam perangkap samar Yahudi. Lalu dalam tahun sudah ia menganjurkan Seminar Perpaduan Islam peringkat antarabangsa dan khusus untuk membincangkan masalah pelampau.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan masalah orang tahanan ini, sekarang terdapat 10 orang pemimpin dari PAS yang ditahan dalam gerakan borong itu berada di Kamunting. Sementara itu ada lagi ahli-ahli yang ditahan lebih awal. Apa yang mendukacitakan saya ialah pihak pengawal tahanan sehingga ini masih belum menjawab permohonan pemimpin PAS untuk menemui tahanan PAS itu. Menurut maklumat yang kami terima, kononnya golongan orang politik tidak dilayan, cuma keluarga yang terdekat sahaja yang dilayan. Dukacita permohonan dari parti politik lain seperti DAP dan PSRM boleh pula membuat kunjungan. Apakah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin yang membuat permohonan rasmi itu tidak dilayan? Adakah pihak Kementeriari Dalam Negeri bimbang bahawa rahsia Kerajaan yang setiap hari memujuk tahanan-tahanan PAS supaya masuk UMNO terbongkar?

UMNO sebuah parti yang diharapkan dan usahanya menghidupkan semula parti itu masih belum diputuskan sekarang. Tetapi

mengapakah pihak keselamatan memujuk mereka supaya menyertai UMNO? Orang UMNO hendak keluar UMNO dan panas duduk dalam UMNO dan pegawai yang menjaga tahanan bermati-matian pula untuk memujuk orang PAS menyertai UMNO. Apakah pegawai keselamatan itu diberi kerja untuk merekrut orang jadi UMNO? Biarlah kerja itu dilakukan oleh UMNO dan ia bukan sebahagian dari tugas pegawai Polis dan pegawai penyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, bila hal ini berlaku bagaimana orang ramai tidak mengesyaki Polis sebagai alat UMNO, dan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang saya ingin penjelasan. Dapatkah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membuktikan dalam mana-mana ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang menuduh PAS sebagai parti pelampau? Itu satu.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat buktikan pegawai tahanan mana, dengan memberikan butir-butir, yang telah pun meminta supaya tahanan-tahanan PAS masuk UMNO?

Dua perkara itu saya mintalah Yang Berhormat buktikan perkara ini supaya perkara ini boleh kita ambil tindakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Insyaa Allah. kalau Yang Berhormat beri peluang, saya akan buktikan tetapi bukan di dalam ini.

Bila hal ini berlaku, bagaimana orang ramai tidak mengesyaki Polis sebagai alat UMNO, jika tindakan Polis dan lain-lainnya terhadap PAS adalah sebahagian dari kerja-kerja UMNO. Walaupun Polis menafikan hal ini tetapi dengan usaha pihak khemah Kamunting memujuk tahanan masuk UMNO itu menyebabkan orang merasakan Polis menjalankan kerja UMNO.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, keluarga Saudara Mohd. Sabu, seorang dari tahanan PAS, menghantar daging aqiqah anaknya yang baru lahir, isterinya bersalin semasa beliau ditahan. Pihak Penjara tidak membenarkan daging itu diberikan kepada Saudara Mohd. Sabu. Berbagai-bagai helah dibuat oleh pihak tahanan untuk tidak membenarkan daging aqiqah itu disampaikan. Akhirnya orang yang menghantarkan daging itu meninggalkan daging itu di tempat pengawal. Kita tahu apakah mereka buat dengan daging itu. Apabila kunjungan sukar dibuat dan keluarga sendiri pun kadang-kadang sulit untuk bertemu, ada keluarga yang datang dari jauh dibenarkan bertemu hanya 10 minit sahaja, tentulah ini menyebabkan keluarga kecewa dan terpaksa mengambil sikap mengampuni Polis bagi membolehkan usaha menemui tahanan itu dilayan.

Saya minta masalah orang tahanan ini hendaklah dilayan dengan baik sesuai dengan mereka itu ahli politik, layanan yang baik itu bukanlah kami tuntutan untuk tahanan-tahanan dari PAS sahaja, tahanan-tahanan lain juga patutlah jangan didera.

Dalam masalah keselamatan negara ini, Tuan Yang di-Pertua, antara pihak yang menimbulkan ketegangan di hujung tahun lalu ialah pertemuan masyarakat Cina di sebuah kuil di Kuala Lumpur dan rancangan mengadakan perhimpunan orang

Melayu yang dianjurkan oleh UMNO di Stadium Merdeka yang dibatalkan itu, Antara orang yang terlibat dalam pertemuan di kuil itu ialah Menteri Buruh, manakala penganjur perhimpunan orang Melayu itu ialah Timbalan Perdana Menteri. Tetapi orang yang menjadi Timbalan Presiden MCA dan Timbalan Presiden UMNO yang dimansuhkan itu tidak pula ditahan. Mereka hanya menjalani hukuman buang negeri secara sukarela untuk beberapa bulan (*Tepuk*), orang-orang ini boleh balik dan memegang jawatan, tetapi orang lain terpaksa menderita dalam tahanan. Orang tahu bahawa antara yang ditemui menjelang perhimpunan Ihb November itu ialah sepanduk anti Dato' Seri Dr Mahathir yang disediakan oleh orang-orang UMNO, sehingga ini pihak penganjur iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak membuat penjelasan atas adanya sepanduk anti Mahathir itu. Apakah ini bukan rancangan beliau sendiri, yang ingin melihat Perdana Menteri jatuh dan digantikan oleh beliau sendiri? Oleh kerana itu ada yang beranggapan.

Tuan Hashim bin Safin: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: Okay, Timbalan Menteri dahulu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Apa andaian yang telah dibuat oleh wakil Pengkalan Chepa ini? Saya telah mendengar tadi satu andaian ialah bahawa Perdana Menteri telah menggunakan Agong dalam Ucapan Agong supaya rakyat menyokong Perdana Menteri, ini satu andaian yang dibuat.

Andaian yang kedua ialah Timbalan Perdana Menteri ingin menjatuhkan Perdana Menteri. Saya mahulah

supaya Wakil Rakyat Pengkalan Chepa membuktikan kedua-dua andaian ini kerana kedua-dua ini melibatkan perpaduan rakyat dan ketenteranmn awam. Kalau beginilah tanggungjawab yang telah ditunjukkan oleh Wakil Rakyat, maka perpaduan sampai kiamat tidak boleh kita capai. *(Tepuk)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya masih ada di hadapan, ini merupakan sebagai pertanyaan. . . .

Tuan Hashim bin Safin: *(Bangun)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh sambung ucapan saya?

Tuan Hashim bin Safin: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada satu point of order di sana?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

"36 (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini bukan sangka jahat? "Sangat jahat" sangkaannya kepada Timbalan Perdana Menteri. Inilah "dajal politik" yang paling jahat. *(Tepuk)*

Seorang Ahli: Tarik balik!

Tuan Hashim bin Safin: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga point of order:

"36 (10) (b) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;

Ini boleh mengharu-birukan, ini penghasut yang paling besar berada dalam Dewan yang mulia ini, patut keluar daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menghasut polis, menuduh, memfitnah sana-sini, inilah kerja pemimpin yang bernama "Tok Guru" telah memperalatkan selama ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal sebagai salah seorang Ahli Parlimen yang turut berada ingin memberikan secara tulus dan ikhlas, saya minta Tuan Yang di-Pertua perkara ini jangan dibangkit, jangan dibenarkari, gunakanlah kuasa Tuan Yang di-Pertua, kalau sampai begitu sekali menyentuh perasaan, dengan tulus ikhlas saya minta dengan kuasa Tuan Yang di-Pertua, jangan dibenarkan lagi menggunakan perkataan yang sangat jahat. "Nawaitu" daripada perut hati yang hitam legam, tolong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan, tetapi jangan sentuh perkara itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacitalah pihak wakil Kerajaan membuat tuduhan dan menimbulkan gambaran yang dia sendiri jahat sangka kepada saya. Saya tidak menaruh suatu sangkaan buruk sebab ucapan saya masih ada di hadapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya ringkaskan ucapan saya, oleh itu malang bagi negara orang-orang politik berebut kuasa, orang lain menjadi mangsa dan menderita berat betapa sekalipun tuduhan yang dikenakan terhadap tahanan ISA yang tidak dibicarakan itu, tetapi berat lagi kesan ancaman yang dihadapi oleh rancangan Timbalan Perdana Menteri, dan demikian juga dengan perjumpaan di padang TPCA anjuran Menteri Belia dan Sukan yang dihadiri sama oleh Menteri Penerangan yang menjadi Setiausaha Agung UMNO Baru, Apabila mereka yang tersebut tadi

tidak dikenakan apa-apa tindakan, maka dengan ini adalah wajar seluruh tahanan borong pada 27hb Oktober lalu dibebaskan tanpa syarat termasuk 10 orang pemimpin-pemimpin muda PAS.

Tuan Yang di-Pertua, suasana yang ada dalam negara tahun lalu yang bermula dengan ketegangan kaum diikuti oleh tindakan menangkap ahli-ahli pembangkang dan pengkritik Kerajaan, menggantung ceramah, meminda Akta Pertubuhan dan Akta Polis adalah persiapan kepada keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung dengan kes saman 11 orang anggota UMNO yang tidak puas hati tentang hadirnya 30 perwakilan dari cawangan UMNO yang tidak berdaftar dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 24hb April lalu.

Adalah mustahil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin-pemimpin UMNO tidak tahu natijah undang-undang dari saman itu. Akta Pertubuhan itu dalam kawalan Perdana Menteri, ia tentunya mendapat pandangan yang terus dari pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Segala kemungkinan telah diduga, Yang Arif Hakim Harun Hashim sendiri telah memberi tempoh yang cukup panjang sekitar 6 bulan bagi UMNO untuk menyelesaikan perkara itu di luar mahkamah, tetapi Perdana Menteri tidak berbuat banyak untuk mengatasinya sedang beliau adalah pemimpin. Ini bererti beliau juga mahu mahkamah membuat keputusan bagi membolehkan beliau meletakkan kesalahan kepada orang lain dan membolehkan beliau membina UMNOnya sendiri iaitu UMNO Baru bersih dari anasir penentang-penentanganya.

UMNO tidak dapat dielak dari diharamkan kerana ia telah terbukti melanggar peruntukan Akta

Pertubuhan, Ia suatu keputusan yang cukup besar dan sukar bagi mana-mana hakim untuk melakukannya, tidak ada yang mengatakan, ia tidak mempunyai kesan, memang besar kesannya, tetapi pemimpin UMNO seperti Perdana Menteri dan Pembantunya sudah tahu apa yang hendak dibuat kerana ia adalah Kerajaan, implikasi undang-undang bila ada cawangan haram maka semua organisasinya haram. Apa juga yang ada bercampur dengan barang haram semuanya akan jadi haram, mana ada najis jadi bersih bila bercampur dengan barang yang tidak najis, sekawah nasi yang sedang menggelegak akan dibuang bila diketahui ia termasuk seketul daging najis yang kecil atau termasuk sesudu racun, demikianlah kesan bila UMNO haram, Barisan Nasional jadi haram kerana ia dianggotai oleh UMNO haram. Kerajaan Barisan Nasional juga haram bila Kerajaan itu dibentuk oleh benda yang haram, kesan itu semuanya tidak sah sama seperti ibadat orang yang tidak sah wuduknya, semua sembahyangnya tidak sah walaupun ia mengikut hukum semata-mata wuduknya batal. Mengikut kaedah ini.

• **Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangim*)

• **Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 12 (c) Akta Pertubuhan 1966 mengatakan, sebagaimana kata Yang Berhormat

dari Pengkalan Chepa tadi kalau satu-satu pertubuhan ada satu cawangan yang wujud, tetapi tidak berdaftar maka pertubuhan tadi bolehlah dianggap sebagai tidak sah ataupun haram.

Saya ingin mendapat pengesahan dari Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa sama ada beliau boleh mengesahkan mengatakan bahawa PAS tidak ada satu pun ranting yang tidak berdaftar. tetapi masih wujud pada masa Jni?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan apa yang berlaku dalam pertubuhan UMNO, tidak perlulah saya hendak kemukakan masalah yang tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, berapa lama lagi, sudah lama Yang Berhormat, 45 minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam Titah Ucapan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat saya hanya minta berapa lama lagi?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itulah tadi. saya kata kalau hendak beri peluang panjang kepada saya bolehlah timbul soalan, kalau tidak beri peluang panjang saya tidak beri sesiapa bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 10 minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Biarlah saya mengakhiri ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 10 minit lagi Yang Berhormat, teruskan. Sudah habis satu minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Berapa minit lagi. Tuan Yang di-Pertua hendak beri pada saya? (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cuba dalam 10 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Oleh kerana dalam Titah Ucapan Di-Raja ini, pihak Yang di-Pertuan Agong begitu sekali menekankan tentang masalah perpaduan dan menyeru supaya kita semua sekalian memberi sokongan terutama sekali pihak pemimpin-pemimpin negara, maka saya akan mengemukakan beberapa saranan kepada Dewan yang mulia ini. Walaupun saya tidak dapat meneruskan ucapan saya. tetapi saya suka mengemukakan sedikit pandangan kerana masalah perpaduan ini memanglah Kerajaan sendiri lebih sedar merupakan satu tapak bagaimana kalau orang mahu menanam ataupun mahu dirikan rumah. dia perlu menyiapkan tapak. Orang mahu menanam. ia perlu menyiapkan bekas semaian dan sebagainya. Maka begitulah juga segala punca yang berlaku dalam negara kita hari ini yang menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah bagi saya adalah berpunca dari tapak ataupun asas bermula yang salah atau sebaliknya. Dengan sebab itu. saya akan kemukakan beberapa saranan kepada Dewan yang mulia ini bagi mengakhiri ucapan saya.

Pertamanya untuk menyatupadukan masyarakat majmuk dalam negara ini dan untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul, Kerajaan hendaklah berusaha mencari satu pendekatan dan satu asas bermula yang kukuh yang boleh diterima dan diyakini oleh semua pihak dan golongan sebagai alternatif yang membina dan mampu menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh negara.

Kedua, apa-apa punca yang berlaku yang mengakibatkan bunga api kehancuran negara dan bangsa, hendaklah Kerajaan menjadikan satu teladan dan menginsafi bahawa itu semua adalah kifarot Tuhan dan qadak-qadar untuk pengajaran kita semua kerana kesilapan yang kita lakukan bukan kerana sesiapa atau kerana kumpulan 11 sebagaimana yang didakwa oleh Perdana Menteri baru-baru ini untuk menutup kelemahan diri.

Ketiga, Kerajaan janganlah berbangga-bangga sangat dan menepuk dada dengan kuasa-kuasa yang ada yang hanya buat sementara sahaja.

Keempat, gunalah masa dan kuasa, yang ada sepenuhnya untuk menyedarkan rakyat dan masyarakat supaya memahami kebenaran Islam dan kebaikan ajarannya.

Kelima, krisis kebudayaan, krisis bahasa, krisis pelajaran, krisis ekonomi dan sebagainya sebagaimana yang dibangkitkan sejak dari kelmarin—dan keimarin begitu hebat percanggahan antara wakil dari Kuala Terengganu dengan wakil dari Gopeng yang kedua-duanya daripada Barisan Nasional, tetapi telah bertegang dalam Dewan ini untuk membuktikan satu-satu—itu ialah punca daripada asas dan permulaan yang tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Wakil dari Gopeng kelmarin yang mana walaupun beliau belum Islam, tetapi beliau dapat memahami dan dapat membuktikan hujah yang konkrit untuk menyatakan kebenaran apa yang diperjuangkan oleh beliau. Tetapi wakil dari Terengganu pula untuk menutup kelemahan dan membela kesilapan cuba menggunakan hujah dengan mengatakan beliau ini bukan Islam. Maka beliau menyebut ayat dan meminta Yang Berhormat dari Gopeng bawa asbabunnuzul. Macam

mana orang tidak Islam boleh bawa asbabunnuzul, sedangkan ayat yang dimaksudkan oleh wakil dari Kuala Terengganu itu dia sendiri pun tidak masuk dalam ayat itu. Dia tidak beri saya cakap kelmarin. Kalau dia beri, mungkinlah dia akan merasa beberapa kesilapan. Saya terima kasih kepada wakil dari Gopeng walaupun beliau belum Islam tetapi beliau dapat memahami Islam, dapat meyakini hujah yang ada dalam Islam. Tetapi saya dukacita orang UMNO yang menepuk dada dan mengakui Islam tidak faham Islam, kalau faham pun, tidak sanggup patuh kepada kebenaran Islam. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu kenyataan dan saya kata krisis kebudayaan, krisis bahasa, krisis pelajaran, krisis ekonomi dan sebagainya yang ditimbulkan sejak dahulu sampai hari ini dan baru sekejap tadi ditimbulkan lagi, tidak berbangkit dan boleh diselesaikan bila semua rakyat mengenal hak dan memiliki hak masing-masing.

Keenam, Tuan Yang di-Pertua, lupalah UMNO "A", UMNO "B", UMNO Baru dan UMNO lama. Ia sudah ditelan zaman kehancuran dan telah tercipta sejarah kegagalan dalam tempoh 42 tahun. Untuk itu dan Dewan yang mulia ini pada petang ini, saya mehyeru dan mengajak pihak Kerajaan dengan kuasa yang ada supaya benar-benar bertanggungjawab dan mencari suatu penyelesaian yang bukan untuk UMNO sama UMNO, tetapi untuk seluruh bangsa dan masyarakat sama ada masyarakat majmuk, masyarakat berbilang kaum dan sebagainya. Daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya yakinlah tidak ada satu alternatif yang dapat diterima oleh semua pihak selain daripada Islam yang bukan datang daripada PAS, bukan datang daripada UMNO, bukan datang daripada DAP, bukan datang daripada sesiapa, tetapi "Alhaqqu min rabbika fala takuun nana minal mumtarin", kebenaran Islam itu

datang dari langit, datang dari Allah. Dan ia menjadi suatu penerangan bagi setiap manusia dan inilah satu cara penyelesaian. Ini sudah terbukti dalam sejarah dan dapat difahami, diyakini setelah kita mengkaji dengan sepenuhnya. Inilah menjadi masalah, tetapi saya dukacita hari ini saya tidak dapat bercakap, tidak dapat menyampaikan ucapan saya kerana diganggu. Ini manusia yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa ucapan Yang Berhormat lebih berkesan apabila Yang Berhormat tidak baca. *(Ketawa)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa Yang Berhormat kata?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lebih berkesan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat tidak baca. Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Macam mana saya hendak baca. Kalau saya baca, dia kata saya baca hak orang lain. *(Ketawa)* Inilah susahnya. Dia tidak sedar, dia menjawab dengan kertas orang lain hari-hari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lebih baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Hari-hari dia jawab dengan kertas orang lain. *(Ketawa)* Ini manusia tidak bertanggungjawab. Hari-hari dia baca dengan apa yang ditulis. Kalau tidak ada ditulis, barangkali satu pun dia tidak boleh jawab. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah teruskan, saya ucapkan terima kasih. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.50 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas ucapan Baginda tempoh han.

Baginda telah menyentuh keadaan ekonomi dan politik negara secara menyeluruh. Peningkatan KDNK pada kadar 4.7% pada tahun 1987 menunjukkan bahawa pemutihan ekonomi sedang berlaku walaupun ianya hanya dicetuskan oleh peningkatan permintaan terhadap komoditi utama kita. Tetapi adakah pemulihan politik akan juga berlaku yang mana akan memperteguhkan pemulihan ekonomi melalui peningkatan pertumbuhan di dalam sektor pengilangan, sektor pertanian dan sektor perkhidmatan.

Jikalau dalam tahun 1985 dan 1986 masalah negara banyak tertumpu di dalam bidang ekonomi maka pada tahun 1987 dan 1988 masalah negara tertumpu pula dalam bidang politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa dua bidang ini adalah di dalam keadaan timbal balas di antara satu sama lain. Kelemahan di dalam satu akan membawa kelemahan di dalam bidang yang satu lagi. Sebaliknya, keteguhan di dalam satu juga akan membawa keteguhan di dalam bidang yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perspektif sejarah untuk mengulaskan hujah-hujah saya nanti

mengenai perkembangan ekonomi dan politik yang kita hadapi sekarang ini. Sejarah Malaysia khususnya dan sejarah nusantara amnya semenjak zaman kegemilangan Sri Vijaya, Melaka, Johor-Riau dan zaman selepas merdeka menonjolkan dua ciri-ciri yang menentukan pola-pola ekonomi, sosial dan politik. Ciri pertama ialah pertumbuhan ekonomi negara dan rantau ini sangat bergantung kepada perubahan-perubahan di dalam bentuk perdagangan dunia. Dan ciri kedua ialah pola-pola pergolakan politiknya adalah bersifat dialectical yakni pertentangan kumpulan inti dengan kumpulan pmggir yang mengakibatkan perebutan dan pengambilalihan kuasa di antara kedua kumpulan ini selalu sahaja berlaku. Fenomena pasang surut serta pengaliran kuasa yang menjadi sifat ekonomi politik ini dipanggil oleh ahli-ahli sejarah, the rhythm of Malay History, ataupun rentak Sejarah Melayu, dengan izin.

Apa yang sedang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah pemanjangan apa yang berlaku sepanjang 1.400 tahun semenjak Kerajaan Melayu Sri Vijaya bertapak di nusantara dengan pusat pemerintahannya di Palembang dan pada tahun-tahun 600 Masehi. Dengan pengetahuan ini bolehlah kefahaman yang mendalam dan komprehensif ke atas realiti ekonomi, sosial dan politik dapat dicapai dan justeru itu usaha Kerajaan kita hendak mewujudkan satu negara yang makmur dan adil dapat dilaksanakan tanpa gangguan yang banyak seperti apa yang berlaku pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor politik dan ekonomi yang menunjang dan menyokong kekuatan ekonomi entrepo Kerajaan Melayu Sri Vijaya selama 600 tahun di Palembang, Kerajaan Melayu Melaka selama 100 tahun dan Kerajaan Johor-Riau selama 40 tahun adalah seperti berikut.

Yang pertama. pentadbiran negara yang cekap serta adil dan liberal terhadap kemasukan saudagar-saudagar dan modal-modal asing.

Kedua. kemudahan-kemudahan pinjaman modal yang banyak.

Ketiga. kemudahan infrastruktur pelabuhan dan pergudangan yang meluas.

Keempat. dasar perdagangan yang sensitif kepada pasaran antarabangsa.

Kelima. dasar diplomasi yang menggalakkan kuasa besar di masa itu iaitu negara China supaya tidak mencampun hal-hal dalam negeri dan rantau ini.

Keenam. dasar pemerintahan pusat dan pengawalan yang tegas tetapi liberal ke atas jajahan-jajahan takluk dan Negeri-negeri Bersekutu.

Keujuh. pengongsian kuasa yang seimbang di dalam Kerajaan Pusat, yakni di antara Bendahara, Temenggong, Laksamana, Penghulu dan Bendahari.

Dan kelapan, kepimpinan yang membawa kepada perpaduan, bukan perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua, lapan faktor ini sama-sama membawa kemakmuran dan kestabilan sosial dan politik kepada ketiga-tiga empire Melayu tadi. Keruntuhan sistem ekonomi dan politik mereka dimulakan oleh pelanggaran faktor politik iaitu mengenai ketidakpuasan hati di kalangan tanah-tanah jajahan dan Negeri-negeri Bersekutu dan juga di kalangan pemegang kuasa di dalam kumpulan inti. Ini membawa kepada usaha-usaha pemisahan dan setemnya perlakuan derhaka yang menjadi taboo orang-orang Melayu terhadap pemerintahannya semenjak Sri Tribuana dan Demang Lebar Daun mengikat sumpah dalam usaha mereka membentuk dan menerajui Kerajaan Melayu yang pertama.

Jika kita perhatikan trend sejarah yang menunjukkan jangka masa atau period keagungan pemerintahan dari satu empire kepada satu empire yang menurun dari 6 (K)tahun Sri Vijaya, 100 tahun Melaka dan 40 tahun Johor-Riau, jelaslah kepada kita bahawa faktor politiklah yang merupakan faktor yang lebih penting dari faktor ekonomi. Malah kita boleh berkata bahawa faktor politik menjadi pencetus atau, dengan izin, antecedent kepada keruntuhan ekonomi negara. Di negara kita pada masa ini segala kemudahan ekonomi yang disenaraikan tadi semuanya ada. Malah berlebihan bilangan dan mutunya dari apa yang dipunyai oleh Kerajaan-kerajaan dahulu. Tetapi sama seperti apa yang berlaku di dalam Kerajaan Sri Vijaya, Melaka dan Johor-Riau, masalah-masalah politik dalamanlah yang menjadi punca kepada keadaan yang mengancam negara ini sendiri. Jikalau dahulu keadaan ini dimulakan dengan pertelingkahan di antara kumpulan inti dan kumpulan pinggir di kalangan istana maka sekarang ianya berlaku di antara dua golongan ini di dalam parti pemerintah dan juga di antara parti pemerintah dan Pembangkang walaupun proses mendapatkan kuasa melalui sistem demokrasi iaitu pilihanraya ataupun pemilihan di mesyuarat agung telah pun selesai.

Jikalau dahulu akibat awal dari pergolakan politik ini ialah penghijrahan saudagar-saudagar anak negeri keluar ke tempat lain, adakah ini juga berlaku sekarang? Jikalau dahulu pihak yang kalah merajuk dan terus meninggalkan kumpulan yang memerintah dan terus membuka negeri baru, adakah pola yang sama akan berlaku sekarang?

Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Barisan Nasional selama ini telah pun mengamalkan sebahagian besar daripada lapan faktor yang saya sebutkan tadi. tetapi mengapakah

dengan langkah-langkah meningkatkan lagi faktor enam dan faktor tujuh yang saya sebutkan itu iaitu pengagihan kuasa yang saksama disemua bidang masih terdapat ketidakpuasan hati di kalangan pemimpin sehingga timbul kumpulan pinggir yang menentang dengan kuat terhadap establishment. Dan mengapakah dengan wujudnya jntrastruktur ekonomi iaitu faktor pertama hingga kelima yang banyak dan polisi yang liberal masih lagi penghijrahan modal dari sumber domestik keluar negeri berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perbincangan saya kepada dua soalan inti ini bermula dengan soalan pertama. Pada pendapat saya soal ketidakpuasan hati ini berbangkit dari kekeliruan ataupun, dengan izin, contusion kita, mengenai proses pembuatan keputusan ataupun, dengan izin, decision-making process.

Di dalam sejarah tiga Kerajaan Melayu yang saya sebutkan tadi, segala pembuatan keputusan dalam proses sosial ataupun politik adalah mengikut sistem musyawarah. Sistem ini menekankan keputusan sebulat suara, Jika ada seorang sahaja yang tidak menyetujui keputusan kumpulan tidak dapat dibuat. Sebab itulah jikalau kita baca sejarah, kita dapati kadang-kadang berminggu-minggu atau berbulan-bulan sesuatu perkara dipertimbangkan dan diperbahaskan di dalam Majlis sebelum tercapai kata sepakat.

Tuan Yang di-Pertua, gejala ini masih wujud dalam budaya politik Malaysia pada masa ini walaupun kita telah hampir setengah abad menganuti sistem demokrasi yang menentukan kemenangan kepada suara terbanyak. Walaupun satu sahaja majoriti ianya bererti kemenangan. Kesenambungan gejala ini di dalam budaya politik Malaysia sejagat bercampur-baur dengan elemen-elemen demokrasi

mewujudkan confusion. dengan izin, dan justeru itu kacau-bilau di dalam negara berlaku. Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya kita betul-betul memahami dan juga menganuti sistem demokrasi, Kadang-kadang di dalam perasaan romantik terhadap institusi tradisional, kita lupa bahawa setengah elemen-elemen tradisional bercanggah dengan apa yang dikehendaki oleh institusi demokrasi moden.

Dengan wujudnya pengasingan ini, maka perpaduan akan terus dipertahankan. tetapi apabila tidak wujudnya pengasingan ini di dalam masa setahun dua ini menyebabkan perkara-perkara yang dipersetujui melalui proses demokrasi dipersoalkan. Misalnya, kelmarin berbangkit mengenai kemenangan Barisan Nasional (BN) dan juga hari ini berbangkit tentang kemenangan BN dengan hanya 31 undi di Tanjung Puteri sebagai satu perkara yang boleh dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua. di dalam konsep demokrasi. yang menang itu tetap menang. Mengapakah dibangkitkan soal itu ataupun soal rakyat kurang percaya kepada BN dan dibangkitkan bahawa BN lemah dan lain-lain tohmah yang boleh menyakitkan hati. Pada hari ini pula ada ungkapan mengenai "kemenangan yang tidak menang". Saya hairan di mana logiknya statement itu selain hanya mempunyai kiasan sastera sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk pula kepada persoalan kedua yang saya bangkitkan iaitu mengapakah dengan wujudnya infrastruktur ekonomi yang cukup masih berlaku penghijrahan modal ke luar negeri. Akhir-akhir ini MIDA telah melaporkan bahawa pelaburan ke dalam sektor pengilangan dari pemodal anak negeri mengalami kejatuhan yang teruk, Pada 1987 pelaburan domestik ini hanya pada tahap \$778 juta sahaja berbanding dengan \$1.800 juta pada 1984.

Jika dianalisiskan realiti ini lebih mendalam sumber pelaburan dari komponen bukan bumiputera ialah \$328 juta pada 1987 berbanding dengan \$1,020 juta pada 1984. Kejatuhan tahap pelaburan kumpulan bukan bumiputera secara absolute ini adalah merupakan suatu gejala negatif di dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini ialah kerana dasar negara untuk menjadikan sektor pengilangan (manufacturing sector) sebagai pencetus utama pertumbuhan ekonomi negara akan terjejas. Walaupun adanya pertambahan pelaburan modal sumber luar negeri yang meningkat dari \$524.5 juta pada 1986 kepada \$750.7 juta pada 1987. tetapi secara absolute jumlah ini pada 1987 tidak dapat mengganti kehilangan sebanyak \$692 juta dari golongan bukan bumiputera dan \$330 juta dari goiongan bumiputera.

Pokoknya. Tuan Yang di-Pertua, ke manakah perginya beratus juta ringgit yang sepatutnya dilaburkan ke dalam sektor pembuatan yang pada masa ini sedang dipupuk dan digalakkan pertumbuhannya oleh Kerajaan. Kerajaan terpaksa mengorbankan sedikit sebanyak strategi penyusunan semula masyarakat melalui perlonggaran Akta ICA untuk menarik pelaburan bukan bumiputera dan pelaburan asing. Hendak dikatakan masyarakat pelabur tempatan kekurangan wang adalah tidak tepat kerana sektor swasta menunjukkan peningkatan penabungan pada kadar 40% iaitu dari \$14,214 juta kepada \$19,900 juta di dalam tahun 1987 ini pula disokong dengan penurunan kadar Base Landing Rate (BLR) pada 7%.

Tuan Yang di-Pertua. sepatutnya pelaburan ke dalam sektor pengilangan ataupun sektor pembuatan meningkat melebihi angka-angka tahun 1986 tetapi hakikatnya tidak begitu.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah punca-punca kesangsian pelabur-pelabur anak negeri ini terhadap iklim

pelaburan di negara ini? Adakah peristiwa kejatuhan harga saham pada bulan Oktober 1987 yang bermula di Pusaran Saham Wall Street menjadi puncanya? Saya fikir sedikit-sebanyak lama menjadi punca tetapi tidaklah peristiwa ini menyebabkan kekurangan sampai pada tahap \$1.022 juta. Padahal di dalam masa yang sama pelaburan dari sumber luar negeri meningkat dari \$524.5 juta pada tahun 1986 kepada \$750.7 juta pada tahun 1987. Saya fikir punca utamanya bermula dari tahun 1986 dan menular ke sepanjang tahun 1987. Parti-parti politik dan kumpulan-kumpulan pendesak sosial di dalam usaha masing-masing menegakkan apa yang dipanggil keadilan telah melanggar batas-batas kesabaran pihak berkuasa yang mana dipilih melalui proses demokrasi yang adil. Tujuan sebenar penentang-penentang ini adalah untuk mengendurkan dungan izin, credibility and legitimacy kepimpinan negara yang ada pada masa ini. Kekenduran credibility and legitimacy inilah yang memberi isyarat bahawa krisis demi krisis akan berlaku dan justeru itukemungkinankestabilan negara akan mengikuti pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh seluruh proses demokrasi yang kita amalkan di negara ini. Sesiapa pun boleh mencabar kepimpinan di mana-mana peringkat tetapi apabila selesai pemilihan kita diajar oleh agama supaya yang menang bersikap tawaduk dan yang kalah menema kealahannya dengan haik. tetapi apa yang berlaku akhir-akhir ini merupakan satu kontlik yang mengkucar-kacirkan keadaan. Marilah kita sama-sama mewujudkan semula equipbrium yang sentiasa ada di negara ini melalui penganutan norma yang saya sebutkan tadi iaitu yang menang bertawaduk dan yang kalah menerima kealahannya dengan baik, Semoga selepas konflik yang lama, equilibrium yang kita akan capai nanti berada pada tahap yang lebih tinggi

yang mana negara ini akan menjadi lebih kukuh ekonominya dan stabil politiknya. Apabila ini tercapai, masyarakat pelabur anak negeri akan lebih berkeyakinan melabur di dalam negara ini. khususnya di dalam sektor pengilangan dan yang sama penting ialah keyakinan masyarakat pelabur luar negeri. dan mana kita bukan sahaja rnengharapkan modal di dalam bentuk kewangan tetapi juga modal di dalam bentuk teknologi asas.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan di kalangan masyarakat pelabur dalam negeri adalah sangat penting untuk mewujudkan iklim pelaburan yang sihat; tanpa keyakinan ini masyarakat pelabur luar negeri akan sangsi ke atas kestabilan negara kita. Walaupun pada masa ini seperti yang ditunjukkan oleh statistik tahun 1987, pelaburan dari luar negeri meningkat pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar pelaburan dari dalam negeri, lama-kelamaan saya fikir ianya akan terjejas akibat dari kesangsian ini. Dan lagi risiko yang akan kita tanggung di hari muka kerana terlalu bergantung kepada pelaburan luar negeri akan menjadi berat apabila ekonomi dunia bergolak. Malah ekonomi kita akan dikuasai oleh orang luar. Justeru itu kedaulatan negara tidak akan wujud lagi.

Oleh itu, saya menyeru pihak Kerajaan supaya melakukan apa sahaja di samping langkah-langkah liberalization, dengan izin, yang diimplementasikan sekarang untuk menggalakkan pelaburan daripada kalangan pelabur anak negeri, khususnya di dalam sektor pengilangan dan yang penting sekali ialah pengwujudan kestabilan negara melalui pendamaian persengketaan di kalangan kumpulan-kumpulan yang bertentangan di dalam kumpulan inti, baik di dalam UMNO mahupun di dalam Barisan Nasional serta di antara semua kumpulan politik dan sosial di negara ini.

Tuntutan-tuntutan hak atau dengan izin, interest articulation, mestilah dibuat melalui saluran institusi yang sah bukan melalui mob action, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha memperbaiki keadaan politik untuk meningkatkan keyakinan masyarakat pelabur, Kerajaan haruslah rasionalaiskan model pembangunan ekonomi negara secocok dengan penekanan ke arah tujuannya. Jika arah tujuan pembangunan ekonomi negara pada masa ini ialah kepada matlamat menjadikan negara ini sebuah negara industri, maka segala perencanaan di dalam semua sektor ekonomi mestilah ke arah itu.

Misalnya, sebahagian besar perencanaan di dalam sektor pertanian mestilah dibuat untuk pengeluaran bahan pertanian yang dikehendaki oleh industri. Perkara remeh-temeh seperti hendak menanam anggur dan buah-buahan lain yang sedang dikeluarkan dengan banyak dan harga yang lebih murah oleh Thailand harus diketepikan. Sindrom melatah apabila kita melihat sebiji manggis -berharga \$12 di Tokyo seharusnya tidak mengabuskan fikiran pemimpin dan perencana-perencana negara. Harga manggis yang \$12 sebiji di Tokyo itu bukanlah sebenarnya membayangkan permintaan yang tinggi di kalangan pasar yang menyeluruh. Ianya hanya merupakan harga barangan exotic yang menarik apa yang dipanggil conspicuous consumption, dengan izin, di kalangan orang-orang yang berpendapatan tinggi. Saya fikir, dengan izin, income elasticity of demand ataupun pendapatan keanjalan terhadap permintaan ke atas barangan seperti manggis dan durian di bandar Tokyo atau di bandar New York adalah rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah saya cuba memperkecilkan usaha Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran

bahan makanan tetapi biarlah barangan makanan ini dikeluarkan untuk mass consumption di dalam pasaran. Ini bermakna ianya mesti dikeluarkan sehingga tahap pengilangan dan yang lebih dari kegunaan domestik ianya bolehlah dieksport.

Apa yang saya hendak sarankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah Pelaii Induk Pembangunan Industri Negara yang ada pada masa ini wajib dijadikan penumpuan perencanaan ekonomi negara. Segala perencanaan di dalam sektor pertanian, sektor perkhidmatan dan justeru itu sektor sosial yang merangkumi antara lain Dasar Penduduk dan Kependudukan wajib berkiblat ke arah pembangunan koridor-koridor industri yang digariskan oleh pelan induk ini.

Penduduk yang berlebihan di desa mesti disalurkan ke arah koridor' koridor pembangunan industri ini, Masalah kemiskinan negara dalam dekad 90an yang akan datang mesti diselesaikan di dalam ekonomi industri di bandar bukan lagi di sektor pertanian khususnya sektor padi dan sektor perikanan yang mempunyai masa depan yang suram.

Dengan pergerakan model yang meriunjuk ke arah matlamat menjadikan negara sebagai sebuah negara industri tidaklah semestinya sektor luar bandar diabaikan. Penumpuan peruntukan kepada pembangunan ekonomi luar bandar harus dilakukan seperti apa yang dibuat pada masa ini iaitu dua pertiga daripada peruntukan negara ini menjadi pencetus, penggerak, penyalur sumber serta modai kepada pembangunan di koridor-koridor industri.

Di samping itu, apa yang saya sarankan ialah pengaliran penghijrahan penduduk juga patut diuruskan ke arah koridor-koridor ini.

Di koridor-koridor inilah akan terkumpulnya kekayaan negara di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya peruntukan yang banyak yang disalurkan pada masa ini ke dalam sektor luar bandar dirombak semula supaya peruntukan-peruntukan yang kurang membawa kepada peningkatan produktiviti ekonomi dan sosial seperti di dalam subsidi pengeluaran utama ditukarkan kepada subsidi pengeluaran hiliran seperti industri desa.

Shingga kini negara masih belum mempunyai suatu dasar industri kecil desa. Tanpa dasar dan tanpa subsidi untuk industri kecil model pertumbuhan ekonomi yang saya sebut tadi tidak akan dapat bergerak. Tetapi dengan adanya subsidi di dalam aktiviti hiliran di desa maka suatu integrasi pertanian dan pengilangan akan dapat dicapai dengan cepat dan pesat. Justeru itu barulah pelan induk pembangunan industri negara dapat dijalan berlandaskan sumber dari dalam yang banyak dan saya pasti pelabur-pelabur anak negeri akan mula mendapatkan keyakinan dengan adanya alternatif pelaburan yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan seharusnya jangan teragak-agak untuk mewujudkan dasar industri kecil desa dan seterusnya memperuntukkan subsidi kepadanya. Kita sedia maklum bahawa dasar perindustrian kita pernah menggalakkan pengimportan teknologi intensif modal atau dengan izin, capital intensive technology yang diberi pengecualian cukai, pinjaman dan perhitungan susut nilai yang tinggi untuk mengurangkan cukai. Ini merupakan suatu bentuk subsidi yang besar. Mengapa tidak boleh kita lakukan ini ke atas industri kecil desa. Kita boleh lakukan ini tanpa menambah beban peruntukan dengan mengalih sebahagian daripada subsidi di dalam sektor pengeluaran utama

petanian yang potensi pertumbuhannya rendah kepada sektor hiliran iaitu industri kecil desa yang saya sebutkan tadi.

Pada masa ini apa yang dialami oleh pembangunan industri desa ialah syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh Kerajaan dan institusi-institusi kewangan. Misalnya agensi Kerajaan yang ditugas mendirikan industri-industri ini diberi peruntukan bukan di dalam bentuk pemberian terus ataupun grant, malah di dalam bentuk pinjaman yang dikenakan kadar faedah 4% oleh Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada usaha-usaha pengilangan atau perniagaan di dalam dunia ini yang boleh berjaya jikalau 100% modalnya dipinjam walaupun pada kadar faedah yang rendah. Yang berjaya ialah bank-bank dan Perbendaharaan Kerajaan yang meminjamkan wang kepada mereka. Oleh itu, saya cadangkan supaya pemberian terus ataupun grant diberi untuk memodali sebahagian dari usaha industri-industri ini. Dengan ini tidaklah terjadi masalah kegagalan di dalam usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi syarat yang tidak menggalakkan pertumbuhan industri desa ialah peraturan birokrasi yang ketat mengenai pendirian kilang-kilang di desa. Misalnya, Lembaga Letrik Negara tidak akan memberi tenaga elektrik kalau kilang itu tidak dibuat mengikut piawaian yang selalunya digunakan di pusat-pusat industri di bandar, seperti kilang yang dibina dari kayu bulat tidak dibolehkan. Kilang yang tidak ada sub-stesyen yang harganya mungkin lebih dari harga kilang itu sendiri tidak dibolehkan dan lain-lain lagi.

Di pihak MDKT ataupun Majlis Daerah Kerajaan Tempatan pula tanah yang sekangkang kera itu pun mesti ditukar syarat kepada tanah industri

sebelum dilulus pendirian industri itu dan penukaran syarat ini pula mengambil masa dua tahun. Dan di pihak bank-bank pula bukan sahaja sandaran tanah atau harta lain yang sememangnya mencukupi nilai pinjaman tetapi akhir-akhir ini jaminan segala harta peribadi orang yang menjalankan usaha itu juga diperlukan. Ini bererti jikalau sesiapa di Malaysia ini hendak jadi usahawan beliau terpaksa menggadai segala harta dirinya seperti apa yang berlaku di dalam drama "Merchant of Venice" karya Shakespear di mana Yahudi Shylock mahukan pertaruhan "a pound of flesh" dari peminjamnya. Apakah bank-bank dan institusi-institusi kewangan kita telah menjadi Shylock korporat? Saya harap tidak. Bahana peristiwa BMF seharusnya sudah tiada lagi pada masa ini. Oleh itu bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang lain sepatutnya kembali mempunyai kepercayaan kepada masyarakat peniaga. Mereka harus ingat jikalau hidup masyarakat peniaga bergantung kepada mereka begitulah juga hidup mereka bergantung kepada masyarakat peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda ada juga menyebut tentang pengembangan budaya yang termasuk pengembangan bahasa. Bahasa Malaysia walaupun telah lama diimplementasikan sebagai bahasa rasmi masih lagi tidak mendapat tempat di sebilangan institusi dan lokasi. Satu institusi yang masih lagi ketinggalan ke belakang di dalam mendaulatkan Bahasa Malaysia ialah mahkamah.

Saya ingin tahu apakah masalahnya di dalam penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Adakah Bahasa Malaysia masih lagi berkurangan upaya untuk melahir dan menerangkan konsep-konsep perundangan sehingga penggunaannya secara keseluruhan

akan menjejaskan keadilan? Jikalau Bahasa Malaysia kini dapat mencakup keseluruhan konsep dan falsafah di dalam bidang-bidang sains moden mengapa ianya tidak boleh diberi status yang sama di dalam bidang perundangan?

Ada pendapat dikeluarkan oleh sebilangan orang yang mengatakan kononnya penggunaan Bahasa Malaysia di dalam hal undang-undang dan mahkamah masih belum sampai masanya lagi. Kononnya buku-buku rujukan undang-undang yang diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia masih belum cukup. Kononnya juga bahasa Inggeris sahaja yang boleh menjadi bahasa pengantar undang-undang yang tepat. Maka sebab itulah bahasa Inggeris harus terus digunakan.

Saya ingin bertanya adakah pentadbiran undang-undang di Indonesia yang menggunakan bahasa Indonesia iaitu satu variasari Bahasa Malaysia tidak sempurna dan tidak tepat? Sikap ini adalah sikap yang mewakili pihak yang tidak mahu menerima Bahasa Malaysia. Mereka lebih sanggup menerima bahasa asing untuk digunakan di negara mereka sendiri walaupun sebahagian besar di negara ini tidak faham bahasa Inggeris.

Kita juga belum pasti sama ada bahasa Inggeris yang digunakan dalam perbicaraan mahkamah adalah lebih tepat atau tidak. Kalau bahasa dan maksud yang digunakan itu tidak tepat, maka sayang sekali orang yang tidak bersalah mungkin didapati salah dan sebaliknya. Adalah jelik, Tuan Yang di-Pertua, melihat seorang bangsa Malaysia yang dibicarakan terpaksa diterjemahkan percakapannya oleh seorang bangsa Malaysia yang lain untuk difahamkan oleh penguam-peguam dan hakim yang juga berbangsa Malaysia di negara Malaysia yang berdaulat ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dakwaan bahawa beberapa istilah Inggeris di dalam undang-undang yang digunakan

di dalam mahkamah tidak ada persamaan istilah Bahasa Malaysia. Pendapat dan hujah begini menunjukkan sikap negatif yang disengajakan. Kalau pihak yang berkuasa betul-betul ingin menggunakan Bahasa Malaysia tidak ada istilah Inggeris yang tidak boleh diganti atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu saya harap pihak Kerajaan lebih serius di dalam membahasa Malaysiakan bidang perundangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas Titah Ucapan Baginda merasmikan persidangan Dewan ini,

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kok Lanas.

5.22 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas); Tuan Speaker, terima kasih. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar bagi menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pagi Isnin lalu.

Tuan Speaker, Tuan, Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa semua rakyat hendaklah memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memperkukuhkan lagi perpaduan rakyat dan solidarity nasional kerana tanpa kedua itu maka negara kita mustahil boleh mengekalkan kestabilan politik yang kini wujud. Hanya melalui kestabilan siasah yang berterusan sahaja kemajuan, pertumbuhan dan pembangunan sosio ekonomi yang akan memberi rakyat, kesejahteraan hidup dan menjadi negara

kita bertambah maju dan dapat bersaing dengan negara-negara jiran dapat dijamin.

Contohnya banyak, negara Thailand sekarang bergerak maju. Tanaman modal asing di negara Thailand melebihi berlipat kali ganda dari kita kerana politiknya stabil dan teguh semenjak Perdana Menteri Prem Tinsulanonda menjadi Perdana Menteri Thailand. Sebelum itu Thailand mengekori kita dalam pertumbuhan ekonomi dan beberapa perkara yang lain tetapi kini Thailand telah mulai mengatasi kita dalam banyak kegiatan-kegiatan hidup walaupun per capita income negara Thailand lebih bawah, lebih rendah daripada per capita income negara kita. Tetapi berapa iamakah lagi keadaan ini kita dapat pertahankan. Ini adalah semata-mata kerana iklim politik Thailand teguh dan rakyatnya bersatupadu, kuat berusaha dan produktif,

Begitu juga dengan Singapura, Brunei dan boleh dikatakan Indonesia pun serupa. Singapura semenjak ia merdeka 23 tahun dahulu dan dalam usia kemerdekaannya hanya ada seorang Perdana Menteri sahaja—Lee Kuan Yew. Indonesia semenjak negara itu merdeka hanya ada dua Presiden sahaja dalam 43 tahun. Kita dalam masa hanya 31 tahun sudah ada 4 Perdana Menteri. Ada juga baiknya kalau seorang Perdana Menteri atau Presiden mentadbir negaranya lama sedikit. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri Malaysia selama 13 tahun. Dengan izin, that was a good inning by any standard. Amerika Syarikat maju selepas recession tahun-tahun 20an di bawah Presiden Franklin Roosevelt yang memimpin Amerika selama lebih 14 tahun dan kalau dia tidak mati, harus terus memimpin Amerika berterusan melalui pilihanraya. Kini Margaret Thatcher, Perdana Menteri British sekarang adalah Perdana Menteri yang paling lama menjadi Perdana

Menteri British berterusan dalam abad 20. Dia telah menjadi Perdana Menteri Britain selama 3,246 hari, lebih kurang selama 8 tahun 9 bulan, Perdana Menteri British yang keempat dalam lama mentadbir dalam masa 270 tahun semenjak jawatan Perdana Menteri British itu diwujudkan. Ini adalah satu fenomenon politik kini apa pula bagi seorang wanita dan di bawah Perdana Menteri Thatcher, Great Britain sekarang maju dan sedang meningkat maju, bukan lagi sebuah negara Eropah yang mulai mundur pada akhir tahun-tahun 60an dan awal tahun 70an. Beliau juga telah dianggap dapat mengubati, dengan izin, the famous English disease, dengan izin, asyik strike, yakni asyik mogok (strike) dan satu penyakit lagi yang sangat common dengan mereka ialah malas.

Lee Kuan Yew telah menjadi Perdana Menteri selama 23 tahun. Di bawah pimpinannya, Singapura telah menjadi sebuah negara yang termaju, terkuat dalam bidang ekonomi dan ketenteraan, terutama sekali dalam pertahanan udara di Tenggara Asia. Singapura adalah antara 5 negara yang terkaya di Asia kini. Tidak mungkinkah ini kerana lamanya Lee Kuan Yew memimpin pulau itu. Sebelum Lee Kuan Yew, rekod yang paling lama seorang Perdana Menteri berkhidmat dalam sebuah negara demokrasi ialah Walpole dan William Pitt. Kedua-duanya dari England. Walpole selama 22 tahun, Pitt selama 19 tahun. Apakah iktibarnya di sebalik lamanya pemerintahan mereka ini. Lee Kuan Yew sekarang adalah Perdana Menteri yang paling lama memegang jawatan Perdana Menteri dalam dunia dan ini adalah satu rekod yang amat cemerlang sekali.

Sesungguhnya Dr Mahathir telah menjadi satu fenomenon politik di Malaysia, seperti Lee Kuan Yew di Singapura dan Margaret Thatcher di Britain, bezanya Dr Mahathir menjelma sebagai satu fenomenon

dalam satu masa yang singkat sahaja—7 tahun. Saya suka meneka, dengan izin, I like to guess, bahawa Dr Mahathir akan memimpin Malaysia bagi jangka masa yang agak lama, mungkin selama Tunku atau mungkin melebihi Tunku. Tunku 13 tahun, Tun Razak 5 tahun dari September 1970 hingga Januari 1976, Hussein Onn, 1976 hingga 1981, juga 5 tahun.

Apa yang kita harap ialah Malaysia dan rakyatnya juga akan jadi satu keajaiban atau fenomenon politik di kalangan "the fellowship of nations", dengan izin, atau di kalangan setiakawan antarabangsa dan pada penglihatan saya nampaknya kedudukan Perdana Menteri sekarang ini semakin kuat hari demi hari.

Tuan Speaker, Tuan, sekarang saya kembali ke tanahair kita pula. Sebelum Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, Malaysia tidak tahu membuat kereta—sekarang kita telah boleh membuat kereta Proton Saga yang sudah pun dieksport ke beberapa buah negara asing termasuk sebuah negara Eropah—Ireland Selatan. Akhir tahun ini Proton Saga akan dijual di England pula; belanjawan bagi sosio-ekonomi untuk kesejahteraan rakyat dahulu sedikit dibandingkan dengan sekarang; Kementerian Pelancongan tidak wujud, sekarang sudah wujud, Kuala Lumpur sudah cantik, jambatan Pulau Pinang sudah dibina, kilang besi waja ada dan banyak lagi projek-projek yang sedang dirancang bagi faedah semua rakyat dan yang akan kita harap, membawa Malaysia ke tahap kemajuan yang lebih tinggi lagi. Saya ingin melihat kita ada "subway" ataupun keretapi bawah tanah di Kuala Lumpur ini. Saya tidak nampak ini tidak boleh diadakan jikalau Singapura boleh, iklim dan alamnya lebihkurang kita juga.

Tuan Speaker; kita akan menjadi tuan rumah kepada persidangan Perdana-perdana Menteri Negara-negara dalam Commonwealth; Dr

Mahathir telah menjadi "a third world figure"—tokoh dunia yang ketiga; perlahan-lahan mungkin ia akan menjadi a world personality, dengan izin—melalui our war on drugs, dengan izin. Ini juga adalah satu phemonenon politik di Malaysia—tetapi kita harus ingat bahawa Margaret Thatcher juga ada kelemahan-kelemahannya. Margaret Thatcher suka lelaki yang kacak—she has a weakness for handsome men. Kata suratkhbar *OBSERVER SUNDAY*, London. Dia suka dipuja. Margaret Thatcher suka dighairahkan dengan pujian, dengan izin, she is very susceptible to flattery dan macam-macam ragam lagi, tetapi pada keseluruhannya Margaret Thatcher ada mempunyai banyak sifat yang positif daripada yang negatif walaupun ia telah lama menjadi Perdana Menteri. Tidak salah lama seseorang itu memerintah, tidak berdosa, hatta jadi M. P. pun tidak berdosa kalau lama, tidak salah kalau lama asalkan kita sensitif kepada suara rakyat, kita peka kepada aspirasi rakyat, kita bersama-sama dengan cita-cita dan matlamat yang mahu ditujukan oleh rakyat yang majoriti.

Tuan Speaker. dalam usaha kita memperhebatkan semangat cintakan Bahasa Malaysia, seperti berkali-kali saya katakan di dalam Dewan ini, kita janganlah¹ pula sekali-kali lupa menguasai bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa dunia yang lain yang penting seperti bahasa Arab, German, Jepun, Perancis dan Mandarin dan lain-lain lagi. Seorang Malaysia wajib menguasai paling kurang, paling minima dua bahasa. Kalau pun tidak tiga bahasa. Dan penguasaan bahasa-bahasa asing ini boleh dilakukan tanpa merosakan kecintaan kita terhadap bahasa kita sendiri. Adakah Dr Mahathir, Anwar Ibrahim, Mohamed Rahmat, hatta saya sendiri kurang kemelayuan kami, or less Malay, dengan izin, kerana kami boleh bercakap, memahami dan menulis dan membaca pelbagai bahasa? Adakah

Lee Kim Sai kurang kecinaannya kerana ia fasih berbahasa Malaysia? Tidak!

Tuan Speaker, saya menyokong usaha Kerajaan dan kempennya menyuruh rakyat cintakan Bahasa Malaysia; bertutur mengguna bahasa baku, or standard, or text-book Malay atau King's Malay, tetapi usaha dan program yang sama berkesan hendaklah juga diadakan bagi meningkatkan lagi mutu pencapaian bahasa Inggeris di katangan pegawai-pegawai, diplomat-diplomat dan rakyat dan pelajar-pelajar kita, terutama sekali rakyat dan pelajar bumiputera. Rakyat Filipina, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan orang-orang China dan orang Arab, Mesir dan Palestin, terutamanya, dapat bekerja di merata dunia kerana kebanyakan mereka boleh memahami bahasa Inggeris walaupun tidak selancar mungkin. Maka sebab itulah antara sebabnya sekarang ada lebih 3 million orang India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, China dan Arab serta West Indian dan orang-orang bukan kulit putih yang lain yang menetap di England. Tidak sampai 1,000 pun orang keturunan Melayu yang tinggal dan bekerja di England. Saya tidak kira pelajar-pelajar kita dan mereka yang bertugas dengan Kedutaan kita dan agensi-agensi Kerajaan Malaysia di negara itu; kalaulah ramai orang Melayu tahu berbahasa Inggeris maka senanglah mereka mencari rezeki di seluruh dunia; rezeki sangat sedang digali di England dan Eropah, di USA, Australia, di New Zealand serta Canada kerana rata-rata orang di sana pukul rata malas.

Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah juga bertitah tentang tourism atau pelancongan. Saya tertarik dengan cadangan bahawa sudah sampai masanya kita hanya bekerja 5 hari seminggu. Ada baik dan buruknya.

Dalam keadaan sekarang semasa kita dan Kerajaan berusaha memerangi kemiskinan dan kejahilan; ingin benar-benar meningkatkan lagi taraf hidup rakyat, kita harus bekerja sebenarnya 7 hari satu minggu. Jepun sebuah negara yang termaju pun bekerja 6 hari satu minggu. Malaysia ialah negara yang paling banyak hari cuti umum setiap tahun di dunia kini. Kita mahu rakyat kita produktif, rakyat produktif negara makmur dan bahagia. Tetapi kalau kita tingkatkan lagi quality dan kemahiran kita, tidak ada sebab kita tidak boleh menjadi produktif dan menikmati, dengan izin, 5-day week, atau bekerja 5 hari seminggu. Saya sendiri sekarang bekerja 7 hari seminggu dan saya tidak rasa teruk, tetapi sekarang saya sedia bekerja 5 hari satu minggu.

Setelah berfikir panjang, saya berpendapat 5 hari satu minggu mungkin lebih baik dari 5 setengah hari seminggu asalkan rakyat kita benar-benar bekerja 5 hari seminggu tanpa tuang. Dari segi pelancongan dalam negeri pula, atau dengan izin, domestic tourism, bekerja 5 hari seminggu akan menggalakkan orang kita melawat ke daerah-daerah luar daerah mereka kerana mereka ada 2 hari cuti berturut-turut.

Saya syorkan kepada Kerajaan agar memikirkan cadangan ini dengan serius kerana baiknya banyak jika kita bekerja 5 hari satu minggu. Satu kebaikan yang sangat nyata ialah dari segi national integration dan dengan adanya 5-day week, dengan izin, semua rakyat akan ada "satu common holiday" di seluruh Malaysia.

Sekarang 5 negeri—Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perlis—cuti pada hari Jumaat dan separuh hari pada hari Khamis. Negeri-negeri lain, hari Ahad dan setengah hari pada hari Sabtu. Saya cadangkan seluruh Malaysia bekerja 5 hari satu minggu dan hari Sabtu jadi common holiday di seluruh negara, yakni

Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perlis cuti pada hari Jumaat, Sabtu dan negeri lain—Sabtu dan Ahad.

Kelmarin saya membaca tentang usaha beberapa orang usahawan Eropah hendak menyambung perkhidmatan keretapi yang masyhur dan legenda or legendary, dengan izin, iaitu The Orient Express yang direvisedkan tidak lama dahulu yang mulanya ditubuhkan pada tahun 1883 iaitu 105 tahun dahulu, yang routenya, jalannya atau relnya dari Eropah melalui Paris ke Istanbul dan dari Istanbul ke Pakistan, ke India, Burma sampai ke Bangkok dan ke Singapura melalui Alor Setar, Ipoh, Kuala Lumpur, Gemas dan ke pulau Singapura. Kalaulah ini jadi, maka bilangan tourist yang mewah, VIP tourists, dengan izin, yang akan sampai ke negara kita akan bertambah.

Kalau semasa saya di Switzerland saya naik Glaziers Express dari Geneva ke St. Moritz, dari St. Moritz ke Zurich menikmati pandangan gunung-ganang, sungai, streams dan tasik-tasik yang diselubungi salji dan kampung-kampungnya cantik, saya ingin naik pula The Orient Express dari Kuala Lumpur ke Istanbul melihat dan menikmati hutan rimba, sawah padi yang indah, gunung-ganang, bukit, sungai, River Kwai, Mekong, Indus dan keindahan-keindahan yang lain, pelbagai bangsa dan perangai, kerbau dan unta. Saya harap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan Keretapi Tanah Melayu cepat-cepat merebut peluang ini berunding dengan pihak The Orient Express. Saya difahamkan inisiatif sekarang di tangan Keretapi Thailand dan operators The Orient Express. Saya percaya kita akan menyambut usaha ini dengan sepositif mungkin agar cadangan romantik ini dapat dilaksanakan segera.

Tuan Speaker, dari romantic journey, dengan izin, kepada foreign policy yang telah juga dititahkan oleh

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Speaker, adalah satu kenyataan bahawa dasar luar atau foreign policy sesebuah negara itu tidak boleh dipisahkan dengan notipn of national security, dengan izin, atau notional keselamatan negara. "Notional" ini adalah bahasa baku, dari bahasa Inggeris "notion", mengikut pendapat saya.

Adalah jelas pada pendapat saya bahawa dasar luar kita adalah manifestasi dan juga expression atau ekspresi—ini pun bahasa baku juga—atau expression, keinginan kita mencari, menjaga, mempertahankan keselamatan negara kita dari segala bentuk ancaman baik dari luar mahupun dari dalam negeri. Bagi mencapai matlamat kebangsaan, kestabilan politik dan perpaduan dan integration negara adalah asas yang kuat bagi kekuatan dasar luar dan keselamatan negara kita.

Satu element yang penting menjamin keselamatan dan kepentingan negara ialah pertahanan ibu pertiwi atau, dengan izin, the defence of our homeland or the defence of our motherland. Kita boleh capai ini dengan memperkuatkan lagi Angkatan Tentera kita, Angkatan Bersenjata kita dan para Military Police kita dan pasukan-pasukan keselamatan, perisik-perisik kita, dengan melengkapi mereka dengan senjata-senjata dan kelengkapan yang moden lagi sofisticated, dengan meningkatkan lagi kualiti dan pelajaran gegawai-pegawai dan perwira-perwira kita di samping menarik graduan-graduan memasuki Angkatan Tentera, Polis, perisik-perisik dan researchers-researchers kita.

Saya suka melihat seramai yang boleh diwujudkan apa yang digelar "scholar soldiers" atau terjemahan saya sendiri, skolar askar, atau skolar polis seperti apa yang dilakukan oleh

Singapura dan Israel. Selain dari kekuatan bala tentera, kita boleh memperkukuhkan lagi keselamatan negara kita melalui diplomasi dengan satu sistem ekonomi yang kuat lagi makmur, ketahanan sosial dan commitment yang tidak berbelah-bagi dari setiap rakyat terhadap bangsa, tanahair dan agama.

Tuan Speaker, kombinasi, campuran combination of these elements, dengan izin, disertai pula dengan tanggungjawab dan patriotism, cintakan tanahair, atau patriotisme setiap rakyat, maka kita bukan sahaja boleh stable—I don't know, "stable" or "stabil".

Tuan Hashim bin Safin: Stabil.

Dato' Abdullah Ahmad: Yang Berhormat dari Tanah Merah kata "stabil"; saya kata "stable"—makmur, bersatu-padu, tetapi kita juga akan disegani oleh kawan dan lawan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit berkenaan dengan keselamatan laut dan udara negara kita atau, dengan izin, Maritime and Air Security. Malaysia adalah sebuah negara laut atau Maritime Power kerana kita adalah sebuah Semenanjung dan kita juga terpaksa ke wilayah kita di Sabah dan Sarawak hanya melalui laut dan udara sahaja, kita tidak boleh pergi melalui jalan raya. Selain dari itu kita juga ada wilayah, dengan izin, Exclusive Economic Zone atau EEZ: Amerika kata E.E.Zee, dengan izin. Maka tugas Navy dan Tentera Udara Di-Raja kita amatlah besar dan berat sekali. Lebih penting ialah minyak petroleum dan gas kita semuanya didapati dalam perut laut. Saya sangat risau dan mohon agar Kerajaan berbuat sesuatu dengan segera yang boleh supaya Tentera Laut dan Udara Di-Raja kita benar-benar berkemampuan bagi melindungi khazanah negara dalam laut yang harganya tidak ternilai banyaknya, ditaksir beribu-ribu billion dollars, bukan billion ringgit.

Selat Melaka adalah amat penting kerana Selat Melaka adalah satu sea route, dengan izin, atau satu jalan laut yang terpenting di dunia ini. Lebih 50% petroleum mentah, dengan izin, crude oil supplies dan 80% dari mineralnya melalui Selat Melaka.

Sekarang tugas menjaga laut dan udara kita ialah Tentera Laut dan Tentera Udara kita dengan bantuan dari Kastam dan Merin Polis. Tugas ini walaupun berat telah dipikul oleh mereka dengan baik, amat baik dengan keadaan mereka, sesungguhnya amat baik under the present circumstances, dengan izin.

Saya kira sudah sampai masanya Tentera Laut dan Tentera Udara kita dilengkapi dengan kapal-kapal laut dan kapal-kapal terbang dan helikopter yang lebih sophisticated lagi daripada apa yang wujud sekarang. Saya cadang Kerajaan segera membeli kapal selam (submarines) bagi memperkuat kawalan khazanah negara di bawah atau dalam perut laut tadi. Begitu juga kapal-kapal terbang yang lebih handal, lebih cepat dan lebih pantas lagi dari kapal terbang jenis RF-5ES dan C-130HMP yang dibekalkan kepada Tentera Udara Di-Raja Malaysia.

Saya ingin melihat Naval Air Force ataupun Tentera Udara, Navy kita diperbekalkan dengan segera dengan kapal-kapal terbang sendiri, begitu juga ditambahkan kelengkapan dan fire power, dengan izin, Merin Polis dan Kastam kita. Kita juga wajib dengan seberapa segera memperbesar Angkatan Tentera Darat kita dengan mengambil satu sikap yang lebih pragmatic lagi seperti jiran-jiran kita yang memperkuat lagi pertahanan dan keselamatan negara kita.

Tuan Speaker, saya pohon apa yang saya kata ini dapat pula ditaklikkan dan ditinjau maksudnya dengan sedalam-dalamnya dan dilaksanakan sesudah

itu demi kesinambungan bangsa, negara dan agama kita yang tercinta.

Tuan Speaker, Nabi Muhammad s.a.w. menjadi contoh teladan kepada umat, maka demikianlah seharusnya seorang pemimpin, seorang Perdana Menteri itu juga harus menjadi kaca mata dan cermin kepada bangsa dan masyarakat negaranya. Allah s.w.t telah berfirman, saya baca maksudnya dalam Bahasa Melayu, tidak usah Arab sebab ramai orang tidak faham.

"Serulah ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan nasihat dan peringatan yang baik".

Surah An Nahal, Ayat 125

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Betong.

5.56 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul berbilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli di bawah nama rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat di kawasan Betong saya ingin mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac yang lepas. Nasihat Baginda yang padat adalah tepat pada masanya, penuh dengan panduan penting yang harus diambil perhatian oleh rakyat jelata khasnya semasa negara kita menghadapi berbagai cabaran dan dugaan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain Baginda menyeru bahawa rakyat harus terus memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, sokongan penuh yang tidak berbelah bahagi adalah penting untuk membolehkan beliau terus memimpin negara semasa kita menghadapi berbagai cabaran.

Bagi pihak rakyat di kawasan saya, saya ingin merakamkan sokongan penuh kami kepada pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang berkaliber tinggi, bersemangat kebangsaan, seorang penjuang bangsa dan negara. Beliau telah juga diiktiraf dan dihormati sebagai pemimpin sehingga di peringkat antarabangsa. Buktinya adalah beliau telah dipilih sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai penagihan dan pengedaran dadah.

Beberapa tahun yang lalu negara kita telah menempuhi berbagai cabaran dan dugaan seperti kemelesetan ekonomi, masalah pelampau perkauman dan agama, masalah dadah dan masalah politik.

Sebagaimana kita saksi sekarang kita dapat memelihara kestabilan politik negara, kita dapat menarik lagi pelabur-pelabur asing dan kita juga dapat memulihkan ekonomi negara. Begitu juga kita harus terus mengeratkan lagi perpaduan di antara kaum diseluruh negara. Semua ini adalah bukti nyata keberkesanan, kebijaksanaan dan ketegasan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Oleh yang demikian rakyat di kawasan saya penuh yakin atas pimpinan Yang Amat Berhormat untuk terus memimpin negara kita sebagai Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, nasihat penting Baginda iaitu untuk semua lapisan masyarakat termasuk ahli-ahli

politik menjaga perpaduan di antara kaum. Itu adalah syarat utama untuk kita mencapai hasrat murni kita untuk membentuk negara yang stabil, makmur dan aman, Tanpa perpaduan, kestabilan negara akan terganggu, kemajuan kita akan terjejas dan kemakmuran kita akan hancur.

Tuan Yang di-Pertua, nasihat Baginda itu haruslah diambil perhatian berat dan diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat khususnya di kalangan ahli-ahli politik: Kita harus bersama-sama berganding bahu berusaha ke arah mengeratkan perpaduan di antara kaum. Apa yang telah berlaku beberapa bulan yang lalu harus menjadi satu pengajaran dan satu amaran supaya kita harus menjadi satu pengajaran dan satu amaran supaya kita harus mengamalkan sikap sederhana serta bersedia berbincang apa juga kerumitan yang kita hadapi.

- Tuan Yang di-Pertua, dengan peluang ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya mengambil tindakan tegas untuk mengelakkan tercetusnya peristiwa yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bagi segenap lapisan masyarakat menyedari bahawa sikap sederhana dan bersedia bertolak-ansur harus sentiasa diamalkan.

Rakyat di negara kita harus memahami bahawa mereka mesti bersedia mengorbankan sesuatu sekiranya pengorbanan itu perlu demi kepentingan negara. Begitu juga pihak pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan khususnya jentera-jentera Kerajaan mereka harus sentiasa peka dan sedar atas harapan dan cita-cita berbagai kaum termasuk suku-suku kaum yang kecil di Sabah dan Sarawak. Keputusan yang diambil oleh mana-mana pihak harus sentiasa mengambilkira harapan semua kaum itu. Dengan cara ini kita mengharapkan bahawa tidak ada kaum walaupun minoriti merasa diri mereka diketepikan dan ditempatkan di luar

aliran pembangunan negara. Dengan cara ini kita dapat menahan semangat keyakinan bahawa sistem kita amalkan sekarang mampu memelihara melindungi kepentingan mereka, walaupun mereka golongan minoriti.

Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama khasnya di golongan ahli-ahli politik dan pegawai Kerajaan dan ketua-ketua masyarakat untuk memainkan peranan masing-masing untuk menentukan tiada golongan kaum merasa dirinya diketepikan. Sekiranya ada salah faham di antara kaum ataupun golongan-golongan dalam negara kita, semua pihak haruslah mengamalkan sikap untuk bersedia berbincang dengan secara terbuka. Dengan semangat gotong-royong, dengan semangat amalan mencari penyelesaian secara rundingan, hanya dengan cara itulah kita dapat mengharapkan segala masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan dengan aman dan baik. Adalah sikap tidak bertanggungjawab sekiranya kita mengeksploitasi keadaan salah faham itu. Kalau kita mengambil itu sebagai satu peluang untuk kita menegaskan kepentingan yang sempit, kepentingan peribadi dan mehiup perasaan pelampau perkauman, semata-mata hendak menggunakan keadaan itu sebagai batu loncatan untuk mencapai kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak sekarang beberapa golongan 'termasuk ahli-ahli politik masih mengamalkan dasar pelampau dan terus memainkan isu perkauman. Mereka ini menggunakan berbagai cara, berbagai tipu helah sehingga rakyat di luar bandar terikut-ikut, sehingga mereka menerima sebagai satu hakikat dan kemudian berperasaan benci-membenci di antara kaum akan terus membara. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menyeru kepada Kerajaan untuk memperhatikan gerakan mereka ini.

Adalah penting bahawa gerakan mereka ini dikawal sebelum mereka mempengaruhi golongan besar dari rakyat khususnya rakyat luar bandar dan ini boleh mengakibatkan dan menimbulkan salah faham di antara kaum dan akan mengakibatkan juga ataupun mencetuskan-satu peristiwa yang kita sama-sama tidak ingini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama berbangga atas pemulihan ekonomi Malaysia sepertimana yang ditunjukkan oleh peningkatan Keluaran Negara Kasar dalam negara dengan kadar 47%. Kita juga buat kali pertamanya dalam tempoh tujuh tahun telah berjaya mencatatkan kelebihan dalam imbalan pembayaran. Dalam keadaan begini kita harus mencari jalan untuk mengubah corak ekonomi negara, dari terlalu bergantung atas pengeluaran eksport primary commodity, dengan izin, seperti getah, kelapa sawit petroleum ataupun kayu-balak. Oleh itu kita menyokong penuh usaha Kerajaan meningkatkan pembangunan perindustrian berat dan ringan di seluruh negara sebagaimana yang telah dinyatakan dan digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian. Inilah satu dasar yang akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri baru. Di samping kita menjalankan, melaksanakan industri berat dan industri penggantian import dan menarik pelaburan asing, tumpuan juga harus diberi kepada Pembangunan industri kampung ataupun industri kecil di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, rakyat luar bandar seperti petani dan nelayan menunggu-nunggu cara mata pencarian yang baru yang diharapkan mereka boleh membebaskan diri dari kongkongan kemiskinan. Satu harapan mereka adalah industri kampung terdiri dari kemajuan kraftangan dan sebagainya. Di kawasan luar bandar di mana bahan mentah yang sedia ada, tenaga manusia pun ada, pengeluaran seperti kraftangan tidaklah berapa sulit diuruskan. Walau bagaimanapun,

ada beberapa masalah yang menyulitkan perjalanan pengeluaran itu. Yang pertama adalah modal yang tidak mencukupi. Yang kedua, pasaran yang tidak menentu.

- Misalnya di kawasan saya, rakyat di kampung dan di rumah panjang bersedia mengeluarkan kraftangan sebagai pekerjaan sampingan, tetapi malangnya pasarannya tidak menentu. Kadangkala ada juga pegawai dari Pejabat Kemajuan Kraftangan dari Kuching datang dan membeli dengan harga yang tidak juga menentu. Mereka ini datang tiga atau enam bulan satu kali. Di antara itu ataupun sebelum menunggu mereka datang, para petani dan nelayan ini terpaksa membiarkan kraftangan itu. Ini adalah satu keadaan yang menyedihkan. Mereka sendiri tidak dapat memasarkan kraftangan-kraftangan ini. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan berkenaan untuk menyusun rangkaian pemasaran yang cukup dengan jentera, pegawai dan modal. Saya yakin pasaran yang tetap ini akan menjadi stimulus, dengan izin, pada pengeluaran dari luar bandar.

Kejayaan pembangunan industri termasuk industri kampung ini di luar bandar adalah harapan kita untuk menyelesaikan masalah pengangguran yang sedang dialami kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran di negara kita telah meningkat kepada taraf yang meruncing dan menyedihkan. Kita telah diberitahu sehingga akhir bulan Februari tahun ini, 19,500 graduan belum dapat pekerjaan. Kadar pengangguran di seluruh negara telah meningkat dari 85% pada 1986 kepada 91% pada 1987 dan diramalkan meningkat pula kepada 9.4% pada tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, masalah mencari kerja adalah satu masalah sosial yang bahaya yang boleh mencetuskan satu peristiwa dan keadaan yang tidak diingini. Masalah

ini begitu ketara di kalangan belia-belia luar bandar yang hanya mempunyai kelulusan SRP dan SPM. Begitu juga dari mereka ini terdiri dari bekas pelajar vokasional dengan SPVM. Misalnya, ada seorang dari kawasan saya, walaupun dia dapat Gred II SPVM, kini hampir tiga tahun dia masih menganggur. Keadaan seperti ini, masalah mencari kerja, adalah satu isu yang harus diberi keutamaan oleh Kerajaan.

Di sini saya ingin menyeru kepada Kementerian Buruh untuk yang pertama ialah meluaskan lagi maklumat perkhidmatan Kementerian Buruh khasnya di luar bandar. Sekarang perkhidmatan ini hanya diadakan di bandar-bandar besar, misalnya di Sarawak hanya di Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri dan sebagainya. Yang kedua, saya harap Kementerian Buruh ini dapat membuat banci yang dibuat untuk memastikan jumlah belia yang betul-betul menganggur dan apakah sebab mereka ini terus menganggur.

Saya mempunyai penuh harapan, dengan pemulihan ekonomi kita, kadar menganggur ini akan turun.

Tuan Yarig di-Pertua, TV Malaysia adalah satu media massa yang berkesan untuk mendekati rakyat dengan Kerajaan. Dasar-dasar Kerajaan, kejayaan-kejayaan projek pembangunan dan nasihat penting negara dapat dalam beberapa saat didedah kepada rakyat di seluruh negara melalui kaca TV kerana perkhidmatan TV telah pun dapat dinikmati oleh rakyat di seluruh negara termasuk di pendalaman di luar bandar di negeri Sarawak. Dengan peluang ini saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada RTM yang telah berjaya meningkatkan taraf perkhidmatan TV Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 25 tahun merdeka dalam Malaysia, saya rasa telah tiba bagi RTM untuk

menimbangkan kemungkinan meng-agihkan masa untuk Berita atau Peristiwa Mingguan dalam Bahasa Iban di Sarawak dan mungkin juga dalam bahasa Kadazan di Sabah. Saya mengemukakan kedua bahasa ini kerana ini adalah bahasa yang terbesar digunakan di kedua negeri itu melainkan dari Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Cadangan ini saya kemukakan, atas beberapa sebab. Yang pertama, kebanyakan penduduk luar bandar sekarang belum memahami Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Maka kebanyakan mereka tidak berapa memahami apa yang mereka lihat dalam kaca TV. Dengan ada rancangan dalam dua bahasa digunakan untuk Berita atau Peristiwa Mingguan, maka saya berharap ramai lagi rakyat luar bandar di Sabah dan Sarawak dapat memahami dan menyedari peristiwa yang berlaku di seluruh negara. Ini akan meluaskan pandangan dan fahaman mereka. Ini juga kalau dapat dilaksanakan adalah satu alat yang penting, satu langkah untuk membantu pencapaian matlamat integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang berbagai kerumitan yang dihadapi oleh RTM untuk menimbangkan permohonan ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa rancangan dalam dua bahasa ini disusun untuk mengganti satu rancangan yang telah disiarkan iaitu Majalah Sabah dan Sarawak pada jam 6.30 petang tiap-tiap hari Isnin selama 30 minit. Saya rasa ini satu permohonan yang sederhana yang perlu dipertimbangkan sedalam-dalamnya oleh pihak yang berkenaan. Ini mungkin satu pengorbanan bagi pihak RTM. Saya yakin, pengorbanan ini tidaklah sia-sia. Ini akan mencatatkan satu lambaran sejarah baru untuk RTM dan daya-usahanya ke arah pencapaian matlamat integrasi nasional. Ini juga akan menjadi satu

bukti sikap tolak ansur Kerajaan Barisan Nasional ke arah mengerat lagi perpaduan di antara kaum.

Dengan ini saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

6.10ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk turut mengambil bahagian di dalam perbincangan Titah Ucapan Di-Raja ketika membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh pada tanggal 7hb Mac, 1988 dan untuk itu saya ucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sudah banyak ahli-ahli yang telah mengemukakan beberapa aspek secara terperinci dan biarlah di sini saya hanya menyentuh aspek-aspek yang hanya merupakan perkara umum sahaja.

Bagi saya Titah Ucapan Di-Raja yang telah disampaikan sedemikian rupa itu adalah padat dengan beberapa aspek kehidupan rakyat jelata yang amat penting sekali terutama sekali dalam konteks perpaduan dan keamanan negara. Itu adalah semuanya jelas membuktikan betapa Baginda menyedari akan tanggungjawab terhadap kepentingan rakyat dan negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Kita seharusnya merasa bangga dan berterima kasih serta memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Titah Ucapan Di-Raja tersebut agar aspek-aspek yang telah disentuhkannya akan dapat menjadi kenyataan demi untuk kepentingan rakyat dan negara Malaysia bersama.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita selidiki secara mendalam aspek-aspek yang termuat di dalam Titah Ucapan

Di-Raja yang dimaksudkan itu bukanlah suatu perkara yang baru. Bahkan ianya memang sudah menjadi matlamat Kerajaan sejak selama ini. Apa yang diperlukan ialah penekanannya dari masa ke semasa demi untuk menjamin pencapaiannya yang maksimum.

Namun begitu pada hemat saya bila kita bercakap mengenai pencapaian maksimum ke atas aspek-aspek yang dimaksudkan itu ianya bukanlah semudah bercakap di mulut sahaja. Melainkan di samping memerlukan penglibatan sokongan penuh daripada rakyat jelata pihak kerajaan yang bertanggungjawab bagi pencapaian matlamat itu hendaklah bukan sahaja perlu menampakkan kesungguhannya yang disertai dengan kejujuran dan keikhlasan tetapi juga bersikap adil dan saksama dalam semua tindakan yang diambilnya sebagai usaha untuk mendekati pencapaian yang dicita-citakan itu, atau dengan lain perkataan untuk menjadikan matlamat tersebut kepada kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam huraian yang seringkas itu saya percaya bahawa apa yang saya maksudkan sebenar-benarnya masih lagi dalam keadaan yang samar-samar. Dan untuk jelasnya di sini saya ingin memohon keizinan untuk membuat pembicaraan ke atas beberapa aspek yang spesifik yang telah disentuh dalam Titah Di-Raja tersebut yang saya rasa amat relevance dengan keadaan semasa negara kita yang mana antara lainnya seperti berikut ini:

(1) *Perpaduan Kaum*

Perpaduan kaum adalah satu-satunya aspek yang begitu mustahak bagi kerukunan hidup bermasyarakat seperti kata suatu slogan kita yang berbunyi, Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh. Saya bukan menyentuh perkara ini dengan tujuan untuk menyatakan bahawa perpaduan kaum tidak wujud di negara ini tetapi

meski pun diakui bahawa sudah terdapat perpaduan kaum kita. Namun begitu tidak juga siapa yang dapat menafikan bahawa perpaduan kaum yang kita sama-sama nikmati selama ini masih lagi begitu delicate sekali, dengan izin, dan masih mudah terdedah kepada perpecahan dan jika tidak diberikan penekanan atau perhatian berat ianya akan boleh membawa kepada kewujudan polarisasi kaum. Dalam penganalisan saya sendiri ada banyak punca yang menyebabkan demikian iaitu antara lainnya yang amat ketara sekali ialah perasaan masyarakatnya yang masih begitu tebal terhadap perkauman dan kedaerahan di mana satu-satu kaum itu begitu memberikan penekanan kepada kaum atau masyarakat sederahnya sendiri.

Meskipun ada orang yang menyatakan bahawa keadaan seperti itu adalah tidak boleh dikikiskan sama sekali kerana ianya merupakan sifat semula jadi manusia tetapi kita tidak seharusnya tunduk kepada kata-kata seperti itu. Pihak Kerajaan haruslah membuat penganalisan demi penganalisan bagaimana untuk mengatasi masalah seperti itu hingga kita menerima kenyataan bahawa meski pun kita rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan serta datang daripada berbagai-bagai negeri atau daerah tetapi satu perkara yang nyata yang harus diterima dan kita akui bersama bahawa kita ini adalah semuanya rakyat Malaysia yang mempunyai tujuan yang sama dan tanggungjawab yang sama terhadap rakyat dan negara untuk menjadikan hakikat itu kepada kenyataan, kita haruslah berhati-hati, kita seharusnya mengelakkan dengan sedaya upaya daripada mengeluarkan kata-kata dalam apa juga keadaan yang menyentuh mengenai bangsa, agama dan kebudayaan yang boleh menyinggung perasaan seseorang daripada sesuatu agama atau kaum.

Apa yang kita perlukan ialah seseorang itu akan dapat menikmati kebebasan yang dijamin dalam Perlembagaan untuk turut sama dalam pembicaraan mengenai hak asasi bangsa, kaum, agama dan kebudayaan agar ianya tidak merasa tertekan dan tersisih daripada hak asasinya yang terdapat dalam Perlembagaan.

Apa yang termaktub dalam Perlembagaan Negara kita maka itulah seharusnya menjadi junjungan dan pegangan kita dalam menempuh hidup di kalangan masyarakat majmuk negara kita Malaysia ini. Dengan cara demikian maka erti kata keadilan itu benar-benar dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat yang akan dengan sendirinya boleh membuat seseorang daripada sesuatu kaum, agama atau kebudayaan itu merasa dihormati dan seterusnya membawa kepada penanaman perasaan hormat menghormati di antara satu sama lain yang bukannya lahir daripada mulut sahaja tetapi daripada hati sanubari yang jujur dan ikhlas diikuti dengan perkhidmatan dan tindak-tanduk terhadap satu sama lain. Saya berkeyakinan bahawa unsur-unsur atau sifat-sifat seperti inilah satu daripadanya yang boleh mewujudkan perpaduan kaum yang teguh.

(2) *Keamanan Negara*

Keamanan dalam satu-satu negara itu adalah amat penting diwujudkan demi untuk pembangunan ekonomi yang teguh kerana kalau negara kita dalam keadaan kacau bila pelabur asing akan takut datang melabur di negara kita ini dan Kerajaan sendiri pun susah untuk membuat perancangan yang diperlukan oleh rakyat. Yang lebih buruk lagi, negara kita akan menjadi lemah dan apabila keadaan ini terjadi, maka keselamatan negara kita terdedah kepada bahaya terhadap sama ada ancaman dari luar ataupun dari dalam sendiri.

Untuk huraian selanjutnya, izinkan saya untuk memusatkan perbincangan saya dengan mengambil negeri Sabah sebagai tajuk yang spesifik iaitu salah satu negeri dalam Persekutuan Malaysia. Oleh sebab ianya begitu terdedah kepada pendatang-pendatang haram, terutama sekali daripada Filipina yang mana sehingga kini pernah dilaporkan bilangan mereka yang berada di negeri itu sudah pun meningkat lebih 300,000 orang, maka saya rasa sesiapa pun boleh membayangkan keadaan di negeri itu. Bila ditanya pihak yang berkuasa mengenai kehadiran mereka, biasanya jawapan yang diberikan ialah atas dasar peri kemanusiaan, maka mereka dibolehkan berada di negeri itu. Tetapi amat sedih sekali bila kita rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah membiarkan mereka tinggal bersama di negeri itu atas dasar apa yang dikatakan peri kemanusiaan, sungguh sedih sekali di pihak pendatang haram pula tidak tahu erti kata peri kemanusiaan walau sedikit pun.

Saya berkata demikian bila mereka melakukan perbuatan yang tidak sihat terhadap rakyat Malaysia di Sabah yang membenarkan mereka tinggal di Sabah atas dasar peri kemanusiaan seperti melakukan kegiatan jenayah, merompak, merogol, pecah rumah, mencuri, mengganggu ketenteraman dan keamanan di bandar terhadap rakyat Sabah, sehingga kini bagi saya Sabah bukan lagi suatu negeri yang aman bahkan adalah suatu negeri yang tidak lagi aman untuk didiami akibat perbuatan pendatang-pendatang haram tersebut.

Saya selalu bertanya kepada diri saya sendiri sama ada itukah bentuk pembalasan yang seharusnya diberikan oleh pendatang-pendatang haram terhadap peri kemanusiaan yang ditunjukkan oleh rakyat dan Kerajaan Malaysia di Sabah kepada mereka. Kalau ya jawapannya, adakah itu suatu keadilan. Justeru itu, oleh sebab negeri

Sabah adalah dalam Persekutuan Malaysia, maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan supaya membantu rakyat Malaysia di Sabah untuk mewujudkan keamanan di negeri itu dengan cara mengambil apa juga tindakan yang positif untuk menghantar pendatang-pendatang haram yang tidak tahu mengenang budi itu kepada negara asal mereka. Semoga dengan.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan. Dia minta penjelasan, boleh beri jalan?

Tuan Maidom bin Pansai: Okay!

Tuan Pitting bin Haji Mohd Ali: Penjelasan. Sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud itu bahawa semua jenayah yang berlaku di Sabah itu adalah hasil perbuatan pihak pelarian filipina. Adakah sudah ditentukan oleh beliau bahawa semua jenayah-jenayah yang berlaku di Sabah itu adalah hasil perbuatan dari pelarian filipina, tidak ada pihak yang lain melakukan perbuatan seperti yang demikian. Terima kasih.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan semua, tetapi saya fikir seluruh rakyat Sabah menyedari, bahkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri pun saya fikir mengakui hakikat itu bahawa wujudnya kacau bilau yang disebabkan oleh pendatang haram. Boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, teruskan .

Tuan Maidom bin Pansai: Semoga dengan pemergian mereka daripada negeri Sabah, maka negeri itu akan menjadi suatu tempat yang aman

damai dan bukan sahaja selamat untuk didiami tetapi juga dapat menjadi negeri sasaran para pelancong di rantau ini selaras dengan dasar Kerajaan kita.

(3) *Kestabilan Politik*

Kestabilan politik juga adalah salah satu faktor yang boleh mempengaruhi keadaan bagi pengwujudan perpaduan, keamanan dan pembangunan ekonomi dan untuk itu ia seharusnya diberikan penekanan yang amat sangat. Sejarah telah membuktikan bahawa pergolakan politik boleh mengakibatkan keadaan negara tidak menentu, lebih-lebih lagi bila para parti politik yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk memegang pemerintahan sesuatu negara itu terlibat dalam pergolakan.

Contoh yang paling dekat sekali ialah kejadian baru-baru ini terhadap parti UMNO iaitu satu-satunya parti yang telah merangka penubuhan Kerajaan Malaysia serta menjadi tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional selama ini, tiba-tiba pula diisytiharkan sebagai tidak sah di sisi undang-undang oleh mahkamah. Kejadian ini telah menggemparkan bukan sahaja seluruh rakyat Malaysia tetapi mungkin juga dunia luar. Ini adalah semuanya berpunca daripada pergolakan politik yang telah menyebabkan kestabilan politik tergugat.

Dalam kejadian seperti itu ke atas UMNO, tentu kita boleh bayangkan bagaimana keadaan dan kedudukan para pemimpin parti tersebut, terutama sekali Presidennya yang juga merangkap Perdana Menteri Malaysia. Tentu sekali tidak siapapun yang boleh menafikan bahawa dalam keadaan genting itu, beliau memerlukan sokongan daripada bukan sahaja para pemimpin dan ahli-ahli partinya itu sendiri, tetapi juga semua parti yang berada dalam komponen Barisan Nasional demi untuk membolehkan kepimpinan Kerajaan yang telah

dipilih oleh rakyat yang ada sekarang ini akan dapat diteruskan serta menjalankan tanggungjawab dan fungsi pentadbiran Kerajaannya seperti biasa, kerana bila Kerajaan yang telah dipilih untuk memerintah itu terganggu, maka terjadilah krisis dalam negeri dan bila itu berlaku, maka ianya akan boleh mendatangkan kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita.

Namun bagaimana kita merasa bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana nampaknya semua parti-parti dalam komponen Barisan Nasional telah pun menampakkan kematangan berfikir, kematangan berpolitik dengan cara mereka telah turut mengambil berat terhadap apa yang telah terjadi kepada parti yang menjadi tunggak Kerajaan Malaysia selama ini dengan memberikan sokongan yang padat supaya di sebalik pergolakan politik itu kedudukan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri telah tidak terganggu melainkan terus berjalan sehinggalah nasibnya ditentukan oleh rakyat sendiri dalam pilihanraya akan datang.

Saya memberikan penekanan ke atas tanggungjawab setiap parti dalam komponen Barisan Nasional atau siapa juga terhadap parti yang telah diberikan mandat oleh rakyat untuk memegang tampuk pemerintahan dalam sesuatu negeri atau negara itu. Tanggungjawab yang saya maksudkan ialah sokongan padat dan seterusnya kerjasama kepada mana-mana parti yang telah dipilih oleh rakyat untuk memerintah di sesuatu negeri, agar dia akan menjalankan tanggungjawabnya untuk memerintah negeri itu serta menjalankan fungsi Kerajaan yang licin dan rapi tanpa sebarang halangan dan rintangan seperti yang telah dibuat oleh parti-parti komponen Barisan Nasional di atas parti UMNO dan Presidennya Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadapi pergolakan politik parti seperti itu pada baru-baru ini.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua parti-parti komponen yang telah menjalankan tanggungjawabnya yang begitu mulia sekali. Atas sokongan penuh dan kerjasama yang telah mereka berikan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kini pergolakan tersebut telah pun menjadi teduh dan kestabilan politik dan Kerajaan telah pun terwujud kembali di negara ini. Sepatutnya tanggungjawab dan sokongan parti-parti komponen Barisan Nasional seperti itu haruslah bukanlah hanya dihadkan kepada parti seperti UMNO sahaja, melainkan sebagaimana yang telah saya sentuh tadi iaitu kepada semua parti-parti yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah di dalam sesuatu negeri. Keputusan rakyat seharusnya dihormati dan dijunjung tinggi dan bukan dipertikaikan.

Saya ingin mengambil contoh yang spesifik seperti dalam kes parti PBS di Sabah yang telah dipilih oleh rakyat majoriti untuk memerintah negeri itu yang pernah dipertikaikan dahulu dan mungkin sehingga sekarang ini.

Pihak parti-parti dalam komponen Barisan Nasional seharusnya memberi sokongan sepenuhnya kepada parti itu demi untuk menghormati keputusan rakyat dan memberikan bantuan yang dianggap perlu demi untuk membolehkan dia menjalankan tugasnya sebagai parti memerintah. Pihak-pihak yang berkenaan haruslah membuktikan bahawa ia menyanjung tinggi lunas-lunas demokrasi dengan menghormati keputusan rakyat dengan mengakui saya mengiktirafkan parti itu sebagai parti pemerintah negeri itu sehingga ianya ditentukan kembali oleh rakyat dalam pilihanraya. Saya menyentuh perkara ini bukan bertujuan untuk mengungkit-ungkit

sesuatu tetapi tujuan saya adalah jujur dan ikhlas dari segi kebenaran dan keadilan dan demi untuk kestabilan politik negara kita Malaysia yang tercinta ini.

(4) *Infrastruktur*

Satu lagi aspek yang digariskan dalam Titah Ucapan Diraja itu adalah mengenai penyediaan infrastruktur yang merupakan keperluan asas masyarakat seperti bekalan air, bekalan tenaga letrik dan telefon. Saya percaya bahawa bila Kerajaan menyentuh perkara ini ianya jelas membuktikan betapa Kerajaan mengambil berat tentang kebajikan masyarakat. Saya percaya apabila itu telah sampai ke pengetahuan rakyat jelata, ianya adalah suatu yang amat mengembirakan mereka. Saya berkata demikian kerana masyarakat di kawasan saya sendiri iaitu Kota Belud

masih banyak lagi yang telah lama dahagakan kepada keperluan asas seperti itu, terutama sekali bekalan tenaga elektrik dan bekalan air. Sehingga ianya dijadikan bahan isu yang begitu hangat sekali dalam mana-mana dialog, terutama sekali dalam mana-mana pilihanraya sama ada Negeri atau Parlimen. Dengan itu di sini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan di atas. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Ahli Yang Berhormat boleh sambung lagi besok.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

